

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 20

Rabu

18 Disember 2013

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 (Halaman 29)

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 (Halaman 83)

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan
(Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013 (Halaman 106)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebeaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 75)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 18 Disember 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi. Sebelum kita mulakan pertanyaan lisan ini, saya perhatikan ramai yang masih belum ada di Dewan. Sila hormati masa.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, langkah kerajaan bagi membendung lambakan barangan tiruan yang dijual secara meluas dan nyatakan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil bagi tempoh 2012 dan 2013.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah yang telah membuat soalan kepada kementerian untuk menyatakan langkah-langkah kerajaan bagi membendung lambakan barang tiruan yang dijual secara meluas dan nyatakan tindakan penguatkuasaan yang diambil bagi tempoh tahun 2012 dan tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha dan memberi perhatian serius bagi membanteras penjualan barang-barang tiruan di pasaran di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2012, kementerian telah mengambil 934 tindakan kes berkaitan barang tiruan yang melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM14,543,805. Manakala pada tahun 2013 sehingga bulan Oktober, sebanyak 671 tindakan kes dengan nilai rampasan berjumlah RM7,127,032. Tindakan-tindakan kes yang diambil melibatkan pelbagai kategori jenis barangan. Antaranya ialah rokok, arak, ubat-ubatan, barang makanan, pakaian dan juga barang-barang keperluan diri dan sebagainya.

Di samping itu, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian untuk membendung lambakan barang tiruan di pasaran adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan dan menggerakkan pasukan petugas khas membanteras barang-barang tiruan yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan berasaskan bidang kuasa undang-undang masing-masing dan pihak industri bagi menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan juga merangka tindakan bersepadu;
- (ii) mewujudkan *basket of brands* ataupun ringkasnya BOB iaitu pemilik cap dagangan berdaftar diminta mengemukakan surat persetujuan secara bertulis untuk memberi komitmen dalam proses penyiasatan dan juga pendakwaan;
- (iii) mewujudkan *key performance indicator* (KPI) bagi premis-premis yang ada di dalam kawasan *hotspot*;
- (iv) melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara proaktif tanpa kehadiran pemilik cap dagangan berdaftar ataupun wakil penguatkuasaan berasaskan kepada jenama yang disenarai dalam *basket of brands*; dan
- (v) penguatkuasaan sempadan, *border measures*, dengan izin, juga diwujudkan dengan kerjasama pihak Kastam Diraja Malaysia bagi menangani kemasukan barang-barang tiruan dari luar negara. Kementerian juga menggalakkan kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan sebarang kegiatan penjualan barang tiruan supaya tindakan segera dapat diambil terhadap pihak-pihak terbabit.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tadi. Memiliki barangan berjenama sebagai cita rasa kebanyakan orang yang mengutamakan prestij. Antara barangannya termasuk pakaian, beg tangan, kasut, jam tangan, cermin mata malah minyak wangi sehingga perisian komputer seperti yang terjual banyak di *Petaling Street* dan sebagainya terutama dari Thailand, Korea dan USA. Lambakan barangan tiruan boleh memberi kesan kepada ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri telah menjawab berkaitan penguatkuasaan tadi tetapi saya ingin juga mengemukakan soalan berkaitan dengan tindakan ke atas pengedaran dan penjualan barangan tiruan yang dibawa masuk seperti barangan separa siap dan kemudiannya dibungkus dan dilabel sebelum diedarkan di pasaran. Apakah langkah kerajaan bagi memberikan kesedaran kepada awam supaya tidak membeli barangan tiruan dan seterusnya, mengurangkan lambakan barangan tiruan di pasaran? Terima kasih.

■1010

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang akui lambakan barang-barang tiruan begitu berleluasa di dalam negara. Jadi, untuk itu kementerian telah pun menubuhkan pasukan petugas khas untuk membanteras barang-barang tiruan yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan

berasaskan bidang masing-masing. Contohnya, Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia fasal ada juga ubat-ubatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi yang kita gabungkan di dalam pasukan petugas khas untuk membanteras barang-barang tiruan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita akui memang begitu ketara sekali, sebab itu penguatkuasaan ini kita jalankan. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya sebut tadi barang-barang yang kita rampas, jumlah yang dinyatakan termasuklah makanan, ubatan, kosmetik dan juga pakaian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Bagi makluman Yang Berhormat, kita juga telah membuat tindakan-tindakan. Dalam masa yang sama kementerian juga sekarang ini mewujudkan satu pangkalan data berhubung dengan maklumat-maklumat mengenai dengan cap dagangan berdaftar atau pun wakil-wakil yang saya sebut awal tadi di dalam *basket of brands* supaya membantu kita sekiranya kita membuat tangkapan atau pun penguatkuasaan di mana-mana, mereka akan bersama-sama dengan kita untuk membantu bagi membawa kes-kes ini ke mahkamah. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalah lambakan barang tiruan ini adalah berpunca daripada sikap, juga sikap pembeli yang mahukan jenama dengan harga yang murah atau pun mereka tidak mampu untuk membeli barang yang tulen. Jadi, sikap pembeli ini membuatkan pengusaha-pengusaha membawa barang lambakan yang begitu banyak.

Pertanyaan saya adalah, apakah langkah kerajaan untuk mendidik rakyat Malaysia, khususnya supaya mereka ini kalau boleh dikatakan benci kepada barang-barang tiruan. Ini kerana barang-barang tersebut memang kalau kita pakai pun tidak boleh tahan lama. Walaupun harga murah tapi akhirnya tidak boleh pakai langsung. Peribahasa kata, "*Alah membeli, menang memakai*". Jadi, apakah tindakan?

Keduanya, lambakan barang-barang tiruan itu begitu banyak sekali dalam negara kita, boleh didapati di mana-mana. Penguatkuasaan oleh kementerian walaupun selalu berlaku rampasan dan sebagainya tetapi mereka ini masih berleluasa. Apakah yang kita lakukan mungkin kena melakukan Ops Cantas seperti yang dilakukan oleh polis terhadap penjenayah dan kita lakukan Ops Cantas untuk barang-barang tiruan ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof yang telah menimbulkan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang akui, memang lambakan barang-barang tiruan itu begitu berleluasa dan keinginan atau pun sikap individu untuk memiliki barang-barang berjenama.

Akan tetapi tidak berkemampuan tapi dia hendak pakai juga. Contohnya, dia hendak beg tangan LV atau pun pakaian baju yang berjenama. Jadi, ini sikap kitalah, masyarakat di dalam negara. Oleh sebab itu, barang-barang tiruan ini begitu berleluasa dihasilkan oleh peniaga-peniaga. Jadi, untuk itu kita, saya sebut awal tadi, kita mengadakan pasukan petugas dan yang lain-lainnya kita telah memberi juga maklumat mengenai dengan tindakan-tindakan yang akan kita ambil. Kesalahan pertama, sekiranya kita membuat tangkapan dan sebagainya, denda melebihi daripada RM10,000 kalau setiap barangan yang dirampas.

Akan tetapi kadang-kadang masih lagi berleluasa kerana pintu masuk barang-barang tiruan ini kita memang mengetahui dan mungkin terdapat di negeri-negeri yang bersempadan dan juga melalui laut dan sebagainya. Penguatkuasaan ini sentiasa diambil tindakan-tindakan oleh kementerian bersama-sama dengan agensi agar kita hendak memastikan supaya lambakan barang-barang tiruan yang hendak memenuhi cita rasa penduduk atau pun masyarakat hari ini yang hendak barang-barang yang berjenama tetapi tidak berkemampuan. Oleh sebab itulah barang-barang yang berjenama ini, tiruan begitu banyak di dalam pasaran sekarang ini. Jadi, tindakan-tindakan susulan terus kita ambil dan kita memberi penerangan, penjelasan kepada masyarakat supaya membantu kita supaya lambakan barang tiruan ini dapat kita kurangkan daripada semasa ke semasa.

2. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bilakah tarikh anggaran yang baru bagi kementerian untuk menyiapkan Lebuhraya Pan Borneo oleh kerana peruntukan yang disediakan bagi meneruskan projek lebuhraya ini pada Bajet 2014 dilihat agak sedikit daripada jumlah kos keseluruhan jalan yang belum siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sememangnya memberikan komitmen untuk membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak.

Perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan ini dibuat berdasarkan kepada Laporan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya atau HNDR untuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan. Kajian tersebut telah dimulakan pada tahun 2008 dan siap sepenuhnya pada tahun 2010 dengan kos sebanyak RM3.5 juta. Laporan tersebut yang dikenali sebagai HNDR Fasa 2 bertujuan menyediakan pelan pembangunan rangkaian jalan raya menyeluruh bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sehingga tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua, kajian HNDR Fasa 2 ini turut mencadangkan pembinaan jalan-jalan lain yang menghubungkan antara Jalan Pan Borneo ke kawasan pedalaman yang berpotensi tinggi seperti Zon Industri Sabah, kawasan-kawasan pelabuhan dan kawasan-kawasan yang masih dalam perancangan ketika itu seperti bandar industri dan halal hab Tanjong Manis. Oleh itu sememangnya menjadi hasrat dan visi kerajaan untuk menjadikan Jalan Pan Borneo ini sebagai tulang belakang kepada pembangunan koridor ekonomi di Sabah dan Sarawak.

Menerusi kajian HNDR Fasa 2 ini Jalan Pan Borneo telah diberikan lebih penekanan lagi. Di mana jalan ini akan dinaikkan taraf kepada *dual carriageway* secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2011 hingga ke tahun 2025. Pembinaan secara berperingkat-peringkat ini juga mengambil kira kadar peratusan pertumbuhan bilangan isi padu trafik dan pertumbuhan ekonomi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pembentangan Bajet 2014 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 25 Oktober 2013 lalu, kerajaan antara lain telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk projek Jalan Pan Borneo. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM168 juta akan dibelanjakan untuk pelaksanaan projek-projek baru. Sebanyak RM100 juta untuk projek sambungan Pan Borneo dan bakinya sebanyak RM232 juta lagi untuk projek-projek kecil yang telah komited dan diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2013.

Pada masa kini keutamaan kerajaan bagi keseluruhan projek Jalan Pan Borneo ialah untuk melaksanakan projek-projek di kawasan-kawasan yang kritikal, khususnya di kawasan yang kerap berlaku kemalangan di Jalan Pan Borneo. Sekian terima kasih.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sudah mengenal pasti lokasi kemalangan yang kerap kali berlaku di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo ini? Apakah tindakan segera kementerian dan berapa kerapkah kementerian melakukan penyelenggaraan di jajaran lebuh raya ini? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

■1020

Sebenarnya kawasan-kawasan yang merupakan *blackspot* dan kawasan yang *prompt accident*, dengan izin telah dikenal pasti dan kawasan-kawasan ataupun lokasi-lokasi itu memang akan diselenggarakan Yang Berhormat. Kita sebenarnya sebahagian daripada peruntukan di bawah Pan Borneo ini, selain daripada menaiktarafkan jalan, lorong memotong, membaik pulih jalan raya, program pembaikan cerun-cerun, pembaikan kawasan banjir, rawatan *blackspot*, merupakan keutamaan.

Selain daripada peruntukan yang diberikan untuk projek Pan Borneo Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM427 juta untuk penyelenggaraan jalan-jalan utama terutama sekali di negeri Sabah, negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Ini merupakan tambahan kepada peruntukan RM500 juta yang dikhususkan untuk pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini Yang Berhormat.

Selain daripada itu Yang Berhormat, mesyuarat berkala juga dilaksanakan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bagi kita sentiasa untuk membincangkan, seterusnya memperincikan permasalahan terutama sekali membaiki jalan-jalan ataupun bahu-bahu jalan, memperbaiki kawasan-kawasan *blackspot* dan sebagainya itu dilaksanakan secara berkala. Selain daripada mesyuarat malah apa yang saya sampaikan kepada Yang Berhormat pada hari ini bahawa lawatan dan juga penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala. Sentiasa dilaksanakan hubungan yang baik di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, banyak membantu ke arah usaha ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman, soalan tambahan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bertanya, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada Skwad 69 [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengalu-alukan kehadiran Skuad 69 daripada PDRM. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Soalan saya, kementerian banyak membuat lebuhraya. Saya hendak tanya, adakah Lebuhraya Pan Borneo akan siap dalam jangka masa yang ditentukan kerana ada lebuhraya contohnya Lebuhraya Pantai Timur yang tidak siap-siap lagi? Jadi saya takut tidak siap juga. Pertama, bila akan siap, dijangka siap? Kedua, adakah Pan Borneo itu boleh menampung unjuran trafik yang akan ke situ akibat pembangunan Lebuhraya Pan Borneo menghasilkan kesan baik? Jadi, adakah dapat menampung unjuran trafik? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat jalan raya Pan Borneo ini merupakan hasil daripada kajian yang telah sebenarnya bermula sejak pembinaannya pada tahun 1960-an. Melalui perancangan membina dan menaiktarafkan yang dilakukan berdasarkan kepada Laporan Kajian Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya iaitu HNDRP untuk negeri Sabah yang telah siap kajiannya pada tahun 2010. Kerajaan mencadangkan pembinaan jalan-jalan di bawah Pan Borneo ini untuk dinaiktarafkan Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, keseluruhan Jalan Persekutuan Pan Borneo adalah sepanjang 2,239 kilometer, di mana keseluruhan jalan tersebut telah berturap *asphalt*. Daripada jumlah tersebut Yang Berhormat, setakat ini kerajaan telah menaiktarafkan sepanjang 251 kilometer kepada laluan empat lorong atau enam lorong dua hala, manakala bakinya iaitu 1,988 kilometer masih di tahap dua lorong dua hala ataupun *single carriageway* di mana ia akan dinaiktarafkan secara berfasa Yang Berhormat, secara berperingkat. Dengan mengambil kira kos keseluruhan dan pembinaan ini dijangkakan akan berlangsung sehingga tahun 2025.

Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, pelaksanaan projek ini akan ditender secara berfasa. Setakat ini sejumlah hampir RM1 bilion telah diluluskan untuk menaiktarafkan Jalan Pan Borneo ini. Sudah tentu Yang Berhormat, kita di peringkat kementerian dan juga Kerajaan Pusat komited untuk melaksanakan projek Pan Borneo ini khususnya untuk rakyat di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Kami selaku Menteri dan Timbalan Menteri yang dilantik dan juga berasal daripada Sabah dan Sarawak sudah tentu menjadikan projek Pan Borneo ini sebagai keutamaan.

Selain daripada apa yang saya katakan tadi, mesyuarat berkala diadakan, hubungan yang baik di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Malah pimpinan tertinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pimpinan tertinggi kerajaan, beliau sendiri telah banyak melaksanakan ataupun mempengerusikan malah dua minggu sebelum pembentangan bajet, beliau juga telah mempengerusikan mesyuarat khusus untuk perbincangan projek Pan Borneo ini. Malah seperti yang saya katakan, selain daripada mendapat perhatian, di bawah projek ini juga selain daripada projek ataupun peruntukan khusus untuk pelaksanaan Pan Borneo, Kerajaan Pusat juga telah meluluskan di bawah program NKRA, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sebanyak 2,048 kilometer jalan luar bandar telah siap dibina dalam tempoh dua tahun Yang Berhormat.

Jadi ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk negeri Sabah dan negeri Sarawak. Ini bagi orang kata menjawab kepada segala tohmahan yang dikatakan oleh pihak pembangkang yang mengatakan Sabah dan Sarawak tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, bilakah cagaran Harta Intelek boleh digunakan untuk memohon Skim Dana Pembiayaan Harta Intelek (SDPHI) dan jelaskan bagaimanakah prosedur yang perlu dipenuhi oleh pengusaha IKS untuk mendapat pembiayaan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, soalan mengenai cagaran harta intelek. Untuk makluman Yang Berhormat, harta intelek telah diambil kira sebagai sebahagian daripada cagaran bagi memohon Skim Dana Pembiayaan Harta Intelek sejak 1 Januari 2013. Skim Dana Pembiayaan Harta Intelek dengan peruntukan berjumlah RM200 juta, ini diuruskan oleh Malaysia Debt Venture dengan izin iaitu MDV di bawah agensi Kementerian Kewangan.

Jadi pengusaha IKS boleh membuat permohonan kepada pihak MDB dan sekiranya pemohon memenuhi kriteria bagi kelayakan yang digariskan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia atau MyIPO akan membiayai penilaian terhadap harta intelek yang dimiliki oleh pengusaha tersebut. Penilaian akan dijalankan oleh penilai yang diiktiraf oleh MyIPO dan laporan penilaian akan disalurkan kepada pihak MDV bagi tujuan tersebut. Pihak MyIPO telah melancarkan model penilaian harta intelek untuk membantu penilai harta intelek dan juga institusi kewangan membuat penilaian terhadap harta intelek yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS).

Berikutnya adalah kriteria kerana Yang Berhormat ada membuat soalan mengenai dengan prosedur dan juga yang perlu dipenuhi. Kriteria-kriteria yang perlu bagi melayakkan diri bagi melayakkan diri untuk mendapat pembiayaan tersebut ialah yang pertama syarikat hendaklah ditubuhkan dengan minimum modal berbayar sebanyak RM100,000.

■1030

Kedua, syarikat hendaklah memiliki harta intelek yang telah berdaftar dengan MyIPO dan juga syarikat mempunyai dua atau lebih harta intelek, sekurang-kurangnya satu harta intelek perlu berdaftar dengan pihak MyIPO. Syarat yang ketiga, kriterianya ialah syarikat mestilah tertakluk kepada kategori mandat pihak *Malaysia Debt Ventures* (MDV) iaitu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan juga bioteknologi dan teknologi hijau. Ini dia punya kriteria-kriteria. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kira peruntukan RM200 juta yang tentulah diletakkan keutamaan kepada peniaga-peniaga daripada industri kecil, sederhana yang tergolong kebanyakannya oleh bumiputera. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di mana

syarikat-syarikat hendak mendapatkan pinjaman ini mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000. Sudah tentu ini menjadi kesukaran kalau mereka ini tidak dibantu secara kaunseling, secara kursus dan sebagainya. Kita tidak boleh menafikan bahawa ada sebahagian daripada industri kecil ini berdaya maju, yang mereka ini mampu diketengahkan kalau dibimbing dengan cara yang betul.

Pertanyaan saya, adakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan kursus penerangan, bimbingan kepada pengusaha-pengusaha industri kecil yang berminat supaya mereka boleh sampai ke tahap ini di mana *intellectual property* (IP) dengan izin, mereka ini dapat dimanfaatkan? Sebagai contoh kita lihat, keropok lekor Losong, semua losong, losong, losong. Akan tetapi kerana tidak dipatenkan, tidak didaftarkan dengan- so, dia tidak jadi apa, dia jadi hancur begitu sahaja. Barangkali kementerian kena membantu supaya benda ini menjadi harta intelek yang boleh dimanfaatkan dan boleh menambah ekonomi negara kita. Terima kasih.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator pada soalan tambahan. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Jadi kriteria yang saya sebut awal tadi mengenai dengan sekurang-kurangnya minimum modal yang dikehendaki ialah RM100,000, syarat yang pertama. Ini kerana untuk membuat penilaian mendapat pinjaman daripada RM200 juta yang saya sebut tadi, pihak MyIPO terpaksa untuk membelanjakan tanggung perbelanjaan untuk membuat penilaian ini jumlahnya bukan satu jumlah yang kecil iaitu lebih kurang RM70,000 ke RM80,000 untuk membuat penilaian ke atas IP sesuatu sebelum mendapat pinjaman daripada peruntukan RM200 juta. Jadi sebab itu prasyarat yang pertama ialah dia mesti modal berbayar ialah sekurang-kurangnya RM100,000.

Mengenai dengan kursus dan juga penerangan terhadap IP ini, untuk makluman Yang Berhormat kita memang mengadakan program kesedaran awam mengenai harta intelek. Pertamanya, kita adakan Hari Harta Intelek Negara yang kita isytiharkan pada 26 April sebagai Hari Harta Intelek Negara itu salah satu kempen kesedaran. Kedua, *IP Mobile Clinic* pada tahun 2009 bertujuan untuk menyebarkan maklumat harta intelek. Kita memang buat begitu banyak program.

Ketiganya, kita adakan jaringan media sosial. Jadi inilah program, kursus dan juga penerangan jaringan media sosial. Keempat, Pelan Tindakan Media kita lancarkan pada tahun 2011. Kelima ialah pendekatan turun padang bermula dilaksanakan pada 2011 untuk membolehkan MyIPO mendekati pelanggan-pelanggan yang berpotensi seperti Yang Berhormat Senator sebut tadi seperti keropok lekor. Kalau di Kedah mungkin ada juga laksa Teluk Kechai, belacan Tanjung Dawai dan sebagainya. Keenam, kita juga adakan penerbitan *MyIP Bulletin* yang dilancarkan pada tahun 2011 juga.

Ketujuh, kempen kesedaran awam yang kita adakan. Kelapan, *mascot IP friends* pada Jun 2013. Kesembilannya kita ada *IP Summer Camp* dan yang kesepuluhnya kita menubuhkan pejabat-pejabat cawangan baru di seluruh negara di zon Utara, Pantai Timur, selatan tengah untuk memberi maklumat. Jadi ini sepuluh perkara kursus-kursus, kempen dan juga maklumat-maklumat yang kita sampaikan supaya masyarakat terutamanya peniaga-peniaga mengetahui mengenai dengan pentingnya kesedaran mengenai dengan harta intelek. Terima kasih.

4. Datuk Dr. Lucas bin Umbul minta Menteri Pendidikan menyatakan, usaha-usaha kementerian menyediakan kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah daif luar bandar di negeri Sabah dan bagaimana menangani masalah kekurangan kelas sehinggakan rumah guru terpaksa dijadikan kelas. Bagaimana kementerian membuat pemantauan pada setiap projek sekolah yang dilaksanakan di luar bandar agar benar-benar menepati spesifikasi dan kualiti.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Pantunnya saya beri kemudian Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas atas soalan mengenai pendidikan di negeri Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai kementerian yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dalam pembangunan modal insan negara sentiasa memberi fokus kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah termasuk sekolah-sekolah daif luar bandar di negeri Sabah.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sentiasa berusaha untuk memperkasakan kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah daif di luar bandar negeri Sabah. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan yang terhad, pihak kementerian hanya dapat memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar kritikal. Melalui perancangan jangka pendek Kementerian Pendidikan Malaysia, sudah memantapkan sistem pengurusan maklumat audit fizikal sekolah melalui sistem EMIS bagi pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah membuat pelaporan betul, supaya menepati keperluan sebenar yang diperlukan pengurusan dan pelaksanaan berkaitan keperluan naik taraf sekolah telah dipantau secara terbaik oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak PPD yang menjadi wakil Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat daerah. Pihak sekolah perlu mengikut saluran yang betul dalam mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang telah pun ditetapkan oleh kementerian.

Bagi tujuan pemantauan pula, kementerian telah pun melantik perunding-perunding untuk melaksanakan projek-projek di luar bandar. Perunding akan membuat pemantauan pada setiap projek untuk memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini dengan baik sekali. Sebagaimana yang kita maklum dalam Bajet 2014, sektor pendidikan diberikan peruntukan yang amat besar jumlahnya yang berjumlah lebih kurang RM54.6 bilion atau 21% daripada jumlah peruntukan keseluruhannya. Dalam pada hemat saya, dalam memperkasakan pendidikan negara Malaysia dan dalam mensiap-siagakan negara kita dalam memperkasakan pendidikan negara ini, memang amat perlu untuk menaiktarafkan infrastruktur di sekolah-sekolah termasuk juga sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Pada saya sudah tiba masanya...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

■1040

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Soalan saya, bagaimanakah kementerian mempercepatkan permohonan-permohonan baik pulih sekolah-sekolah yang memakan masa bertahun-tahun untuk diluluskan? Keduanya, apakah usaha-usaha kementerian dalam membantu menyelesaikan masalah-masalah kekurangan rumah-rumah guru di pedalaman-pedalaman Sabah yang mana mereka ini kadangkala terpaksa menyewa rumah-rumah penduduk tempatan di tempat mereka bertugas? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak menafikan kerajaan telah memberi peruntukan lebih kurang 20% daripada jumlah bajet tetapi harus kita ambil maklum bahawa daripada 21% itu kebanyakan daripada peruntukan itu diallokatkan ataupun dikhaskan untuk emolumen. Pada masa yang sama kita juga memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur dan pembangunan-pembangunan lain untuk memperkasakan lagi infrastruktur sekolah.

Malah untuk makluman Yang Berhormat, bilangan sekolah di Sabah 1,285 buah. Sebanyak 1,070 buah sekolah kebangsaan dan 215 buah sekolah menengah. Tahun 2012 dan 2013, dua tahun sebanyak RM168 juta telah kita buat untuk penyelenggaraan 521 buah sekolah. Maksudnya, kita tidak akan meninggalkan satu sekolah pun di Sabah untuk menaik taraf semua tetapi akan mengambil tempoh masa sedikit kerana di negara kita ada 10,094 buah sekolah. Semua sekolah memerlukan perhatian dan tanggungjawab kementerian ialah untuk memberi perhatian kepada semua sekolah yang memerlukan bantuan serta-merta. Itu tanggungjawab kita dan mungkin ada kelewatan.

Seperti mana yang saya huraikan sebentar tadi kelewatan ini berlaku kerana peruntukan yang terhad tetapi kita tidak akan melepaskan sekolah itu begitu sahaja. Mungkin akan mengambil sedikit masa tetapi saya pasti dengan kerjasama yang kita dapat daripada Kerajaan Negeri Sabah, Ahli-ahli Parlimen negeri Sabah, wakil-wakil daripada Dewan Negara, Sabah kita dapat menambahbaikkan perkhidmatan kita. Kita juga akan menyelesaikan masalah rumah itu mana yang boleh, di mana ada kawasan-kawasan- kita juga ada membina tempat tinggal, rumah kakitangan guru dan sebagainya, ada. Kita kena ambil masa. Agak sukar untuk kita membina rumah untuk semua kakitangan perguruan. Kita harus sedar kita ada 460,000 orang guru, agak sukar tetapi mana yang boleh kita membantu. Ada juga kita galakkan guru menyewa rumah. Memang itu perkara yang biasa, lumrah berlaku di mana-mana sahaja.

Maka, soalan sama ada kerajaan akan terus melaksanakan tanggungjawab, ya. Kita akan terus melaksanakan tanggungjawab ini malah kita dalam tahun depan dalam aspek Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia kita akan memperkasakan dan memberi kuasa kepada Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk mengambil tanggungjawab untuk membantu kita menyelenggarakan, menjaga dan meluluskan semua permohonan sekolah-sekolah di masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab. Dari persoalan dan juga penjelasan yang telah diberikan oleh Timbalan

Menteri tadi saya ingin bertanya dalam konteks, setakat ini berapa laporan yang berlaku seperti dalam soalan ini iaitu rumah guru dijadikan tempat pembelajaran di Sabah dan berapa banyak permohonan yang dilakukan oleh pihak sekolah? Berapa banyak jumlah kos yang telah sampai kepada pihak kementerian? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Maklumat terperinci itu tidak ada dengan saya tetapi tidak banyak. Bukan satu perkara yang kita harus katakan *serious*, dengan izin, tetapi kita sedar ada berlaku. Apabila ada masalah-masalah ini berlaku, maka menjadi tanggungjawab kita untuk memantau dan melihat keadaan ini. Saya sendiri telah turun ke Sabah untuk melihat dan itulah betapa seriusnya kita memandangi perkara ini.

Saya serta pegawai-pegawai kementerian telah turun ke Sabah khasnya kawasan Kinabatangan, Sandakan, Beluran kita berjumpa dengan guru-guru di sana, pentadbir-pentadbir di sana dan kita mengambil maklum situasi. Memang ada sedikit kawasan-kawasan yang mana rumah guru ini tidak begitu baik tetapi bukan semuanya dan di mana ada masalah kita cuba membetulkan sekiranya itu merupakan kuarters kerajaan atau kementerian, kita akan betulkan tetapi jarang-jaranglah. Saya balik kepada Arwah Tan Sri P. Ramlee Tuan Yang di-Pertua berkata, "*Jarang-jarang*" benda ini berlaku tetapi kalau ada pun berlaku benda begini, kita akan awasi dan kita akan memastikan perkara ini tidak akan mengganggu gugat perkhidmatan dan juga kecemerlangan guru-guru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, sama ada audit akses dibuat untuk bangunan-bangunan baru yang dibina sejak Pindaan Undang-undang Kecil Seragam Bangunan (yang memerlukan kemudahan disediakan bagi OKU) diwartakan oleh DBKL pada 1991, dan berapakah bangunan di Bandaraya Kuala Lumpur yang mematuhi Undang-undang Kecil tersebut sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, memang terdapat Pindaan Undang-undang Kecil Seragam Bangunan (yang memerlukan kemudahan disediakan bagi orang kelainan upaya atau OKU) diwartakan pada tahun 1991.

Mengikut Prosedur Pelan Pembangunan yang disediakan oleh pihak arkitek berdaftar akan diteliti oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terhadap pemantauan kehendak-kehendak teknikal seperti di dalam Undang-undang Kecil Bangunan (Pindaan) 1991 sebelum diluluskan untuk dibina. Seterusnya mengeluarkan Sijil Menduduki Bangunan atau CFO akan dikeluarkan selepas pembinaan siap sama seperti di dalam pelan pembangunan yang diluluskan.

Ini termasuklah kemudahan-kemudahan OKU yakni orang kelainan upaya bukan 'orang kuat UMNO' ya, tiada proses audit akses dibuat terhadap bangunan-bangunan yang telah diberi Sijil Menduduki Bangunan. Sebagai mengetahui saranan mewajibkan pelaksanaan infrastruktur kemudahan OKU kepada semua pihak berkuasa tempatan atau PBT yang telah dikeluarkan oleh Menteri

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pihak DBKL telah mengambil pendekatan mewajibkan pemantauan piawaian berhubung dengan kemudahan OKU iaitu Malaysian Standard 1184 dan 1183 di dalam Syarat-syarat Perintah Pembangunan sejak tahun 2007.

DBKL juga telah mensyaratkan semua *principal submitting person* (PSP) perlu bertanggungjawab dan *accountable* untuk memastikan segala penyediaan kemudahan OKU dipatuhi. Juga selaras dengan pewartaan OKU yang dikuatkuasakan pada 7 Julai bertujuan menyediakan penyediaan peruntukan pendaftaran rehabilitasi pembangunan dan kesejahteraan golongan OKU, pihak DBKL telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OKU DBKL yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah DBKL dan seterusnya perwujudan Pasukan Khas Audit Akses yang terdiri daripada kakitangan teknikal DBKL dan dianggotai sama oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dengan kebajikan OKU seperti Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB), Persatuan Orang Cacat Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Proses Audit Akses ketika ini dijalankan dengan memberi penumpuan terhadap bangunan-bangunan dan fasilitet milik DBKL seperti Perumahan Awam DBKL, dewan serba guna, Pejabat Cawangan DBKL, laluan pejalan kaki, taman awam, pasar-pasar, Bengkel Kesedaran dan Kefahaman, *accessibility audit* dirancang dan dilaksanakan sebanyak empat kali setahun di mana setiap sesi bengkel sekurang-kurangnya empat lokasi fasilitet akan dijadikan model pengauditan.

Ketika ini, lebih kurang tiga fasilitet milik DBKL dan bangunan am lain telah dijalankan proses audit akses. Hasil daripada penemuan audit akses ini, kerja-kerja pembaikan untuk memantau kehendak OKU telah dan sedang dijalankan oleh pihak DBKL sendiri. Bagi bangunan-bangunan milik persendirian dan swasta, program audit akan diadakan setelah kesemua fasilitet milik DBKL dijalankan audit akses. Terima kasih.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan saya tidak tepat dijawab. Sebelum itu saya hendak *clarify*.

■1050

Saya hendak menerangkan sedikit OKU itu orang kurang upaya bukan orang kelainan upaya sebab dalam Akta OKU disebutkan orang kurang upaya. Jadi, itu istilah yang rasmi.

Soalan saya, berapakah setakat ini bangunan yang mematuhi undang-undang kecil ini? Ini kerana pada suatu persidangan yang diadakan awal bulan Julai, kami diberitahu oleh pihak DBKL ada sebanyak 500 bangunan di kawasan DBKL. Jadi, adakah akses audit dibuat dan berapakah bangunan yang mematuhi akses audit ini? Soalan tambahan saya yang spesifik ialah semasa ia dibina, adakah pantauan dibuat? Semasa kontraktor membina bangunan baru itu, adakah pantauan dibuat sama ada piawaian MS1184 itu dipatuhi dan selepas bangunan itu disiapkan, adakah semakan semula dibuat oleh pihak DBKL sebelum CCC atau pun dengan izin, *certificate of completion and compliance* dikeluarkan? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Bagi soalan yang pertama ini, saya minta mohon beri secara bertulis kerana ia memerlukan *figure* iaitu fakta yang memerlukan nombor.

Bagi soalan yang kedua, seperti yang telah dinyatakan tadi bahawa memang kita memantau melalui *principal submitting person* (PSP) iaitu arkitek yang menyampaikan pelan untuk pembinaan sesuatu bangunan. Kita akan memantau melalui dia. Selepas itu bila bangunan itu siap dan mereka memohon untuk mendapatkan CF, kita juga akan pergi memeriksa dan memastikan bahawa mereka telah mematuhi segala yang diperlukan. Inilah yang akan dilakukan oleh DBKL sebelum mereka mengeluarkan CF dan mereka memantau melalui *principal submitting person* dan juga secara sendiri apabila kita hendak mengeluarkan CF. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya bangunan yang baru memanglah dipastikan ada akses untuk OKU tetapi bagaimana dengan bangunan yang lama? Adakah langkah-langkah atau cadangan oleh kementerian bagi memastikan bangunan yang lama yang banyak di DBKL supaya OKU boleh pergi ke mana-mana satu bangunan? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Lim. Bangunan di DBKL tidak banyak, cuma di Kuala Lumpur banyak. Untuk soalan itu mengikut undang-undang, kita tidak ada peruntukan memaksa sesuatu bangunan itu membuat perubahan. Akan tetapi, apabila dia membuat *submission*, dengan izin, untuk mengubahsuai bangunan tersebut, maka kita boleh masukkan syarat-syarat untuk memastikan mereka lakukan yang perlu supaya orang OKU ini dapat juga diberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, adakah kementerian telah menyemak dan melakukan perubahan ke atas SOP, polisi dan proses kelayakan sedia ada bagi mempercepatkan pembinaan dan pengkomersialan sesuatu inovasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memandang serius atas apa yang kerajaan telah lakukan dan sudah tentu sentiasa menyemak dan melakukan perubahan ke atas setiap SOP, polisi dan lain-lain ke arah mempercepatkan lagi pembinaan dan pengkomersialan sesuatu produk inovasi. Ini kerana kita mesti mengikut dengan peredaran masa dan mutu-mutu penyelidikan serta apa yang diperlukan oleh penyelidik dan pihak swasta yang ingin mengkomersialkan produk di Malaysia.

Terdapat lima inisiatif-inisiatif besar yang sedang dan telah dilakukan. Pertamanya, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan Awam (JKPDA) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri MOSTI di bawah Lembaga Urus Tadbir Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Pada masa lepas, tidak ada *streamline* yang dilakukan apabila kementerian memohon dana pendidikan, pembangunan dan pengkomersialan daripada Unit Perancang Ekonomi. Inisiatif ini adalah bagi mengelakkan pertindihan dana dan projek-projek yang dilaksanakan oleh beberapa kementerian yang lain. Ianya mengakibatkan pembaziran dan impak dari *research development and commercialization*, dengan izin tidak dapat dimaksimumkan. Jawatankuasa ini juga terlibat dalam proses pemantauan projek pendidikan pembangunan termasuk mengenal pasti projek yang bersifat *game changer* iaitu mempunyai impak

yang besar terhadap ekonomi negara. Adalah diharapkan melalui usaha ini, lebih banyak pengkomersialan berimpak tinggi akan berjaya dihasilkan. Maknanya, *game changer* ini adalah sesuatu yang mempunyai impak yang besar kepada ekonomi.

Keduanya berdasarkan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2013 sampai tahun 2020 terdapat enam teras utama di mana setiap isu berkaitan pengkomersialan dibahas secara mendalam. Dalam teras strategik pertama disebut tentang strategi untuk mempertingkatkan impak pendidikan pembangunan dan seterusnya mengkomersialkan teknologi melalui peningkatan sumber manusia, dana pendidikan pembangunan dan sumbangan oleh industri.

Ketiganya, satu bentuk analisis secara menyeluruh juga dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan melihat kepada isu dan masalah yang dihadapi pada masa lepas dalam bidang pengkomersialan teknologi bagi tujuan penambahbaikan secara bersistematik dan rangkaian pengkomersialan iaitu bahagian *upstream* dan *downstream*, dengan izin.

Dalam *upstream* selaras dengan bidang penyelidikan pembangunan yang dibangunkan oleh Majlis Pendidikan dan Sains Kebangsaan, MOSTI telah mengenal pasti empat jenis program *flagship* dengan izin, iaitu biodiversiti, perubatan dan penjagaan kesihatan, jaminan tenaga dan jaminan makanan sebagai bidang fokus pihak kementerian. Ianya selepas mengambil kira beberapa kajian dan laporan pemasaran yang dilakukan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab.

Dalam kepada fokus empat program *flagship* ini, sumber-sumber kewangan dan kepakaran akan lebih fokus di dalam menghasilkan inovasi berimpak tinggi dan seterusnya Malaysia akan menjadi peneraju dalam beberapa teknologi pilihan yang mampu menjana kekayaan kepada negara.

Di bahagian *downstream* pula Tuan Yang di-Pertua, MOSTI dalam proses untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengkomersialan Peringkat Tinggi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri MOSTI. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada agensi-agensi penyelidikan dan pembangunan, agensi pendanaan dan *venture capitalist* serta lain-lain *stakeholder* yang ada hubung kait. Di samping menyelesaikan isu-isu yang mengekang pengkomersialan produk, jawatankuasa ini bertujuan untuk membangunkan strategi yang antara lain termasuklah membangunkan kerjasama strategik dengan semua *stakeholder* bertujuan untuk meningkatkan pengkomersialan. Jawatankuasa ini juga akan membangunkan mekanisme bagi meningkatkan penggunaan teknologi tempatan melalui proses perolehan kerajaan. Dalam soalan Yang Berhormat tadi ada dua fasa. Satu pembinaan SOP. Yang kedua dia tanya apakah perubahan tentang pengkomersialan produk.

Dalam menyemarakkan lagi dan mengkomersialkan teknologi akan dapat menyumbang kepada kekayaan negara, pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan mengisytiharkan- ini telah saya nyatakan dalam penggulungan juga, mengisytiharkan tahun 2014 sebagai tahun pengkomersialan produk atau pun MCY2014. Dia macam plat kereta negeri Melaka, MCY tetapi Melaka baru sampai MCL. Yang Berhormat Dato' Seri ada di sini. So, dia bawa MCL. Nanti Melaka sampai MCY, kita akan jual plat nombor ini.

Objektif utama program ini ialah untuk memastikan semua teknologi dan produk, *research and development* berpotensi tinggi boleh digilap dan dikomersialkan secara besar-besaran. MOSTI juga

akan membantu menemukan tekno penuh dengan pihak-pihak *venture capitalist* industri dan pelabur dalam membawa teknologi dan produk ke pasaran. Pada tahun MCY atau *Malaysia Commercial Year* 2014 dengan izin, sekurang-kurangnya kita *target* pada tahun 2014, 60 produk boleh dikomersialkan dalam bidang teknologi dan harap pada tahun 2020, 360 produk berada di pasaran. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Norliza.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada pihak Menteri yang menjawab dengan begitu baik dan atas usaha-usaha kerajaan terhadap inovasi. Soalan saya adalah sebagaimana yang kita tahu tadi ada banyak jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengkomersialkan produk-produk ini. Jadi, adakah kementerian bersama dengan SIRIM ada bercadang untuk membentuk satu jaringan pengkomersialan teknologi yang berbentuk seperti pusat sehenti? Di mana di situ penyelidik dan juga pihak industri boleh berjumpa dan berbincang agar birokrasi yang ada selama ini dapat dipermudahkan? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya juga, satu soalan yang baik. Sebenarnya Yang Berhormat, SIRIM itu adalah agensi di bawah MOSTI maknanya bukan bekerjasamalah. Maknanya MOSTI boleh mengarahkan SIRIM kerana SIRIM adalah agensi di bawah MOSTI. Itu tidak ada masalah kerana ini adalah aktiviti berterusan pihak kementerian, bukan sahaja dengan pihak SIRIM tetapi juga dengan semua agensi di bawah kementerian, MOSTI ada 23 agensi yang memang sebahagian besar tugasnya adalah bekerja untuk mengkomersialkan produk-produk.

Jadi sebenarnya, kita ada mempunyai langkah yang lebih jauh dari itu. Apabila saya masuk sahaja ke kementerian ini, saya telah mencadangkan kita hendak mewujudkan, dalam peringkat cadangan membina satu pusat dipanggil pusat mengkomersialkan produk inovasi negara. Di mana semua produk-produk inovasi yang boleh dikomersialkan akan diletakkan di bawah satu bumbung, di bawah ini kita akan meletakkan universiti atau agensi penyelidikan dalam satu bumbung, di mana setiap pelawat di Malaysia dan mereka ingin mengkomersialkan produk, boleh datang melawat tanpa lagi hendak menunggu pameran yang diadakan sepanjang tahun.

Jadi tidaklah hasil penyelidikan ini hanya diletakkan di *shelf* atau selepas menang *award* letak dekat universiti tetapi diletakkan di pusat pengkomersialan negara ini. Semua orang datang, pelawat hendak datang, pelabur yang hendak datang boleh melihat produk ini dan melihat potensinya. Di situlah kita akan ketemukan *venture capital* dan penyelidik. Seharusnya ini akan membolehkan lebih banyak produk-produk Malaysia dikomersialkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah, soalan tambahan kedua.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Dari Melaka ke Asahan,

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak tanya apakah kadar pengkomersialan produk-produk R&D yang dibiayai oleh MOSTI? Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh MOSTI untuk meningkatkan kadar pengkomersialan tersebut dan satu lagi, ini satu nafas Tuan Yang di-Pertua. Kalau tiga pun tidak mengapa, jadi satulah. Ketiga ialah apakah bentuk kerjasama dengan agensi-agensi antarabangsa dalam memastikan SOP, polisi dan proses kelayakan lebih efisien dan pengkomersialan dapat dilaksanakan dengan lebih meluas? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan itu, ada tiga soalan itu. Tiga soalan dia...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat. Kalau boleh jawab, jawab.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Boleh. Saya boleh jawab dengan baik, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: *[Ketawa]* Lebih-lebih lagi saya ingat saya punya bos ada dekat depan, dia yang membolehkan saya berada di sini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri... *[Tepuk]* Disebabkan beliau, saya berada di kerusi sebelah sini dan menang pilihan raya dengan majoriti yang besar *[Tepuk]* Sebelum ini beliau juga melantik saya jadi Ketua Pegawai Eksekutif Jawatan Penyelidikan dan Pembangunan, Pengkomersialan, negeri Melaka. Akhirnya menang pilihan raya, dapat jadi Timbalan Menteri di sini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri kerana membolehkan saya berdiri di sini. Saya rasa sangat bangga Yang Berhormat Dato' Seri mendengar anak didiknya bercakap bagi pihak kementerian *[Tepuk]* Terima kasih *[Ketawa]*

Okey, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kadar pengkomersialan produk di negara kita ini sebenarnya ia tidak begitu rendah. Selalunya di dalam negara-negara maju, setiap wang yang dilaburkan untuk penyelidikan, kita mesti ingat tidak semestinya setiap hasil penyelidikan ini boleh menghasilkan produk. Setiap hasil penyelidikan ini bukan semuanya boleh dikomersialkan kerana namanya pun penyelidikan. Kalaulah buat terus jadi, buat terus jadi, itu bukan penyelidikan itu namanya kilang ataupun pembuatan.

Jadi, penyelidikan ini kita bagi duit dia cuba, dia buat, dia tengok apa kaedah akhirnya produk kita mesti produk. Akan tetapi dia kena lapor hasil penyelidikan itu supaya kalau benda itu tidak berlaku, orang lain tidak akan lakukan benda yang sama. Namun, kalau dapat produk, dia perlu laporkan juga kepada kita dan dapat produk. Produk ini perlu di jual dikomersialkan. Jadi, kadar pengkomersialan negara untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, dia sebenarnya setara juga dengan negara-negara maju, sebanyak 8%. Bermakna kebanyakan negara 8% boleh dikomersialkan.

Insyah-Allah dalam negara kita, tidak juga terlalu ke belakang sangat, kalau tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, selepas projek kita belanja RM2.9 bilion, kita telah berjaya mengkomersialkan, produk ini telah berada di *supermarket* sebanyak 311. Ini adalah satu pencapaian yang baik kalau kita berdasarkan kepada pentadbiran. Untuk meningkatkan kadar pengkomersialan

tersebut, sebenarnya kadar peningkatan kita kena membiayai produk ini. Oleh sebab itu, banyak penyelidik nanti akan kata... *"Kalau bagi lebih banyak duit, lebih banyak projek yang boleh dihasilkan"*.

Jadi sebab itu, kalau kita tengok di MOSTI kita ada macam-macam *grant*. Pertama, *Grant ScienceFund*. *ScienceFund* ini boleh dapat sampai RM500,000. Wah! Penuh borang, ada *committee* tengok, boleh dapat RM500,000. Ada orang kata duit penyelidikan ini macam buang duit dalam laut. Akan tetapi kita belanjakan RM500,000. *ScienceFund* ini kita bagi kepada universiti, kita bagi kepada institusi penyelidikan yang ada. RM500,000 tidak kena bayar balik, punya baik Kerajaan Barisan Nasional. Kedua- bolehlah tepuk kuat sedikit [*Tepuk*]

Kedua, kita panggil *TechnoFund*. *TechnoFund* ini adalah *grant* bertujuan untuk merangsang pertumbuhan dan inovasi syarikat-syarikat Malaysia dengan meningkatkan lagi tahap R&D dan mengkomersialkan. Skim ini menyediakan pembiayaan untuk pembangunan teknologi sehingga ke peringkat prapengkomersialan dengan potensi komersil untuk mewujudkan perniagaan baru dan menjana kekayaan ekonomi negara. Ini kita bagi untuk *enterprise* RM50,000 bagi sahaja dan maksimum RM500,000, ini kita bagi kepada syarikat.

Ketiga, ini paling besar. Saya galakkan kalau siapa ada Yang Berhormat punya orang-orang di bawah pengundi-pengundi Yang Berhormat yang menyokong kuat Barisan Nasional, bolehlah memohon *grant* ini dipanggil *InnoFund*. *InnoFund* merupakan dana untuk pembangunan atau penambahbaikan produk baru dan sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan unsur-unsur inovasi. Projek ini mesti mempunyai nilai ekonomi dan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat. *InnoFund* juga boleh dikategorikan sebagai kepada *enterprise InnoFund* ataupun komuniti *InnoFund*.

Ini kita bagi sehingga RM3 juta, RM3 *million* kita bagi, bagi sahaja dan kita mengharap produk ini sudah tentu boleh dikomersialkan untuk negara. Ketiga tadi jaringan, sudah tentu kita terlibat dalam banyak program antarabangsa. Kalau Yang Berhormat lihat, apa sahaja duit yang kita belanjakan, ia akan tengok, banyak universiti, banyak institusi penyelidikan kita yang membuat pembayaran di luar negara dan terlibat dalam pengkomersialan produk. Ini adalah satu aktiviti biasa yang dilakukan di dalam masyarakat R&D di seluruh negara.

Baru-baru ini saya juga telah membentangkan strategi macam mana mahu mengkomersialkan produk dalam persidangan meja bulat Menteri-menteri Sains di seluruh dunia di Kyoto dan mereka merasakan penyelidikan dan proses pengkomersialan produk negara kita berada di dasar yang betul. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* Yang Berhormat. Bagus sebagai Timbalan Menteri yang pertama, penggal sesi yang pertama bagus. Dapat Yang Berhormat... [*Tepuk*]

7. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah-langkah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan pelajar-pelajar asing yang masuk ke negara ini betul-betul datang untuk belajar dan bukannya untuk tujuan-tujuan yang lain.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Orang India pun pandai pantun sekarang ini, itu betul-betul Malaysialah itu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Dari Hulu Selangor hendak ke Mersing,

Singgah sebentar di Ledang,

Soalan Dato' Lim mengenai pelajar asing,

Harap-harap jawapannya cemerlang... [Tepuk]

■1110

Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan setiap kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta di negara ini adalah benar-benar terdiri daripada pelajar yang tulen, *genuine* dengan izin. Bagi menjamin ketulenan pelajar yang masuk Malaysia, *Education Malaysia Global Services* (EMGS) ditubuhkan sebagai pusat sehenti, *one stop centre* dengan izin, bagi memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTs) sebelum dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi proses pengeluaran pas pelajar.

Syarat-syarat bagi pelajar antarabangsa yang memohon pas pelajar melalui EMGS akan disaring melalui dua peringkat iaitu peringkat pertama, sebelum memasuki negara dan peringkat kedua, selepas memasuki negara. Sebelum memasuki negara, kelulusan visa dengan rujukan saringan akademik oleh EMGS, saringan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia dan saringan imigresen oleh Jabatan Imigresen.

Kedua pula selepas memasuki negara, kelulusan pengeluaran pas saringan kesihatan dan bio sekuriti oleh EMGS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan EMGS adalah berdasarkan pencegahan di mana setiap permohonan secara individu dan berkelompok institusi boleh dipantau oleh tujuan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat di dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia, setelah mendapat pas, tindakan selanjutnya tertakluk kepada *standard operation procedure*, dengan izin. Agensi penguatkuasaan malah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia boleh mengambil tindakan secara terus terhadap IPT yang didapati cuai dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang berdaftar di IPT tersebut.

Selain itu kementerian melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat turut melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTs secara bersepadu bersama agensi kawal selia yang lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri diwajibkan- saya minta maaf saya ulang lagi. Semua IPTs yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri diwajibkan kemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemantauan dan penyeliaan ke atas pelajar antarabangsa

di IPTS adalah merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan jenayah atau kejadian yang bukan-bukan oleh pelajar-pelajar asing, saya tidak pasti tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian itu sudah cukup sempurna. Memang ada berlaku kelonggaran. Kemungkinan kelembapan penguat kuasa. Akan tetapi saya berharap kementerian ada langkah-langkah yang lagi tegas, lagi proaktif supaya Malaysia jangan jadi satu tempat transit atau tempat perlindungan untuk penjenayah seperti pelajar-pelajar asing itu. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Hasrat kita tidak sama sekali untuk mengizinkan seorang jenayah menggunakan pas pelajar untuk masuk ke negara kita. Hasrat kita ikhlas untuk menjadikan negara kita sebuah negara hab pendidikan antarabangsa. Itu hasrat kita, hasrat negara ikhlas.

Akan tetapi apabila seorang pelajar menyalahgunakan pas, tindakan kita pasti ambil. Kita pernah menghantar balik pelajar itu balik ke negara asal apabila kita mendapati bahawa pelajar itu membuat kesilapan ataupun kesalahan menyalahi undang-undang negara. Akan tetapi kita harus sedar, kita ada lebih kurang lebih 50,000 pelajar asing, yang melakukan masalah ini sangat kurang. Akan tetapi oleh kerana ia kurang tidak bermaksud kita tidak mengambil tindakan. Bukan sahaja pelajar kita ambil tindakan Tuan Yang di-Pertua malah IPTS itu pun kita ambil tindakan.

Kita boleh dan telah pun memberhentikan IPTS tersebut, tidak membenarkan lagi mengambil pelajar-pelajar antarabangsa. Ini di antara kaedah-kaedah. Saya juga dapat tahu maklumat bahawa peratusan masalah pelajar asing ini berkurangan dari masa ke masa. Ini kerana pemantauan dan kerjasama kementerian dapat daripada Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, EMGS dan pada masa yang sama rakyat Malaysia yang prihatin mengawasi keadaan juga boleh membantu kita untuk memastikan pelajar-pelajar tidak menyalahgunakan pas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Sebelum itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon kerana mengemukakan soalan yang sangat perseptif dan sangat relevan. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di bahagian awalnya saya agak mengelak sedikit. Bukan mengelak, okey. Mula diceritakan oleh proses masuk, proses permohonan, proses diterima masuk.

Akan tetapi yang relevan di sini ialah setelah masuk, setelah belajar itu apa yang mereka buat? Ada kata ada pemantauan. Bagus. Akan tetapi kita hendak tahu adakah pemantauan ini dilakukan secara aktif oleh pihak kementerian, pihak polis dan pihak imigrasi atau hanya bergantung kepada laporan daripada pihak ketiga? Kemudian tadi disebut juga tentang ada pelajar-pelajar yang dihantar balik ke negerinya. Baguslah, ini tindakan yang cukup bagus. Akan tetapi kita hendak tahu, berkat

adanya pemantauan itu, adakah statistik yang lengkap berapa orang yang telah dihantar balik ke negeri, negeri mana dan mata pelajaran apa dan kolej yang mana?

Saya bersimpati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri barangkali statistik yang saya minta ini tidak ada sekarang. Akan tetapi saya mohon kalau tidak ada sekarang, boleh atau tidak Yang Berhormat memberikan statistik yang lengkap tentang status pelajar-pelajar ni setelah berada, belajar di sini? Saya tahu yang paling kurang saya tahu satu orang yang belajar masuk di suatu fakulti di Universiti Malaya, kemudian sekarang bukan buat jenayah tetapi buat *business*. Akan tetapi datang dengan pas pelajar. Adakah perkara-perkara ini turut dipantau?

Seperti saya katakan tadi kita menyedari bahawa bilangan pelajar-pelajarnya puluhan ribu. Oleh kerana itu, saya rasa pemantauan itu mestilah lebih proaktif dan jangan bergantung kepada pihak ketiga sahaja. Itulah saya harapkan statistik yang lengkap dan komprehensif kerana perkara ini serius, Yang Berhormat. Sangat serius. Jadi saya minta dijadikan statistik pelajar-pelajar negeri mana, bidang yang dipelajari, kemudian IPTA dan IPTS yang mana, kemudian corak jenayah yang mereka lakukan selama berada di sini. Ini antara data-data dalam statistik yang saya harap dapat dibekalkan kepada kita.

Dari satu segi saya ucapkan tahniahlah atas pemantauan itu. Akan tetapi saya syak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Nget tadi, masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk mengawasi supaya api yang kecil ini jangan membakar kita. Jangan bila sudah berjuta-juta pendatang haram di negeri, baru kita terperanjat. Ini adalah satu saluran untuk pendatang-pendatang yang tidak halal itu datang ke negeri ini. Jadi pemantauan ditingkatkan, statistik dilengkapkan. Terima kasih banyak.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Tidak mengelak langsung tadi Yang Berhormat. Itu terpulang kepada mereka yang mendengar Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mengelak langsung. Sudah menjawab secara baik yang boleh. Tidak apa, tidak kisah.

■1120

Saya amat prihatin dengan keperluan permintaan itu tetapi secara amnya biar saya beri sedikit daftar yang ada pada saya. Saya ada sediakan payung sebelum hujan tetapi mungkin payung ini tidak melingkupi semua tempat tetapi sedikit untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato'. Cukup pantun sekali ini. Bilangan pelajar yang terlibat dengan permasalahan pelajar, Yang Berhormat ya. Pencapaian akademik CGPA di bawah 2.0. Kalau pencapaian akademik ini bawah 2.0 pun kita ambil tindakan, 350 orang. Ini daripada jumlah pelajar 54,000 orang yang satu angka.

Kehadiran pelajar, 80% dan ke bawah, 370 orang. Bilangan IPTS yang terlibat dengan permasalahan pelajar, bilangan IPTS yang mana CGPA pelajar-pelajarnya 2.0 sebanyak 32 IPTS. Kehadiran pelajar kurang 80% sebanyak 26 buah IPTS. Jumlah IPTS yang tidak diperakukan kelulusan pembaharuan lesen KDN sebanyak 22 buah. Jumlah IPTS yang ditangguhkan kelulusan KDN sebanyak 27 buah. Ini tindakan kementerian Yang Berhormat dan kita akan terus memastikan kerana

bagi kita walaupun api kecil, kita tahu api kecil ini boleh menjadi asap tetapi asap ini boleh jadi api balik. Asap pun kita pantau kerana kita hendak memastikan...

Tuan Yang di-Pertua: Hebat Yang Berhormat, hebat Yang Berhormat. Bagus.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Ini kerana kita hendak memastikan bahawa negara kita akan menjadi hab pendidikan antarabangsa. Terima kasih Dato', Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, bagus. Cukuplah, cukup Yang Berhormat. Kalau ada apa-apa boleh jumpa dekat luar.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Statistik...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Minta Yang Berhormat Menteri beri secara bertulislah, ya?

8. **Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah kerajaan menggalakkan perniagaan dalam kalangan belia sebagai satu peluang pekerjaan, meningkatkan pelaburan dan inovasi baru untuk negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak ada pantun hari ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan usahawan belia. Saya hendak berterus terang, sukar untuk saya menjawab bagi pihak kementerian kerana ini adalah khusus untuk belia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dari sudut MITI bersama-sama dengan agensi MITI iaitu SME Corp. Malaysia dan SME Bank, setakat ini akan terus berusaha untuk menggalakkan perniagaan termasuk di kalangan belia untuk membangunkan PKS dan juga bidang lain supaya dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan, dapat meningkatkan pelaburan serta lebih berinovasi untuk kekal berdaya saing dan berdaya maju dalam ekonomi dunia selaras dengan matlamat Model Baru Ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada satu program khusus yang kita juruskan kepada usahawan belia di MITI. Cuma saya hendak beritahu di sini ialah banyak program yang dilaksanakan oleh MITI dalam mengupayakan usahawan-usahawan ini melibatkan belia. Umpamanya di Bahagian Pembangunan Usahawan itu sendiri, 50% daripada penyertaan ataupun kumpulan sasaran yang turut serta ialah 50% belia. Kalau di peringkat program yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia, 30% adalah belia. Ada beberapa program yang kita jalankan seperti *Business Accelerator Program* dan *Enrichment and Enhancement Program* (ESquare). Ini biasa di SME Corp. ramai di kalangan usahawan sedia maklum melibatkan lebih kurang 30% belia dan setakat ini angka di sini adalah 156 PKS yang terlibat ini adalah golongan belia, itu satu.

Begitu juga Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera ataupun BEEP. Program Peningkatan Keupayaan PKS Bumiputera (BEEP). Ini khusus untuk usahawan di luar bandar, hampir 50% belia. Geran yang telah diluluskan ialah RM69.34 juta. Jadi, itu di antara yang boleh saya sebut selain daripada SME Corp. sendiri menubuhkan panel *on young entrepreneurship* di mana panel ini ditubuhkan pada bulan September 2011 yang bertujuan untuk membantu *SME Corp. Malaysia*

merangka, melaksanakan program capaian serta mengenal pasti program pembangunan bagi usahawan muda iaitu belia. Jadi itu di antara program-program dan ini kita mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya Malaysia ataupun GMB.

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini ialah MITI akan terus memberikan kerjasama dengan semua kementerian khususnya Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk memecut belia dalam bidang keusahawanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan pertama, Datuk Haji Megat Zulkarnain.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan dan juga memaklumkan bahawa banyak program yang disusun khususnya bagi membantu golongan belia ini. Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawasanya pada era ini memang kita faham bahawa landskap keusahawanan memang menjadi agenda utama kerajaan dan pihak swasta. Akan tetapi yang ingin saya bertanya di sini, sejauh mana golongan-golongan belia ini memahami dan mendapat maklumat segala program ataupun bantuan yang disediakan oleh kementerian melalui bentuk hebahan? Ini kerana banyak rungutan di peringkat akar umbi di bawah, mereka tidak tahu peringkat kementerian ada menyediakan segala kemudahan seperti ini dan akhirnya mereka tidak terarah. Mereka tidak tahu ke mana mereka harus pergi walaupun di pihak kerajaan, kita menyediakan segala-galanya.

Mungkin ada pendekatan-pendekatan yang tertentu yang boleh dilaksanakan selepas ini supaya mereka yang ingin memulakan perniagaan-perniagaan baru atau *start up company* ini boleh mendapat bantuan dan juga boleh mendapat penjelasan yang lebih *detail*, dengan izin, daripada kementerian. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan perkara ini. Keduanya, bolehkah pihak kementerian menyediakan kaunter-kaunter seperti MaGIC, SUPERB, PKS, Tabung Siswazah di RTC atau UTC supaya golongan belia ini boleh menjadikan *one-stop centre* ini juga untuk mendapatkan maklumat bagi pihak mereka. Terima kasih dan mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya berbincang dengan pegawai-pegawai dan inilah di antara perkara yang saya utarakan sebab saya juga mendapat banyak rungutan ataupun aduan daripada ramai golongan muda yang seolah-olah tercari-cari di mana mereka boleh mendapatkan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan yang begitu banyak. Umpamanya kalau di MITI, ada dua jenis dana iaitu Tabung Usahawan Siswazah (TUS) di bawah SME Bank dan satu lagi adalah Dana Usahawan Muda (YEF) juga di bawah SME Bank. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa hebahan itu penting. Jadi saya bercakap dengan pegawai pagi tadi ialah saya minta supaya kita dapatkan kerjasama daripada semua organisasi usahawan muda ini lebih-lebih lagi golongan muda ini lebih dekat dengan internet.

Jadi bila kita semak sebenarnya, bentuk-bentuk bantuan seperti ini sedia ada dalam laman web setiap kementerian yang berkaitan sama ada kementerian MITI, Belia dan Sukan hatta Bank Negara pun ada. Jadi saya cadangkan inilah di antara pendekatan yang lebih mudah untuk orang muda yang

memang rapat dengan internet dan bolehlah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain membantu kami sebab Datuk Haji Megat Zulkarnain adalah di kalangan pimpinan muda yang berkaliber. *Insyah-Allah*, boleh bantu untuk memudahkan golongan muda mencapai segala kemudahan yang telah pun disediakan. Cadangan tadi untuk membuka kaunter di RTC dan sebagainya, itu adalah satu cadangan yang baik dan *insyah-Allah* MITI akan memberikan kerjasama yang sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

■1130

9. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan, dalam usaha meningkatkan ekonomi ummah, sejauh manakah pendekatan konsep kewangan Islam yang merujuk kepada prinsip-prinsip syariah diamalkan oleh institusi kewangan di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sistem kewangan Islam telah berkembang pesat di Malaysia dan memenuhi keperluan pelbagai masyarakat pelanggan. Aspek pematuhan syariah sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan bagi menyokong keyakinan umum terhadap sistem kewangan Islam di Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pengiktirafan terhadap kuasa Majlis Penasihat Syariah di dalam memberikan keputusan berkenaan perkara-perkara syariah yang timbul semasa prosiding mahkamah atau penimbang tara telah termaktub di dalam seksyen 56(1), dan seksyen 57, Akta Bank Negara Malaysia 2009. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 mengandungi peruntukan yang jelas mengenai keperluan pematuhan syariah dan pelaksanaan tadbir urus syariah yang berkesan oleh institusi kewangan Islam.

Bagi menyokong pelaksanaan sistem kewangan Islam yang kukuh, peranan Majlis Penasihat Syariah di peringkat Bank Negara Malaysia disokong oleh Ahli Jawatankuasa Syariah di setiap institusi kewangan Islam dalam memastikan setiap transaksi kewangan Islam telah melepasi piawaian pematuhan syariah yang ditetapkan oleh pakar syariah. Rangka kerja dan struktur tadbir urus syariah yang diamalkan di Malaysia telah dicontohi oleh negara-negara lain seperti Pakistan, Indonesia, Brunei, Bahrain dan Emiriah Arab Bersatu.

Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dan Kewangan Islam (ISRA) dan Majlis Penasihat Syariah sedang membangunkan piawaian syariah dan piawaian pengendalian operasi bagi kontrak kewangan Islam yang utama. Penekanan diberikan terhadap kontrak kewangan Islam yang utama seperti:

- (i) *murabahah* iaitu jual beli;
- (ii) *mudharabah* iaitu perkongsian untung;
- (iii) musyarakah iaitu perkongsian modal dan untung rugi;
- (iv) ijarah iaitu sewaan;
- (v) wadiah iaitu simpanan; dan

(vi) *ishtiraq* iaitu kontrak pembinaan.

Piawaian syariah bertujuan untuk mengharmonikan amalan pasaran di dalam mengaplikasikan ciri penting dan prinsip asas syariah yang perlu diguna pakai bagi sesuatu kontrak kewangan Islam. Piawaian pengendalian operasi kontrak pula mengambil kira prinsip amalan yang utuh dalam aspek pengurusan risiko tadbir urus dan penzahiran maklumat untuk memastikan pematuhan kepada syariah di bawah kontrak kewangan Islam yang pelbagai. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang memuaskan dan baik itu.

Apa yang saya hendak tanya dalam soalan tambahan ini ialah galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada kewangan Islam ini. Kalau saya tengok di dalam pembentangan bajet baru-baru ini saya tidak dapat melihat pinjaman-pinjaman itu diberi tawaran untuk menurut pinjaman syariah tetapi kesemuanya pinjaman itu diberi dengan mengecaj 4%. Itu satu.

Di samping itu, kalau sekiranya pihak-pihak yang bertelagah dengan urusan kewangan Islam itu mereka akan rujuk kepada mahkamah mana? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sebagai contoh, semalam saya melancarkan satu usaha baru inovasi Tuan Yang di-Pertua iaitu dipanggil sistem perakaunan luar negara (SPLN) dan Akauntan Negara Malaysia bersama Kementerian Kewangan menggunakan Bank Islam sebagai bank perantara untuk menghantar dan menerima kewangan di pusat-pusat tanggungjawab di luar negara. Ini kali pertama. Dahulu kita hanya menggunakan beg-beg diplomatik untuk menghantar segala wang panjar dan segala akaun mengambil masa sebulan hingga dua bulan. Akan tetapi kerajaan memutuskan menggunakan Bank Islam dengan sistem perbankan Islam. Peruntukan yang terlibat dari segi jumlah dan lain-lain, *claim* dan sebagainya yang melibatkan seluruh luar negara ini lebih RM1,000 juta sebulan. Itu sebagai contoh. Walaupun tidak disebut secara detil dalam kita punya bajet.

Cuma pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari itu kita ambil perhatian berat dan saya ingin memaklumkan juga bahawa sebagai contoh kita meluluskan PTPTN misalnya daripada 4% yang kita kenakan kerajaan memberikan subsidi sebanyak 3% dan itu RM1.5 bilion. Manakala yang 1% itu kita tidak namakan sebagai *interest* ataupun apa tetapi kita panggil sebagai caj perkhidmatan untuk pengurusan PTPTN untuk membayar gaji dan sebagainya. Jadi mungkin tidak sebut secara terus segala produk kewangan yang disebut dalam bajet tetapi ada kaedah-kaedah yang tertentu. Tidak semesti kita sebut satu persatu.

Sebagai nota tambahan sistem kewangan Islam ini bukan hanya perbankan. Ia lagi ada enam yang lain iaitu takaful. Kita juga ada pasaran modal Islam. Pasaran modal Islam itu ada tiga jenis pula iaitu ekuiti, dana Islam dan juga *sukuk* ataupun Bank Islam. Seterusnya kita ada *Ar-Rahnu* ataupun gadaian. Kemudian kita biasa dengar zakat, wakaf, kita ada juga koperasi yang berteraskan Islam. Jadi ada tujuh jenis campur tiga pecahan mengenai sistem kewangan Islam dan Malaysia semakin berkembang sistem kewangan Islamnya. Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan produk Islamik semakin popular sekarang ini malah negara-negara lain juga di dunia berlumba-lumba

menjadi hab kewangan Islam. Terbaru adalah negara Jepun dan juga Hong Kong. Oleh kerana tarikan dari industri negara kerap kehilangan pakar-pakar tempatan kerana mereka berhijrah ke negara lain atas faktor tarikan gaji dan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh bank-bank luar. Apakah langkah kerajaan menangani gejala ini?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Roslin. Saya ingin memaklumkan bahawa memang benar kita menjadi hab sistem kewangan Islam. Perbankan Islam nombor tiga terbesar dalam dunia, takaful Islam insurans nombor dua terbesar dalam dunia dan *sukuk* nombor satu dalam dunia dan ini semua diusahakan oleh kerajaan yang ada sekarang. Jadi ia memang benar kita juga ada dana Islam. Dana Islam ini daripada 20 yang terbesar dalam dunia, Malaysia ada enam daripada 20 itu.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Puan Roslin apakah usaha-usaha kita untuk menambah kepakaran. Kita ada Pusat Pendidikan Antarabangsa Dan Kewangan Islam (INCEIF). Di INCEIF sehingga kini ada 2,200 orang pelajar daripada 80 negara dan di bawah Bank Negara. Kita sudah ada 619 orang graduan dalam tempoh lima tahun. Kita juga ada Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM). Sehingga September 2013 ada 750 peserta antarabangsa yang menyertai program latihan. Kita juga ada Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dan Kewangan Islam (ISRA). Antara yang diterbitkan oleh ISRA ialah buku teks untuk universiti mengenai sistem ekonomi Islam dan sistem kewangan Islam. Buku teks yang terbaik dalam dunia setakat ini.

Sekarang ini kita ada 150 Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah di Malaysia. Ini juga merupakan kepakaran walaupun mereka mungkin pergi ke negara-negara lain tetapi kita akan terus menambah pakar-pakar untuk memastikan kita tidak kekurangan pakar mengenai sistem kewangan Islam. Terima kasih.

10. Dato' Maznah Mazlan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah usaha-usaha dan dorongan kerajaan untuk meningkatkan penyertaan golongan wanita dalam pasaran pekerjaan terutamanya golongan ibu tunggal dan suri rumah. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi sebarang insentif seperti pengurangan cukai atau rebat bayaran elektrik kepada majikan yang mengajikan golongan ibu tunggal dan orang kurang upaya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.*

Tanam kenaf di Pulau Banting;

Rumpun buluh milik Pak Wahab;

Yang Berhormat Dato' Maznah wanita prihatin;

Soalan sepuluh saya cuba jawab.

■1140

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menjawab soalan ini, ingin saya berikan sedikit maklumat asas kepada kita.

Pertama ialah tentang kependudukan negara kita. Mungkin ini lebih kurang tepat. Penduduk negara kita sekarang ini lebih kurang 29,982,000. Seramai 29 juta lah lebih kurang. Lelaki ialah lebih kurang 15 juta dan wanita ialah 14 juta. Tentang tenaga buruh sebab kita berbincang tentang wanita ini. Penduduk bekerja keseluruhannya 13.6 juta. Wanita 5.36 juta, lelaki 8.29 juta. Pengangguran keseluruhan 431,000 iaitu 3.1 juta. Wanita yang menganggur 195,500, lelaki 235,900. Luar tenaga buruh keseluruhan, luar tenaga buruh ini makna tidak bekerja termasuklah pelajar sebanyak 6.32 juta. Wanita 4.29 juta, lelaki 2.03 juta. Kadar pengangguran keseluruhan negara ialah 3.1 juta seperti yang saya sebutkan tadi. Wanita 3.5 juta, lelaki 2.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Maznah. Banyak isu dikemukakan dalam ini terutama menyentuh tentang wanita, golongan ibu tunggal, suri rumah dan juga OKU. Dalam usaha meningkatkan penyertaan golongan wanita khususnya golongan ibu tunggal dan suri rumah dalam pasaran kerja, pihak kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi telah menyediakan inisiatif program yang seperti berikut. Ini saya khususkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan banyak juga tanggungjawab dijalankan oleh Kementerian Wanita. Antaranya Program Azam Kerja.

Program Azam Kerja adalah projek berkelompok individu yang diwujudkan bagi membantu golongan miskin, miskin tegar dan mudah miskin yang berdaftar dengan sistem e-Kasih. Sepanjang pelaksanaan program ini telah membantu seramai 486 wanita suri rumah. Maknanya wanita ramai, tapi ini suri rumah. Untuk menjana pendapatan melalui program berkelompok. Manakala seramai 2,056 peserta wanita telah menyertai program menjana pendapatan secara individu. Pekerja wanita itu ramai Tuan Yang di-Pertua ya, tapi ini untuk suri rumah.

Program *Home Working*. Program ini telah dilancarkan pada 7 Oktober 2008. Sehingga 31 Disember 2011, Kementerian Sumber Manusia telah membantu suri rumah seramai 1,554 orang serta ibu tunggal seramai 107 orang. Manakala seramai 165 orang bagi kategori yang lain. Program ini telah disertai oleh 90 syarikat *home working* yang berdekatan dengan kediaman peserta, makna suri rumah tadi. Melalui program ini peserta telah mendapat pendapatan tambahan untuk isi rumah di antara RM200 hingga RM500 sebulan bergantung kepada produktiviti yang dihasilkan.

Ketiga ialah menggalakkan majikan swasta untuk menubuhkan pusat asuhan atau taman asuhan kanak-kanak. Sehingga hari ini sebanyak 2,058 buah taska berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Wanita dan 46 buah Taska 1Malaysia di seluruh negara yang bersedia memberi perkhidmatan kepada ibu bapa di seluruh negara. Berikutnya ialah Program *1Malaysia Support for Housewives* (1MalaysiaFHW) di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Tujuan program ini adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan tambahan keluarga bagi meningkatkan taraf hidup serta memberi jaminan keselamatan sosial bagi suri rumah untuk kehidupan keluarga yang lebih baik.

Sehingga 15 November 2013, seramai 25,708 suri rumah telah berdaftar dan seramai 4,059 suri rumah telah ditempatkan pekerjaan melalui portal JobsMalaysia, Kementerian Sumber Manusia. Kerjasama antara Kementerian Sumber Manusia dengan suri rumah kepada anggota jabatan agensi

beruniform yang lain antaranya Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia turut dilaksanakan melalui program kelompok ini. Kelima ialah program *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme* (HEARTS). Program HEARTS ini diwujudkan bagi menarik semua golongan wanita berpendidikan tetapi telah menjadi pendam, *latent*. Maknanya, dia ada pendidikan tetapi apabila jadi *housewife*, dia telah hilang kebolehan beliau kerana lebih sibuk menjaga rumah tangga dan sebagainya.

Akibat daripada komitmen keluarga selepas berkahwin, untuk kembali aktif dalam pekerjaan dan menyumbang secara produktif kepada pertubuhan ekonomi. Sehingga 6 Disember 2013, seramai 448 wanita telah disenarai pendek di bawah program ini. Daripada jumlah itu seramai 309 sedang mengikuti program ini. Dianggarkan seramai lebih kurang 700 peserta akan dilantik sehingga 2014. Keenam, menguatkuasakan peraturan kerja separa masa kepada wanita. Langkah ini sebagai satu alternatif dan galakan bagi meningkatkan penyertaan tenaga wanita dalam pasaran kerja secara aktif dan produktif. Peraturan ini turut mewujudkan fleksibiliti dalam pasaran buruh terutamanya waktu bekerja dan mesra pekerja.

Pindaan undang-undang bagi perlindungan untuk pekerja wanita. Di bawah Akta Kerja 1955, [Akta 265] beberapa pindaan telah dilakukan untuk memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja wanita agar merasa selesa dan selamat untuk bekerja. Pindaan-pindaan ini ialah perlindungan bersalin. Semua pekerja wanita tanpa mengira had gaji layak mendapat manfaat di bawah bahagian 9, Akta 265 gangguan seksual, peruntukan khusus mengenai mekanisme siasatan gangguan seksual di tempat kerja terhadap wanita. Ada lagi perlindungan lain kepada wanita ini yang boleh kita perluaskan. Umpamanya di bawah Kementerian Wanita, di bawah program Inkubator Usahawan Ibu Tunggal (I-KIT) dan program Inkubator Keusahawanan Wanita. Jadi, ini di bawah Kementerian Wanita.

Tujuan program ini ialah untuk meningkatkan keusahawanan dalam pelbagai perusahaan mikro termasuk jahitan, kraf tangan, salon kecantikan, industri berasaskan makanan dan pencapaian sehingga September 2013 - 3,343 ibu tunggal dilatih di bawah program ini. Seramai 1,532 wanita dilatih di bawah 1KUNITA iaitu program di bawah kementerian. Sebenarnya di kementerian, banyak lagi insentif yang diberikan, faedah yang diperoleh oleh wanita dan juga ibu tunggal termasuklah orang kurang upaya. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak baca ini panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat, cukup.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya ingat buat sementara saya bagi ruang Yang Berhormat Senator Dato' Maznah untuk soalan tambahan. Terima kasih banyak.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat.

Bunga Selasih di sanggul puteri,

Bunga disusun rapat-rapat,

Terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri,

Jawapan tepat dan hebat.

Saya mohon supaya soalan saya yang kedua iaitu dari segi insentif...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Maznah binti Mazlan: Ya, soalan tambahan saya iaitu ada di dalam soalan utama saya iaitu insentif yang ada diberi kepada majikan dan untuk ibu tunggal dan juga golongan OKU. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah menjawab itu tadi.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya ingat. Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya insentif secara meluas belum saya jawab lagi. Cuma sebahagian dari segi program kepada wanita. Saya hendak sentuh dua kursus yang disebutkan, ditimbulkan Yang Berhormat Senator Dato' iaitu insentif kepada ibu tunggal dan juga kepada orang kelainan upaya. Di negara kita ini untuk makluman 831,860 orang ibu tunggal. Ramai ini Tuan Yang di-Pertua, ramai. Macam mana hendak tolong dia ini? Jadi, Selangor adalah negara tertinggi dengan jumlah kurang lebih 125,397 dan bilangan yang menerima bantuan, ini maklumat daripada JKM, mungkin ada tepat ataupun sebaliknya, saya akan rujuk kerana JKM iaitu 66,243 orang lebih yang telah menerima faedah ataupun bantuan daripada kementerian.

Jadi, insentif yang lain yang boleh saya sebut tentang ibu tunggal ialah wanita dan ibu tunggal. Pemotongan cukai berganda kepada majikan yang menyediakan latihan untuk mengambil semula golongan ini untuk bekerja di bawah program TalentCorp. Maknanya, mana-mana majikan yang mengambil semula golongan ibu tunggal ini bekerja dan mereka boleh diberikan potongan cukai berganda.

■1150

Kedua ialah skim bantuan kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seperti lampiran ini banyak sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Antaranya bantuan kanak-kanak di bawah ibu tunggal ini, bantuan anak pelihara, bantuan am persekutuan, bantuan am negeri, bantuan latihan, bantuan penjagaan OKU, geran pelancaran dan lain-lain. Saya tidak hendak menyentuh banyak Tuan Yang di-Pertua tentang kementerian. Walau bagaimanapun, usaha kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional terutama di bawah Kementerian Wanita, Kementerian Sumber Manusia, kita memastikan supaya wanita ini termasuklah terutamanya ibu tunggal dapat kita jaga masa hadapan mereka.

Tentang OKU, mengikut banci penduduk dan perumahan Malaysia 2010 seramai 464,967 orang jumlah yang sama berdaftar di JKM, maknanya OKU. Seramai 1,434,000 terima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara intensif yang diberikan kepada di bawah KSM di bawah Kementerian Sumber Manusia kepada OKU, orang kurang upaya ialah Skim Bantuan Geran Perniagaan OKU, SGP OKU dilancarkan pada 2007, dalam RMKe-9 kita memperuntukkan sebanyak RM16 juta pada RMKe-10 RM7 juta peruntukan kepada OKU. Berkonsepan usahawan OKU, maknanya kita sudah lantik OKU, kita ada melalui Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Wanita juga OKU telah menjadi usahawan, kita bagi galakan kepada mereka supaya dengan peruntukan yang disediakan tadi di mana mereka selepas itu mengambil pula OKU lain untuk dijadikan pekerja. Syarat kelayakan adalah membesarkan perniagaan mereka dan mereka mestilah menggaji Orang kurang upaya bekerja dengan mereka.

Kedua ialah *Programme Return to Work* di bawah PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia. Program Pemulihan di bawah PERKESO kepada pekerja yang mengalami hilang upaya akibat kemalangan. PERKESO bertanggungjawab ialah memberikan pampasan menjaga dan memulihkan yang ditimpa kemalangan yang menyebabkan mereka menjadi OKU. Kita ada program khusus, selepas mereka ini dipulihkan dan mereka boleh bekerja maka kita ambil pula mereka ini bekerja. Sejak diperkenalkan 2007 hingga September 2013, seramai 7,388 yang kita anggap sebagai OKU telah dipilih dan kembali semula bekerja dan mendapat pekerjaan.

Ketiga elaan layanan sentiasa ELS oleh PERKESO. Ini di bawah Kementerian Sumber Manusia juga. Orang berinsurans yang disahkan hilang upaya kekal oleh jemaah doktor dan jemaah doktor rayuan, elaan akan diberikan kepada penjaga yang menjaga orang berinsurans. Maknanya mungkin ibu dia ataupun mungkin juga ibu tunggal yang menjaga dia dan anak tadi mungkin orang kurang upaya, jadi kadar elaan ialah 4% daripada kadar faedah hilang upaya langsung bayaran maksimum yang kita berikan kepada elaan layan sentiasa ini ialah sebanyak RM500.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada juga bantuan-bantuan lain di bawah kanak-kanak istimewa orang kurang upaya termasuklah pendidikan khas, kalau saya hendak sebutkan banyak Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin selebihnya boleh dibuat secara bertulis.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Yang Berhormat menteri telah menjawab dengan panjang lebar hampir merangkumi semua aspek dalam soalan ini, maka kita tidak payahlah ada soalan tambahan seterusnya. Maka dengan itu saya ingin menutup sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pagi ini. Terima kasih.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.54 pg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan kumpulan jenayah terancang yang semakin berleluasa semenjak kebelakangan ini telah menimbulkan kegusaran masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat peningkatan kadar jenayah di seluruh negara terutama sekali jenayah yang melibatkan senjata api. Kejadian jenayah ini dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap yang menjadi semakin berani hingga menconteng dinding balai polis.

Selain itu, terdapat juga penjenayah yang menjadi pembunuh upahan. Masyarakat kini tidak lagi merasa selamat untuk berada di tempat awam susulan daripada beberapa serangan ke atas anggota kumpulan jenayah terancang yang dilakukan oleh anggota kumpulan pesaing. Persaingan dan pembunuhan yang berlaku di tempat awam mengejutkan masyarakat. Kerajaan sememangnya mengambil berat dan memandang serius perkara ini dan akan mengambil tindakan tegas terhadap anggota kumpulan jenayah terancang ini melalui kerangka perundangan yang komprehensif yang meliputi bukan sahaja pindaan kepada Kanun Keseksaan tetapi juga pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah, Akta Keterangan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan Pool 1967.

Pindaan yang komprehensif ini akan menyediakan satu ekosistem yang mantap bagi menangani kumpulan jenayah terancang. Pindaan kepada kanun keseksaan ini meliputi beberapa perkara iaitu memperkukuhkan Kanun Keseksaan dengan kesalahan baru yang disasarkan pada kumpulan jenayah terancang. Menambah kesalahan Bab VIA iaitu kesalahan berhubung dengan keganasan.

Peruntukan berkenaan kesalahan seksual dan perbuatan keganasan oleh pasangan yang meliputi beberapa kesalahan baru dan juga menaikkan penalti dengan kesalahan sedia ada. Menaikkan penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan khianat. Pindaan khusus berkenaan kumpulan jenayah terancang ialah seksyen baru 130X, 130Y, 130Z, 130ZA, 130ZB dan 130ZC yang dimasukkan dalam Bab VIB untuk mewujudkan penambahan kesalahan seperti melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang serta menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang.

Kesalahan-kesalahan baru ini diwujudkan bagi menunjukkan ketegasan kerajaan dalam menangani jenayah terancang. Sebelum ini, kita harus menunggu mereka melakukan kesalahan seperti membunuh, mengugut dan sebagainya barulah kita boleh mengambil tindakan. Dengan adanya pindaan ini sebagai contohnya, penglibatan melalui pergaulan sahaja merupakan satu kesalahan dengan sendirinya tanpa perlu menunggu kesalahan lain dilakukan.

Seksyen 130ZC pula memperuntukkan secara khusus penalti sekiranya kumpulan jenayah terancang atau mana-mana anggota kumpulan jenayah terancang disabitkan dengan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain penaltinya akan digandakan berasaskan penalti maksimum yang diperuntukkan untuk kesalahan tersebut dan juga boleh dikenakan sebatan.

Bab VIB juga dijadikan kesalahan keselamatan melalui pindaan kepada jadual kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Seksyen 107 juga telah dipinda dengan memasukkan huraian dan misalan baru berhubung dengan seseorang yang mendalangi sesuatu kesalahan. Dengan adanya huraian ini, maka adalah lebih jelas untuk mengaitkan mana-mana ketua jenayah terancang sebagai pensubahat yang hanya

bertindak sebagai perancang atau dalang kepada sesuatu kesalahan salah. Kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan jenayah terancang amat sukar untuk dikaitkan dengan dalangnya sebelum ini.

■1200

Seksyen baru 411A juga telah dimasukkan iaitu kesalahan baru menerima faedah yang diperoleh daripada aktiviti jenayah kumpulan jenayah terancang yang membawa penalti pemenjaraan bagi tempoh sehingga enam tahun. Peruntukan ini dimasukkan kerana ramai pihak sebelum ini mengaut keuntungan dengan memberikan perlindungan atau menyokong aktiviti jenayah kumpulan jenayah terancang tersebut.

Seksyen 130V juga telah dipinda bagi menaikkan hukuman daripada maksimum lima tahun penjara kepada 20 tahun penjara dan memasukkan anggapan berhubung menjadi ahli kepada kumpulan anggota jenayah terancang.

Bab VIA juga telah dipinda dengan memasukkan seksyen baru 130QA bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan baru menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan. Pengalaman getir serangan pengganas di Lahad Datu telah mendedahkan rangkaian cara para pengganas beroperasi dan kaedah suapan merupakan satu cara yang digunakan oleh pengganas untuk menjayakan misi mereka. Mereka juga menerima suapan untuk memudahkan dan membolehkan perbuatan keganasan akan dihukum mati jika perbuatan keganasan tersebut menyebabkan kematian dan dalam kes yang lain akan dihukum tidak kurang daripada tujuh tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun boleh juga dikenakan denda.

Kerajaan amat memandang serius berkenaan perbuatan mendedahkan maklumat oleh mereka yang memperoleh maklumat ketika menjalankan tanggungjawab atau melaksanakan fungsi mereka di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan juga mereka yang menerima maklumat tersebut dan mendedahkannya kepada orang lain. Sehubungan dengan itu, satu seksyen baru 203A telah dimasukkan bagi memperuntukkan satu kesalahan baru iaitu mendedahkan maklumat yang membawa penalti denda tidak lebih daripada RM1 juta atau pemenjaraan bagi tempoh sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

Kerajaan juga bercadang meminda seksyen 223 bagi memansuhkan subseksyen (2) yang baru bagi menggandakan hukuman sekiranya perbuatan tersebut dibuat bagi memudahkan atau membolehkan apa-apa perbuatan keganasan atau aktiviti jenayah terancang. Pindaan ini penting bagi mengelakkan kejadian yang berlaku di Mahkamah Sesyen Jalan Duta di mana seorang banduan telah berjaya melepaskan diri dengan membuka gari dan memanjat pagar mahkamah ketika pihak polis membawa para tahanan ke mahkamah. Di Seremban pula, tiga orang pegawai polis telah dituduh atas tuduhan kecuaiannya sehingga menyebabkan tahanan kes dadah terlepas.

Beberapa peruntukan berkenaan kecederaan juga telah dipinda bagi memantapkannya. Antaranya ialah pindaan bagi perenggan 320H untuk menurunkan batas 20 hari yang ditetapkan bagi menentukan kecederaan parah kepada 10 hari. Pindaan ini seiring dengan pembangunan teknologi perubatan masa kini. Pindaan lain pula ialah berkenaan kecederaan yang disebabkan oleh senjata terjadual yang ditetapkan oleh Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Dua seksyen telah dipinda iaitu seksyen 324 dan seksyen 326 untuk memasukkan jenis kecederaan baru ini. Penalti di bawah seksyen 324 juga telah ditingkatkan kepada 10 tahun. Kedua-dua pindaan tersebut bertujuan untuk meliputi kecederaan yang selalunya dilakukan oleh kumpulan jenayah terancang apabila berlakunya pergaduhan sesama mereka. Walau bagaimanapun, pindaan tersebut bersifat umum dan tidak dihadkan kepada kumpulan jenayah terancang sahaja.

Kerajaan amat memandang serius perbuatan keganasan yang dilakukan oleh pasangan yang berkahwin terhadap pasangannya. Dua seksyen baru telah dimasukkan bagi meningkatkan penalti yang lebih tinggi sekiranya kecederaan dilakukan oleh pasangan atau sekiranya kekerasan jenayah dilakukan oleh pasangan. Seksyen baru 326A berkenaan kecederaan telah menetapkan bahawa pasangan yang disabitkan di bawah seksyen 323, seksyen 324, seksyen 325, seksyen 326, seksyen 334 atau seksyen 335 akan dihukum dengan pemenjaraan selama dua kali ganda tempoh hukuman maksimum yang ditetapkan di bawah seksyen mana dia disabitkan.

Manakala seksyen 352A berkenaan kekerasan jenayah telah menetapkan bahawa pasangan yang disabitkan akan dihukum dengan pemenjaraan sehingga enam bulan dan boleh dikenakan denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali. Kedua-dua peruntukan yang dicadangkan ini meliputi kedua-dua pasangan iaitu suami dan isteri. Baru-baru ini terdapat banyak kes di mana isteri memukul suami. Sebagai contohnya, kes yang berlaku di Mahkamah Syariah Putrajaya iaitu ketika proses *sulh* sedang dijalankan, isteri telah mencederakan suaminya. Pindaan ini diharap dapat melindungi pasangan yang dianiaya daripada terus menanggung kesengsaraan mereka.

Kerajaan memandang berat kesalahan rogol yang dilakukan secara berkumpulan sejak kebelakangan ini. Sebelum wujudnya kesalahan ini, mereka yang melakukan perbuatan rogol sebelum ini didakwa secara berasingan di bawah seksyen 376, Kanun Keseksaan, manakala ahli kumpulan yang berada di tempat kejadian dan hanya membantu perbuatan rogol tersebut akan didakwa sebagai pensubahat kepada perbuatan rogol tersebut. Pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa terdapatnya perbuatan rogol oleh perogol dan juga perlu membuktikan perbuatan subahat oleh pensubahat tersebut. Bagi mengatasi perkara tersebut, satu kesalahan baru berkenaan rogol secara berkumpulan telah diwujudkan. Berdasarkan huraian kepada seksyen tersebut, rogol secara berkumpulan boleh dilakukan oleh seorang atau dua orang sahaja manakala mereka yang lain memainkan peranan memegang mangsa bagi membolehkan mangsa dirogol.

Berdasarkan huraian tersebut, kesemua mereka akan dituduh di bawah seksyen baru 375B yang membawa hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun. Dengan adanya peruntukan baru ini, ia memudahkan pihak pendakwaan untuk membuktikan perbuatan rogol secara berkumpulan terhadap semua ahli kumpulan walaupun ada di kalangan mereka yang tidak melakukan perbuatan rogol memandangkan adanya penggunaan niat bersama. Hukuman di bawah peruntukan ini juga lebih tinggi daripada hukuman di bawah seksyen 376 memandangkan perbuatan merogol secara berkumpulan adalah lebih keji daripada perbuatan merogol secara bersendirian.

Subseksyen 376(2) juga telah dipinda bagi memasukkan empat hal keadaan yang memberatkan, yang baru berhubungan dengan hukuman bagi rogol dan juga dengan menaikkan hukuman minimum daripada lima tahun kepada 10 tahun.

Hal keadaan yang baru tersebut mengambil kira keadaan semasa dan impak kejadian kepada mangsa rogol. Hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 376B iaitu sumbang mahram, seksyen 377CA rogol menggunakan objek, seksyen 377E menghasut kanak-kanak melakukan perbuatan kelucahan yang melampau juga telah dinaikkan bagi membuktikan keseriusan kerajaan memerangi jenayah seksual yang keji ini. Had minimum hukuman telah dimasukkan dalam ketiga-tiga seksyen tersebut bagi mengelakkan hukuman yang ringan diberikan. Kerajaan juga mengambil serius jenayah khianat yang dilakukan sejak kebelakangan ini. Sehubungan dengan itu, peruntukan berkenaan dengan khianat telah dikaji semula oleh kerajaan.

Melalui rang undang-undang ini, kerajaan mencadangkan untuk menaikkan hukuman bagi seksyen 426, seksyen 427, seksyen 428, seksyen 430 dan seksyen 435 Kanun Keseksaan.

■1210

Seksyen 429 dicadangkan dimansuhkan apabila seksyen 430A dan 436 telah diperluaskan skopnya. Rang undang-undang ini disediakan dengan teliti oleh kerajaan dengan mengambil kira semua aspek yang perlu dibanteras dalam memerangi jenayah terancang. Tidak kurang juga isu berkenaan jenayah seksual dan keganasan rumah tangga yang semakin menular dalam masyarakat dan menjadi barah kepada generasi akan datang.

Kerajaan amat berkeyakinan bahawa dengan adanya peruntukan baru yang dicadangkan ini akan membuka lembaran baru dalam perundangan negara dan mampu mengatasi, dengan izin, *lacuna* yang wujud selama ini. Kerajaan mencadangkan agar Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 terdiri daripada 31 fasal seperti yang berikut ini.

Fasal 1 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 52A dan 52B ke dalam Akta 574. Seksyen 52A mentakrifkan ungkapan 'kesalahan tidak berat' sebagai suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun sementara seksyen 52B memindahkan takrif sedia ada 'kesalahan berat' dari seksyen 130U, Akta 574.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75A ke dalam Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi pemenjaraan mandatori tidak kurang daripada dua kali ganda tempoh yang lebih panjang yang dikenakan terdahulu bagi pesalah berulang yang melakukan kesalahan berat.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 107 Akta 574 untuk memasukkan huraian dan misalan baru berhubungan dengan seseorang yang mendalangi sesuatu kesalahan.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130QA ke dalam Bab VIA, Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan baru menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan.

Fasal 7 bertujuan untuk memotong takrif dengan izin, *serious offence* dalam seksyen 130U.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 130V, Akta 574 dengan menaikkan hukuman daripada maksimum lima tahun penjara kepada 20 tahun penjara dan memasukkan peruntukan anggapan.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130X, 130Y, 130Z, 130ZA, 130ZB dan 130ZC ke dalam Bab VIB Akta 574 untuk mewujudkan kesalahan tambahan seperti melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang serta menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang, penalti juga digandakan melalui seksyen 130ZC.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 176 Akta 574 untuk menaikkan penalti jika ia berkaitan dengan kesalahan di bawah Bab VIB kepada pemenjaraan bagi tempoh sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 203A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi satu kesalahan baru iaitu mendedahkan maklumat yang membawa penalti denda tidak lebih daripada RM1 juta atau pemenjaraan bagi tempoh sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 223, Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi penalti berganda sekiranya kesalahan dilakukan untuk memudahkan atau membolehkan apa-apa perbuatan keganasan atau aktiviti jenayah terancang.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda perenggan 320H, Akta 574 untuk menurunkan batas 20 hari yang ditetapkan bagi menentukan kecederaan parah kepada 10 hari.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda misal dalam seksyen 322 untuk menurunkan batas 20 hari yang ditetapkan bagi menentukan kecederaan parah kepada 10 hari.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda seksyen 324 untuk memasukkan kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan senjata terjadual yang ditetapkan di bawah Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357] dan meningkatkan penalti daripada tiga tahun kepada 10 tahun.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 326 untuk memasukkan kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan senjata terjadual yang ditetapkan di bawah Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357].

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 326A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi hukuman bagi pasangan yang menyebabkan kecederaan.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 352A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi hukuman bagi penggunaan kekerasan jenayah oleh pasangan.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 375B ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi kesalahan baru rogol secara berkumpulan yang membawa hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda subseksyen 376(2), Akta 574 dengan memasukkan hal keadaan yang memberatkan yang baru berhubung dengan hukuman rogol dan juga dengan menaikkan hukuman minimum daripada lima tahun kepada 10 tahun.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 376B, Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi sumbang mahram daripada tempoh pemenjaraan tidak kurang daripada enam tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun kepada tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 30 tahun.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 377CA, Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi rogol yang menggunakan objek daripada tempoh pemenjaraan sehingga 20 tahun kepada tidak kurang daripada lima tahun atau tidak lebih daripada 30 tahun.

Fasal 23 bertujuan untuk meminda seksyen 377E, Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi menghasut kanak-kanak untuk melakukan perbuatan kelucahan yang melampau daripada tempoh pemenjaraan sehingga lima tahun kepada tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 411A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi kesalahan baru menerima faedah yang diperoleh daripada aktiviti jenayah kumpulan jenayah terancang yang membawa penalti pemenjaraan bagi tempoh enam tahun.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 426 untuk menaikkan penalti bagi khianat.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 427 untuk menaikkan penalti bagi khianat.

■1220

Fasal 27 bertujuan untuk meminda seksyen 428 untuk menaikkan penalti bagi khianat.

Fasal 28 bertujuan untuk memotong seksyen 429.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 430 untuk menaikkan penalti bagi khianat.

Fasal 30 bertujuan untuk meminda seksyen 430A untuk memperluaskan skop seksyen itu.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda seksyen 435 untuk menaikkan penalti bagi khianat.

Fasal terakhir sekali adalah fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 436 untuk memperluaskan skop seksyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk meminda Kanun Keseksaan adalah bagi memelihara keselamatan dan keamanan negara Malaysia yang dicintai ini. Para penjenayah tidak akan diizinkan bermaharajalela di bumi Malaysia yang tercinta. Pindaan yang komprehensif ini berupaya membanteras jenayah terancang hingga ke akar umbinya sehingga langkah tegas diambil oleh pihak polis. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Di hadapan saya sekarang setakat ini kita ada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan yang ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Kalau ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang ini, sila kemukakan nama Yang Berhormat kepada saya sekarang.

Tanpa melengahkan masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Chin Su Pin. Silakan Yang Berhormat.

12.22 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang ini. Saya tidak berniat untuk menyentuh semua fasal dalam pindaan ini. Hanya beberapa perkara yang saya berminat untuk mendapatkan penjelasan daripada kementerian. Yang pertama, saya ingin sentuh berkenaan dengan seksyen 203A berkenaan pendedahan maklumat yang mana ia menjadi topik hangat ketika sesi sidang Dewan Rakyat yang lepas.

Pada pendapat saya, sebenarnya kalau mengikut tujuan sebenar bukan untuk menangkap semua orang yang mendedahkan maklumat. Kita boleh mengambil contoh operasi-operasi yang dijalankan polis mahupun pihak penguatkuasaan. Apabila mereka hendak melakukan operasi ini ke atas warga asing, rumah judi, rumah urut dan sebagainya, maklumat sudah bocor daripada awal. Inilah yang cuba dinyatakan dalam seksyen 203A. Cuma bagi saya, mungkin kerajaan perlu menerangkan perkara ini lebih jelas kepada masyarakat, agar ianya tidak disensasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kedua adalah mengenai pindaan kepada seksyen 107 iaitu berkenaan dengan huraian dan misalan baru berhubung dengan seseorang yang mendalangi sesuatu dengan izin, "*Explanation 3 - Whoever masterminds the doing of an act is said to command the doing of that act*". Saya sokong akan pindaan ini tetapi saya juga percaya kerajaan sedar akan kesukaran membuktikan *mastermind* dalam jenayah terancang ini. Jenayah ini bukan sahaja dengan perbuatan masa, malahan niat juga memainkan peranan penting. Oleh demikian, bagaimanakah kerajaan ini mengecilkan definisi orang yang mendalangi seperti terdapat dalam pindaan ini. Ini kerana definisi yang dibuat agak luas. Keluasan ini akan mewujudkan kelonggaran yang mana akan menyebabkan ramai penjenayah boleh dilepaskan disebabkan bukti yang tidak kukuh.

Ketiga, tentang seksyen 375B. Saya bersetuju dengan seksyen baru ini. Oleh kerana kejadian rogol secara berkumpulan ini lebih dahsyat berbanding rogol secara bersendirian. Trauma yang dihadapi oleh mangsa lebih teruk dan berpanjangan. Akan tetapi, saya ada sedikit persoalan di mana seksyen baru ini tidak memperuntukkan hukuman sebat kepada mereka yang terlibat dalam penjenayah rogol ini. Mengapa? Kalau dalam seksyen 376 ada diperuntukkan sebatan, tetapi di seksyen ini tidak ada.

Kedua, saya mohon Yang Berhormat Menteri sebutkan situasi rogol secara berkumpulan ini dengan jelas oleh kerana pelbagai persoalan timbul di dalam seksyen ini. Sebagai contoh kalau ada

tiga orang yang terlibat, dua orang merogol dan satu daripadanya hanya menjaga pintu, adakah yang menjaga pintu ini tetap dikenakan hukuman di bawah seksyen baru ini atau pun di bawah seksyen 376? Adakah beliau ini setelah dibuktikan bersalah akan dikenakan hukuman yang berat juga?

Ini kerana Tuan Yang di-Pertua mungkin yang menjaga pintu ini sudah memberikan nasihat kepada kawan yang merogol ini agar hentikan perbuatan tersebut. Saya akui memang situasi ini jarang berlaku tetapi ia boleh berlaku kerana kesedaran yang timbul tidak mengenal masa. Oleh itu, saya mengharapkan jawapan dari kementerian.

Seterusnya, saya sangat bersetuju di atas seksyen 376(2)(g) dengan menaikkan penalti bagi kesalahan merogol perempuan yang sedang mengandung dengan memansuhkan daripada lima tahun ke sepuluh tahun. Sekarang ini kesalahan itu daripada minimum lima hingga ke 30 tahun. Saya harap kesalahan minimum ini dinaikkan ke sepuluh tahun. Ini kerana perempuan ini mengandung, sudah mengandung dengan beban dibawa oleh badan. Selepas itu, kena rogol pula. Tidakkah ini menjejaskan kehidupan dia? Oleh itu, saya sangat setuju hukuman ini dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersetuju bahawa keadaan semasa negara kita iaitu dari segi keselamatan membimbangkan semua pihak disebabkan oleh peningkatan kadar jenayah yang agak ketara kebelakangan ini. Masalah ini berlaku dalam keadaan di mana kita sudah ada undang-undang tetapi mungkin perlu ditambahbaik dan pindaan agar ianya selari dan seiring dengan situasi jenayah yang berlaku di negara kita sekarang. Saya lihat secara kesimpulan dalam pindaan ini tidak lebih daripada menambah hukuman tertentu seperti mandatori tiga ke lima, lima ke sepuluh, yang tidak ada hukuman kepada yang ada hukuman dan sebagainya. Apakah jaminan kerajaan bahawa dengan tambahan hukuman yang bakal dilaksanakan kelak mampu untuk menurunkan atau menakutkan penjenayah?

Akhir kata saya menyeru kerajaan supaya pada masa yang sama menaikkan hukuman ini. Janganlah abaikan isu bidang kuasa atau pun penguatkuasaan. Ini kerana walaupun kita menaikkan berpuluh kali penalti, kalau tidak ada penguatkuasaan yang lebih serius dan berkesan dan penguatkuasaan yang disalahgunakan dan rasuah, percayalah jenayah sukar untuk dikurangkan mahupun dibendung. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1230

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya yang saya ingin mempersilakan ialah Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

12.30 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya secara peribadi dan kami di sini sebenarnya mengalu-alukan sebarang tindakan yang tegas untuk mencegah jenayah dan keganasan. Daripada segi itu, undang-undang ini memang dialu-alukan. Cuma, undang-undang adalah terbatas kesannya. Kita perlu mempunyai tindakan-tindakan yang lain untuk memastikan keganasan dan jenayah ini dikurangkan. Ada misalnya beberapa langkah yang lain, umpamanya daripada segi pendidikan. Kita harus mengajar

daripada anak-anak kecil itu sendiri tentang betapa pentingnya kita menghormati keselamatan orang lain dan menjauhi tindakan-tindakan kekejaman.

Keduanya, kita harus cuba mengembangkan nilai supaya rakyat ramai benci terhadap soal kekejaman ini dan bersama-sama untuk mengatasinya. Pelbagai alat komunikasi dan media misalnya boleh digunakan untuk mengatasi ini. Seterusnya misalnya, perlulah ada suasana yang mana bukan sahaja pihak keselamatan boleh mengambil tindakan yang tegas terhadap jenayah tetapi juga tindakan tegas terhadap perkara-perkara yang boleh memungkinkan jenayah seperti yang disebutkan tadi iaitu korupsi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita sekarang ini mempunyai undang-undang dan suatu undang-undang itu, jikalau ia cuba mencegah sesuatu keburukan, tidak perlu semata-mata hanya ia menentukan tindakan-tindakan tegas misalnya penjara yang lebih lama dan sebagainya. Seharusnya ada keseimbangan di antara tegas dan munasabah. Adakah tindakan yang kita lakukan secara tegas itu juga munasabah daripada segi undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya pergi satu-persatu kepada undang-undang ini iaitu sebenarnya 11 perkara yang secara ringkasnya akan dibincangkan untuk menunjukkan bahawa keperluan itu ada untuk kita bersifat tegas dan munasabah.

Pertama saya rujuk kepada seksyen 52A dan 52B iaitu *non-serious offences* dan *serious offences*. Saya kurang jelas bagaimana misalannya boleh diklasifikasikan yang serius dengan tidak serius tadi sebab yang tidak serius, hukumannya boleh membawa kepada penjara sampai 10 tahun, ia sebut tidak lebih daripada 10 tahun tetapi ia tidak sebut kurang-kurang berapa tahun. Adakah daripada zero sampai 10 tahun? Ini berbeza misalnya dengan keadaan yang serius. Yang serius dikatakan 10 tahun ke atas. Akan tetapi ia tidak sebut apa *limit*, apa batasan yang tertinggi sekali? Jadi, yang satu tidak sebut yang terkecil, yang satu lagi tidak sebut yang terbesar.

Kalau misalnya kita mengikut pandangan-pandangan sesetengah pihak, apa yang lebih 14 tahun itu sebenarnya merupakan hukuman sama seperti hukuman seumur hidup, penjara seumur hidup. Jadi misalnya kalau sudah lebih dari 15 tahun, 14 tahun, sudah terlalu seriuslah. Ini boleh membawa kepada- kita tidak tahu kepada berapa tahun. Bagi saya, apa sahaja hukuman yang melibatkan penjara, itu adalah serius walaupun satu tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, apatah lagi 10 tahun. Ia serius. Jadi, perlulah saya rasa diistilahkan dengan jelas, apakah yang dimaksudkan dengan serius dan tidak serius itu.

Perkara kedua ialah berkaitan dengan seksyen 75A iaitu "*Punishment of mandatory imprisonment for persons convicted of multiple serious offences*". Seperti yang disebutkan dalam pindaan ini, kalau ditahan, didapati salah dan dikenakan hukuman, maka kesalahan kali kedua, dia dikenakan hukuman dua kali ganda dan kali ketiga lebih tinggi lagi. Pindaan yang dicadangkan ini adalah bercanggah saya anggap dengan konsep asas perundangan yang melindungi sejarah sabitan selagi belum disabitkan tuduhan semasa. Jadi, kita tidak boleh misalannya, mengaitkan hukuman yang lalu dengan kesalahan sekarang ini. Ia boleh dianggap sebagai bersifat *double jeopardy*, dengan izin dan kerana itu harus ditimbang dengan secara halus dan mungkin perlu ditolak.

Jika didefinisikan kesalahan tidak serius adalah bagi kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum tidak lebih dari 10 tahun, mengapa pula kesalahan tidak serius boleh membawa kepada dua kali ganda hukuman penjara kesalahan sebelumnya? Jadi, kesalahan kedua, kalau misalnya yang pertama lapan tahun, kali kedua sudah jadi 16 tahun. Pindaan yang dicadangkan adalah kurang rasional kerana bayangkan sahaja kalau misalnya seseorang itu dihukum lima tahun bagi kesalahan jenayah seterusnya, terpaksa menanggung hukuman 10 tahun atas hukuman yang sedia ada. Jadi, kalau dahulu lima tahun, sekarang 10 tahun. Lapan tahun tadi jadi 16 tahun. Kita tidak harus menggubal undang-undang yang seperti ini.

Saya kira, kesalahan yang kedua atau kesalahan yang ketiga, harus ditimbang, dibicarakan dan dihukum mengikut apa kesalahan yang dilakukan. Saya rasa patutnya tidak harus perkara seperti ini dimasukkan dalam sesuatu undang-undang ataupun pindaan undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini kerana ia bukan sahaja susah untuk diterima bahkan ia boleh menghancurkan sistem keadilan jenayah dalam sesuatu negara yang kelihatan menindas hak-hak kemanusiaan.

Perkara ketiga ialah seksyen 107. Pindaan yang dicadangkan ini adalah sebenarnya tidak perlu kerana yang pertama dan yang kedua yang sedia ada sudah agak cukup baik. Kesalahan bersubahat harus dibuktikan dengan beban pembuktian yang tinggi. Pindaan yang dicadangkan akan membuka ruang bagi pihak berkuasa untuk menyalahgunakan kuasa untuk menangkap atau melakukan penangkapan atas asas politik. Seseorang itu hanya perlu mempunyai sesuatu dalam mindanya dan apa yang ada dalam mindanya kalau diketahui oleh kerana pengucapannya, akan diambil tindakan.

Akan tetapi ada kekurangan dalam hal ini. Misalannya, katakanlah saya, dalam minda saya, saya marah sangat terhadap pengeboman yang dilakukan oleh Zionis Israel di Gaza sehingga menimbulkan kematian anak-anak dan wanita dan orang tua. Jadi katakanlah saya menyuarakan, saya berceramah mengatakan perkara ini adalah perbuatan yang zalim. Oleh kerana itu, ada pihak-pihak tertentu yang umpamanya memijak-mijak bahkan mungkin membakar misalnya bendera Israel.

■1240

Jadi, adakah tindakan akan diambil juga terhadap saya? Padahal saya tidak berniat misalnya dalam ucapan itu untuk menyuruh orang atau menjadi dalang kebakaran tersebut. Saya hanya mengemukakan satu pandangan untuk menunjukkan kezaliman yang dilakukan oleh sekumpulan manusia terhadap manusia yang lain. Jadi saya rasa harus ada pertimbangan yang munasabah terhadap misalnya pendakwaan atau hukuman yang dilakukan terhadap orang seperti saya yang mengemukakan pandangan seperti itu. Kalau tidak munasabah, maka ia boleh mencabuli hak untuk saya berucap dan hak untuk saya mengemukakan pandangan-pandangan.

Keempat ialah seksyen 121E - "*Destruction, etc. of national emblem...*" Dicadangkan di sini bahawa hukumannya ialah tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun. Ini tentulah merupakan satu tindakan yang serius. Baru-baru ini di Indonesia misalnya, seorang Malaysia telah ditahan oleh kerana menghina bendera Malaysia dan telah dihukum dua tahun. Bagi saya hukuman penjara dua tahun itu agak munasabah. Kalau kita misalnya mengambil tindakan 15 tahun, itu

terlalu tinggi nampaknya. Katakanlah ada seorang mengatakan, “*Kami mahu akhirnya bendera negara ini diubah*”. Oleh kerana dua sebab. Satu, ada sejarah lama orang mengemukakan satu jenis bendera dan keduanya kami tidak suka sangat bendera ini kerana terlalu dekat dengan misalnya *star strangle* bendera Amerika dan bintangnya macam *core* bintang. Umpamanya diberikan pandangan itu dan oleh kerana pandangan itu, dia mengemukakan contoh bendera yang hendak diubah itu.

Saya berpendapat bahawa adalah hak demokratik seseorang untuk memberikan pandangan asal dia tidak menghina, tidak melanggar perlembagaan tentang kedudukan bendera yang sekarang. Akan tetapi...

Dato’ Lim Nget Yoon: Boleh beri...

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Boleh saya juga mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua orang yang hendak mencelah ini Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Mana satu dahulu?

Dato’ Lim Nget Yoon: Sayalah, pendek sedikit [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato’ Lim Nget Yoon: Tentang bendera, perkara penting itu. Saya agak kejadian itu sebagai satu kelakuan yang kira boleh *classified as* hinaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Penghinaan.

Dato’ Lim Nget Yoon: Ya. Jadi kalau hukuman begitu katalah sangat berat kepada satu pengkhianat, *traitors*. Saya memang tidak setuju sebab kalau hukuman tidak cukup berat dan semua orang ikut kelakuan itu, melakukan kejadian tersebut. Apakah akan terjadi kepada negara kita? Terima kasih.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya juga ingin menyentuh tentang bendera itu. Ia bergantung kepada niat. Sekiranya bendera itu dibawa ke satu tempat dan dikatakan- kita ada saluran jika kita hendak meminda bendera, ada salurannya. Apakah niat seseorang itu untuk membawa bendera yang menyerupai- bendera jiran contohnya dengan kepala singa, dengan jalur-jalur kita, ini keadaannya memang kita tidak boleh terima tetapi kalau menggunakan saluran yang jelas, yang biasa ada, saya rasa itu tidak menyalahi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita harus membezakan dua perkara. Satu, kalau misalnya seseorang itu memijak-mijak atau membakar bendera kita, bendera negara, itu merupakan satu tindakan yang buruk, yang harus dihukum. Akan tetapi kalau ia hanya mahu mencadangkan supaya diubah dan mungkin satu hari diubah, saya cuma mengatakan mesti ada hak untuk seorang rakyat negara ini mengemukakan pandangannya secara demokratik. Satu caranya ialah bagi mereka memperkenalkan bahawa sejarah dahulu, ada misalnya cadangan satu bendera yang lain, itu saja.

Kelima Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan Seksyen 130QA. Di sini di sebut ialah tentang hukuman kerana *accepting gratification to facilitate or enable of Terrorist Acts*, dengan izin, kerana pindaan itu dalam bahasa Inggeris. Pertama sekali tidak disebutkan apakah yang dimaksudkan dengan *Terrorist Act* itu? Saya rasa perlu dihuraikan. Keduanya, *Terrorist Act* itu bukan sahaja dilakukan oleh golongan rakyat tetapi juga dilakukan oleh satu negara, satu *state*. Misalnya, ada serangan *terrorist* umpamanya terhadap orang lain atau negara lain. Akan tetapi ada juga negara misalannya yang melakukan *Terrorist Act*, pembunuhan beramai-ramai ke atas negara lain.

Pada waktu menara yang dilanggar oleh kapal terbang dahulu pada bulan 11 September, dikhabarkan bahawa tidak sampai 10 orang kanak-kanak Amerika yang terbunuh. Akan tetapi bila diserang Iraq sehingga sekarang, sekurang-kurangnya 1 juta orang kanak-kanak Iraq telah terbunuh. Jadi ini merupakan satu *Terrorist Act* juga terhadap golongan-golongan yang melakukan pembunuhan tersebut. Jadi, mesti jelas *terrorist* itu siapa, apa *Terrorist Act*nya? Adakah rakyat sahaja atau pun melibatkan juga negara?

Keduanya ialah mengapakah hanya penerima saja yang menerima *gratification* misalnya dapat wang melakukan *Terrorist Act*. Bagaimana yang memberi? Di sini tidak ada disebutkan apakah yang akan dilakukan kepada si pemberi. Satu lagi sebagai satu *question mark*, dengan izin, misalannya *cession money* yang diberikan kepada Sultan Sulu. Kita bayar *cession money* kepada Sultan Sulu. Kemudian Sultan Sulu menghantar misalnya pengganas-pengganasnya untuk bertindak di Sabah. Adakah kita seolah-olah memberikan *gratification* juga? Bila kita meneruskan juga bayaran *cession* itu walaupun telah berlaku serangan. Jadi ini satu soalan yang harus jelas dari segi undang-undang ini.

Perkara keenam Tuan Yang di-Pertua ialah Seksyen 130XYZ. Di sini ialah berkaitan dengan *hovering member organized criminal group* dan sebagainya. Semua pindaan tersebut sebenarnya saya rasakan tidak begitu diperlukan kerana bila kita katakan melindungi golongan *organized criminal group*. Saya katakan tidak perlulah kerana ia boleh menimbulkan berbagai-bagai perkara yang kurang baik. Saya ambil contoh misalnya saya kata ada tuduhan tetapi tidak ada penyiasatan yang betul-betul dilakukan. Ada tuduhan mengatakan bahawa PEKIDA itu sebahagian daripadanya melakukan tindakan-tindakan ganas dan tindakan-tindakan jenayah. Rakyat juga melihat seolah-olah PEKIDA ini dilindungi oleh parti politik tertentu.

Seorang asing yang telah membuat kajian untuk PhD.nya selepas lima tahun mendapat keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah ini.

Dr. Syed Husin Ali: Silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat, adakah atau tidak bukti yang mengatakan PEKIDA itu melakukan jenayah dan parti politik mana yang melindungi PEKIDA ini? Saya harap Yang Berhormat jangan menuduh melulu dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang Berhormat, mohon mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa Yang Berhormat itu tidak mendengar apa yang saya katakan. Saya tidak tuduh. Saya katakan ada pandangan bahawa PEKIDA itu bersikap begitu. Saya katakan tidak ada lagi kajian lagi dan saya berharap akan ada kajian supaya...

■1250

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah lagi Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Ya saya.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Sedikit sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam: Ini pembetulan Tuan Yang di-Pertua. Fasal 5 rang undang-undang ini dipinda dengan memotong fasal 5. Kita masih debat. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Saya sedang membahaskan sekarang ini seksyen 130X, 130Y dan 130Z. Ini ada dalam pindaan rang undang-undang ini. Jadi seperti yang saya sebutkan tadi, perlu adakan kajian penyelidikan bahkan kalau perlu diadakan satu suruhanjaya untuk mengkaji betul tidak tuduhan ini, tuduhan yang mengatakan badan-badan seperti PEKIDA ini merupakan badan yang...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat, saya ingin sekali lagi menarik perhatian Yang Berhormat berkenaan PEKIDA tadi walaupun secara umumnya Yang Berhormat meminta supaya diadakan kajian, semakan dan sebagainya. Akan tetapi adalah tidak adil untuk Yang Berhormat menyebut nama PEKIDA di dalam Dewan yang mulia ini kerana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri telah mengesahkan bahawasanya PEKIDA ini bebas daripada gengsterisme dan adalah juga tidak adil untuk Yang Berhormat menyebut PEKIDA dinaungi, dilindungi oleh parti-parti politik walaupun ia berbentuk kenyataan umum tetapi ia juga mempunyai niat jahat di atas perkataan yang digunakan.

Jadi saya mohon Yang Berhormat untuk menarik balik kerana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyebut PEKIDA bebas daripada unsur-unsur gengsterisme. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa tidak semestinya apa yang dikatakan oleh seorang Menteri sebagai suatu yang benar. Itu sebab saya mengatakan kita memerlukan penyelidikan, kita memerlukan satu suruhanjaya ditubuhkan untuk sama ada membersihkan ataupun menentukan apakah yang dibuat oleh pertubuhan tersebut. Jadi izinkan saya teruskan...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon sedikit pencelahan. Saya tidak berminat sangat apabila mendengar perkataan, katanya tidak semestinya *statement* daripada Menteri itu kenyataan ada yang tidak benar. Jadi saya rasa kalau Menteri sudah memberikan kenyataan yang tidak boleh kita ikut, jadi kita hendak ikut cakap siapa?

Jadi saya tidak nampak *statement* itu perlu dikeluarkan dalam perdebatan kita pada kali ini sebab ini satu perkara yang sangat tidak adil sebab kalau tidak buat apa mengajukan soalan setiap

hari kepada Menteri-Menteri ataupun kementerian untuk kita hendak mendengar jawapan. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Dr. Syed kalau boleh jangan terlalu sinis di dalam keadaan seperti ini.

Dr. Syed Husin Ali: Saya perlu tegaskan sekali lagi bahawa saya secara peribadi tidak menganggap bahawa semua yang dikatakan oleh Menteri itu benar. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Sekarang saya pergi kepada perkara ketujuh iaitu seksyen 203A. Seksyen 203A adalah mengenai mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang sulit, yang rahsia, *disclosure of information*. Saya rasa kita harus berhati-hati di dalam hal ini kerana kita di dalam Dewan ini telah meluluskan satu undang-undang yang berkaitan dengan *whistleblower*.

Ada misalnya maklumat atau *information* yang dikemukakan oleh seseorang yang merupakan *whistleblower* yang harus dilindungi dan bila ada misalnya peraturan seperti ini, ia agak kurang baik memandangkan bukan sahaja ia bertentangan dengan akta yang kita telah luluskan di sini bahkan hukumannya terlalu tinggi iaitu hukuman sebanyak RM1 juta. Di sinilah saya merasakan kalau misalnya yang kena itu *whistleblower* bererti tidak ada keseimbangan di antara tindakan yang tegas dengan hukuman yang munasabah. Saya berharap perkara ini akan dipertimbangkan dengan serius oleh pihak yang berkenaan.

Nombor lapan ialah seksyen 223. Di sini yang berkaitan dengan misalannya *person shall be punished with fine not more than*- maafkan saya. Apa yang disebutkan di sini ialah pemenjaraan dua kali ganda lebih lama daripada sabitan yang dicadangkan dalam 223(2). Sekali lagi saya menganggap ini adalah bertentangan dengan kebiasaan yang saya faham tentang peraturan-peraturan hukum-hukum jenayah. Apabila kita mengatakan kita memenjarakan dua kali ganda lebih lama daripada sabitan yang dicadangkan lebih awal, 223(2) tadi.

Kesembilan ialah seksyen 326A. Seksyen 326A tentang hukuman ke atas mereka *causing hurt by spouse*. Saya tidak ada komen mengenai hal ini hanya berniat untuk menyokong pindaan ini. Kesepuluh iaitu berkaitan dengan 352A, saya menyokong juga. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan seksyen 440A. Dalam 440A ini apa yang dibincangkan ialah tentang vandalisme. Sekali lagi *terrorism* juga tadi, di sini vandalisme yang disebutkan tidak jelas maknanya. Katakanlah kita mengambil umpamanya orang yang membuat lukisan-lukisan pada dinding-dinding.

Misalnya kita mengambil seorang pelukis di dinding-dinding ini yang diharamkan di Johor misalnya dan lukisannya di musnahkan dan dia dibenarkan misalnya di Pulau Pinang. Jadi oleh sebab tidak jelas definisi vandalisme itu maka berlaku satu tindakan yang berbeza di sesuatu tempat dan berlaku tindakan yang berbeza sama sekali di tempat yang lain.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon pencilahan sedikit. Ini kerana saya rasa dalam fasal 33 ini, saya rasa fasal ini sudah diminta untuk dikeluarkan. Jadi saya rasa tidak perlulah kita debatkan tentang fasal ini sebab kalau kita ada nota, sebab masing-masing ada nota. Fasal 5 dan fasal 33 sudah dikeluarkan daripada rang undang-undang ini, jadi saya rasa tidak perlulah ada perdebatan lagi tentang isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak perlu sebut lagi Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Tak sebenarnya ini pindaan Tuan Yang di-Pertua. Saya baca ya. Fasal 33 kanun dipinda dengan memasukkan seksyen 440. Jadi yang dimasukkan ini yang saya bincangkan bukannya yang dibuang, yang baru ini, yang telah dipinda. Jadi...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat Dr. Syed, 440A adalah dalam fasal 33. Jadi saya rasa fasal 33 terkandung 440A. Jadi maksudnya kalau dekat sini, kalau kita tengok nota yang dikeluarkan, fasal 33 sudah dikeluarkan. Jadi saya rasa serupa juga berkenaan dengan bendera tadi, fasal yang sama juga yang sudah dikeluarkan. Jadi saya rasa tidak perlulah kita debatkan lagi perkara itu.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa masih perlu kerana pandangan sebab dikatakan kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 440 yang berikut. Jadi yang berikut ini sudah menjadi pindaanlah, bukan? Cuba tengok halaman 12. Jadi saya hanya membincangkan bukan yang diketepikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu Yang Berhormat. Tunggu sekejap.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa kalau ada pegawai kementerian mungkin boleh membantu Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan dengan lebih lanjut.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab kemudiannya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Kalau boleh sebab kalau kita lihat fasal 5 memang sudah keluar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: ...Jadi, saya rasa kita tidak perlu memperdebatkan sebab isu...

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan- tunggu sekejap Yang Berhormat. Memandangkan kita ada pindaan dalam jawatankuasa ini, apakah pendapat Yang Berhormat dibahaskan kah atau tidak perlu?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak perlu kerana kita telah pun menghantar...

Timbalan Yang di-Pertua: ...Masukkan...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: ...Pindaan dalam jawatankuasa rang undang-undang yang mana fasal 5 dan fasal 33 ini telah kita gugurkan. Saya rasa tidak perlu tetapi kalau Ahli Yang Berhormat masih hendak membahaskan saya tidak boleh katakan tidak boleh tetapi sebolehnya kalau masa ini menjadi suatu yang penting untuk menjimatkan masa sebab ramai lagi Ahli yang berbahas, saya cadangkan tidak perlulah kita hujah perkara yang telah kita gugurkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terpulang kepada Yang Berhormat tetapi sebab ia telah diputuskan sebegini jadi saya fikir tidak perlulah Yang Berhormat, tidak perlu bahaskan.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa pun sudah sampai saya tamatkanlah saya punya perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama itu.

Dr. Syed Husin Ali: ...Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa kita tepat pukul 1 tengah hari, kita sambung balik sebelah petang jam 2.30 petang. Yang Berhormat Dr. Syed Husin sudah habis berbahas? Okey.

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu di sebelah petang nanti Yang Berhormat Puan Hajah Mariany bersedia. Terima kasih Yang Berhormat.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

■1900

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semua kita sambung persidangan kita. Sekarang ini saya dapati Yang Berhormat Puan Hajah Mariany sedang berucap tadi ya? Silakan sambung.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan sambung, tetapi giliran...

Tuan Yang di-Pertua: Giliran ya? Okey, minta maaf. Silakan.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumusalam.*

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan melalui Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Sebenarnya saya bersedia untuk empat perkara tetapi dimaklumkan pagi ini bahawa dua fasal telah ditarik balik. Sudah hilang kertas. Perkara pertama yang saya ingin usulkan Tuan Yang di-Pertua saya ada kehilangan kertas.

Pertama ialah fasal 3, seksyen baru 75A. Hukuman pemenjaraan mandatori tidak kurang daripada dua kali ganda tempoh yang lebih panjang yang dikenakan terdahulu bagi pesalah berulang yang melakukan kesalahan berat. Adalah diharapkan dengan pindaan ini ia akan menjadi *deterrent*, dengan izin, atau penghalang bagi mereka yang hendak melakukan jenayah atau kesalahan berat berulang kerana hukumannya adalah pemenjaraan dua kali ganda hukuman yang dilalui untuk penjenayah berat sebelum ini. Hukuman ini adalah mandatori dan tidak boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah berat diberi definisi di seksyen 20 lebih sebagai penjenayah yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama 10 tahun atau lebih dengan izin, *the words "serious offence" did not an offence punishable with imprisonment for 10 years or more.* Contoh seperti *armed robbery* atau rompakan bersenjata.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya bersetuju dengan hukuman yang lebih berat bagi mengelak berlakunya jenayah berat secara berleluasa, seksyen ini juga akan mengekang kuasa hakim dan menghalang hakim daripada mengguna budi bicara atau pun dengan izin, *discretionnya* dalam

membuat keputusan mengenai pemenjaraan ini. Sering kali wujud fakta-fakta *extraordinary* dalam kes-kes biasa yang boleh digunakan sebagai *mitigating* yang boleh mengurangkan hukuman juga ada *aggravating factor* yang menambahkan hukuman. Saya berharap perkara ini boleh, dapat dikaji semula kerana ia membebaskan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh fasal 19 iaitu seksyen 37(5B), seksyen baru iaitu rogol secara berkumpulan. Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini telah menambahkan jangka masa pemenjaraan dan dari 10 tahun hingga 30 tahun. Ini bermakna seseorang individu itu akan kehilangan hak kebebasan atas kehidupannya. Justeru itu, setiap pembuktian kes hendaklah dijalankan dengan sempurna. Siasatan dan pembuktian hendaklah sentiasa *up-to-date*, dengan izin, dan menggunakan kaedah teknologi terkini. Juga memandangkan hukumannya sudah agak berat iaitu tidak kurang dari 10 tahun, maka beban pembuktian haruslah amat kukuh dan melampaui sebarang keraguan yang munasabah dengan izin, *beyond reasonable doubt*.

Ini bermakna bahawa adalah perlu bagi setiap seseorang itu dibuktikan yang setiap seseorang daripada mereka telah merogol seorang mangsa. Ini kerana adalah dikhuatiri sekiranya terdapat di kalangan mereka yang tidak terbabit dalam kejadian rogol tersebut dan tidak menyentuh langsung atau mempunyai pengetahuan mengenai kejadian rogol itu. Akan tetapi disabitkan kesalahan hanya kerana mereka berada di kawasan tersebut. Maksudnya hendaklah dibuktikan *beyond reasonable doubt* setiap seorang melakukan penetrasi terhadap mangsa berserta dengan izin, *common intention* untuk melakukannya, lebih-lebih lagi untuk kes-kes *statutory rape* di mana gadis tersebut di bawah umur 16 tahun.

Penah berlaku dalam kes pembunuhan di mana ada empat orang yang berada di tempat kejadian. Akan tetapi seorang sahaja yang melakukan pembunuhan, yang lagi tiga pun kena tuduh dan dimasukkan ke dalam penjara. Ini didapati tidak adil. Saya mohon pindaan ini disemak semula. Rakan-rakan sekalian, memandangkan kes rogol meningkat mendadak mengikut statistik perangkaan dari Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Masyarakat 2006 dan Dewan Rakyat 2010 iaitu 1,931 kes pada tahun 2005 meningkat ke 3,626 kes pada tahun 2009. Jadi tumpuan pada pencegahan bukan sahaja dengan pemenjaraan yang panjang, tentunya ada cara yang lain. Hukuman penjara 30 tahun adalah satu langkah yang saya rasa agak drastik kerana ia melibatkan kos penjagaan banduan. Semakin tua semakin besar belanja untuk kerajaan.

■1440

Di samping itu, aturan pembebasan mereka iaitu banduan tadi akan menjadi lebih perlahan. Bila seseorang banduan dikurung terlalu lama, mereka akan menjadi lebih bergantung dengan keadaan penjara yang menyukarkan mereka untuk hidup di luar penjara. Justeru itu, saya ingin mencadangkan sebuah, dengan izin, *halfway house* dibina agar banduan yang dibebaskan boleh tinggal di sana untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat di luar. Saya ada beberapa persoalan. Saya ingin bertanya di sini sama ada adakah kajian dibuat atau ada data dikumpulkan berhubung penjenayah seks dan membuat tinjauan dari semasa ke semasa?

Keduanya, adakah dengan menambahkan jangka waktu pemenjaraan dapat memulihkan pesalah seks ini? Adakah kajian telah dibuat berkenaan dengan ini di Malaysia? Kita ada contoh di mana hukuman mandatori atau hukuman mati dikenakan untuk jenayah dadah yang telah dilaksanakan dengan harapan dapat mengurangkan kemasukan dadah dan penggunaannya di kalangan rakyat Malaysia. Akan tetapi saya lihat belum pasti sama ada matlamat tercapai. Kelihatan ramai lagi rancak dan lagi mudah urusannya. Oleh itu saya memohon fasal ini dikaji semula. Saya juga mencadangkan rotan dikenakan sepanjang pemenjaraan kepada mereka yang bersabit kesalahannya sebagai ingatan kesalahan mereka itu. Termasuk kesedaran keagamaan serta belajar menghormati insan yang lain, terutamanya yang lebih lemah fizikal mereka seperti wanita dan kanak-kanak.

Kedua-dua fasal ini dengan hukuman yang berat dan jika disabit sehingga ke 30 tahun dan ini adalah satu jangka masa yang terlalu panjang. Saya harap hukuman ini dapat disemak semula bersesuaian dengan kajian-kajian yang telah dilakukan atau pun kajian-kajian daripada negara lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

2.42 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dengan membuat beberapa pindaan kepada akta ibu iaitu Akta Kanun Keseksaan [Akta 574]. RUU yang dikemukakan untuk bacaan kali yang kedua pada hari ini membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkukuhkan Kanun Keseksaan dengan kesalahan baru disasarkan kepada kumpulan terancang yang dilihat semakin serius dan mengancam keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta memburukkan nama baik negara.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat pindaan dalam RUU ini adalah baik. Ianya bertujuan untuk mengatasi beberapa masalah yang dilihat telah menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta beberapa masalah sosial yang semakin meningkat seperti vandalisme, rogol, tidak menghormati bendera negara, keganasan rumah tangga dan beberapa lagi. Menghormati bendera Malaysia walaupun tadi kita sudah dikeluarkan, izinkan saya untuk menyebut di sini Tuan Yang di-Pertua.

Saya terpanggil untuk membahaskan isu ini kerana setelah 56 merdeka hanya beberapa tahun terakhir ini kita dapati ada segelintir rakyat yang bermotifkan politik yang kotor cuba meracuni pemikiran rakyat jelata yang kasih dan cintakan tanah air dengan melakukan pelbagai diayah dan perlakuan buruk dengan mencemar bendera negara Malaysia. Pelbagai cara dilakukan untuk mencemar bendera Malaysia seperti mengubah corak bendera, menterbalikkan lambang bendera yang sedia ada, membakar bendera dan yang terbaru tindakan golongan aktivis yang lupa diri dan bertanggungjawab

sehingga sanggup mengibarkan bendera ciptaan mereka sendiri yang dinamakan "*Sang Saka Malaya*" pada malam ulang tahun sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos 2013 lalu.

Harus diingat bahawa bendera kebangsaan Malaysia adalah bendera yang telah diiktiraf dan dihormati rakyat negara sejak sekian lama dan ianya juga bendera negara yang telah dikenali dan diiktiraf oleh semua masyarakat dunia. Hanya untuk kepentingan politik murahan dan cuba menagih simpati rakyat dengan cara propaganda kotor, maka ada golongan yang sanggup menggunakan isu bendera untuk memecahbelahkan rakyat dan menimbulkan persengketaan dan huru-hara di dalam negara.

Kumpulan aktivis liar ini sanggup membuat apa sahaja asalkan matlamat mereka tercapai sehingga sanggup bertindak melampaui batas. Tidakkah mereka lupa bahawa bendera Malaysia telah lama diberi pengiktirafan semenjak merdeka lagi. Kita telah ada Akta Lambang Kebangsaan [Akta 193] 1949 dan Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414], untuk melindungi bendera negara dari dicemari dan dipinda. Kenapa pihak yang membangkang tersebut hendak cipta bendera yang lain dan yang baru walhal bendera kita telah dikenali dan diberi penghormatan yang tinggi di serata pelosok dunia dan juga tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu demi memelihara nama baik negara yang tercinta, saya amat bersetuju supaya RUU pindaan ini diterima dan dikuatkuasakan. Kita tidak mahu bendera negara dihina dan dicemari dengan sesuka hati. Kita mesti hormat bendera negara kita. Kalau kita tidak hendak hormat bendera negara kita, siapa lagi yang akan hormat? Saya berasa sungguh sedih dan marah apabila melihat gelagat orang-orang tertentu tanpa rasa malu menghina bendera negara kita. Kalau Kerajaan Indonesia boleh bertindak ke atas seorang rakyat Malaysia bernama Broderick Chin yang didakwa telah menghina bendera Indonesia, saya tidak tahu mengapa RUU ini tidak boleh dikenakan kepada sesiapa sahaja yang menghina bendera Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan mempertikaikan bendera Jalur Gemilang ini adalah, ibarat menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri. Bendera kita telah menjadi lambang negara selamat berdekat lamanya. Sebelum ini, golongan itu tidak mempertikaikan bendera kita sebaliknya menyanjungnya. Justeru, usaha untuk menukar Jalur Gemilang adalah merupakan satu lagi niat jahat yang cuba untuk menghuru-harakan negara dan memecahbelahkan rakyat. Justeru, saya menyokong penuh supaya RUU ini dipinda dan dikuatkuasakan agar hukuman setimpal dapat dikenakan kepada pesalah. Kalau boleh berapa tahun pun Tuan Yang di-Pertua, lagi lama lagi baik sebab kalau kita berikan hukuman yang ringan Tuan Yang di-Pertua, orang-orang boleh berbuat sesuka hati di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Silakan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa ada segelintir rakyat kita yang membangga-banggakan bendera baru, kononnya "*Sang Saka*" apa benda yang disebut tadi. Jadi, apakah agaknya cadangan Yang

Berhormat? Oleh kerana kumpulan ini telah terbukti jelas bahawa ia tidak ada ketaatan kepada negara ini kerana bendera itu adalah merupakan keagungan kepada sesebuah negara. Bendera itu pun dia tidak hormat. Jadi, bolehkah kalau segelintir kumpulan yang macam ini kita lucut kewarganegaraannya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berterima kasih di atas cadangan yang dibuat oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, orang yang membuat perkara-perkara yang saya katakan sebentar tadi, sebenarnya orang ini pun uratnya banyak sudah putus agaknya. Orang urat kalau sudah putus Tuan Yang di-Pertua, beginilah kadang-kadang dia melalut.

■1450

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Jadi saya... Sekejap Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun seorang lagi. Yang Berhormat benarkan?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya belum habis jawab, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya jawab sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat. Silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Jadi saya bersetuju di atas cadangan Yang Berhormat Dato' Olian. Siapa-siapa yang tidak suka dengan bendera kita, dengan tanah air kita, negara kita dan agama kita yang suci ini, mereka boleh keluar daripada negara kita Malaysia *[Tepuk]* Silakan, tidak payah duduk dekat negara dan jangan mencemarkan perkara-perkara yang sudah sedia ada di dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua. Sila sahabat saya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya sekadar ingin bertanya tentang fakta sejarah. Bendera yang dikatakan bendera baru yang dikibarkan itu sebenarnya dari segi fakta sejarah adalah merupakan bendera lama yang pernah dicadangkan dan ditolak oleh penjajah Inggeris ketika itu yang dinamakan bendera, "*Sang Saka Malaya*".

Jadi, kalau sekadar untuk mengibarkan bendera bagi mengembalikan ingatan sejarah kepada perjuangan kemerdekaan, di mana letaknya salahnya ia kecuali kalau bendera itu dikibarkan untuk menggantikan Jalur Gemilang tetapi ia dikibarkan bersama-sama. Satu mengingati bendera yang sedia ada yang kita sanjung sekarang ini dan kedua mengingati semula sejarah dahulu, perjuangan dengan darah dan air mata rakyat yang akhirnya ditolak oleh penjajah. Jadi, adakah Yang Berhormat tahu bahawa itu adalah bendera lama, cadangan yang ditolak ketika itu sebelum kemerdekaan dicapai pada tahun 1957? Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon laluan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih. Ya, sila.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik apabila Yang Berhormat sebut soal bawa bendera baru ini walaupun apa alasannya, walaupun apa hujahnya konon membawa semangat yang lama tetapi hari ini kita sudah ada bendera yang kita agungkan buat puluhan tahun lamanya. Malaysia dikenali di seantero dunia dengan bendera yang sedia ada dan kita semua jelas rakyat seluruh negara, seluruh dunia tahu bahawasanya perarakan membawa bendera tersebut bukan hendak membangkitkan semangat kenegaraan.

Ia mempunyai niat-niat yang tertentu, yang ingin menukar bendera bermaksud ada tujuan-tujuan lain dan juga adakah Yang Berhormat setuju, ini baru betul didalangi? Macam tadi ada disebut didalangi pertubuhan-pertubuhan, didalangi oleh patriotik tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju perbuatan yang sekumpulan anak-anak muda yang membawa bendera ini didalangi oleh parti-parti politik yang tertentu dalam negara kita ini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Celah boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu sekejap Yang Berhormat. Biar Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah jawab dahulu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak sabar.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar sedikit.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya jawab tidak betul nanti Yang Berhormat Menteri akan jawab dan Tuan Yang di-Pertua tolong bantu. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak jawab apa yang telah dijawab oleh rakan saya tetapi saya hendak tambahkan. Kita ini kalau hendak cerita bab sejarah, sejarah baik kita boleh ingat, sejarah hitam tidak perlu kita hendak ingat. Sejarah hitam biar tinggal sejarah [Tepuk]

Jadi untuk apa hendak dikibarkan bersama kerana yang satu hitam dan yang satu putih. Kita hendak yang bersih ke hadapan, sejarah yang sudah lepas itu kita tidak mahu berulang kembali. Ini Tuan Yang di-Pertua yang hendak dibuat oleh rakan-rakan kita sebagaimana kata rakan saya itu, dia hendak cuba balik, hendak menghuru-harakan negara. Itu kenapa dikibarkan? Oleh sebab itu dibuat kedua-dua. Itu kalau silap saya, betulkan.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah, boleh? Saya hendak tanya Yang Berhormat Saiful, hendak tanya Yang Berhormat, hendak tanya semua orang, mana ada satu negara dua bendera, ada? Tidak ada, cakaplah, terang.

Seorang Ahli: Jawablah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jawablah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon laluan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta izin dahulu dengan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta Yang Berhormat Saiful jawab dahulu, jawablah mana ada satu negara dua bendera. Jawablah, jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak boleh jawab, Yang Berhormat. Ini giliran Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah benarkan?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Okey, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih. Berkenaan Sang Saka yang kita bercakap tentang bendera tadi itu, itu semua cadangan sebelum kita merdeka. Sebenarnya Sang Saka bukan satu sahaja contoh yang dibawa semasa itu. Ada lagi beberapa tetapi kenapa perlu kita timbulkan hanya Sang Saka? Saya pun tidak faham kenapa sebab kita ingat sejarah semasa kita menyambut kemerdekaan baru-baru ini di Dataran Merdeka, Sang Saka tidak kibarkan bersama dengan bendera Malaysia dan Sang Saka itu dianggap adalah bendera Malaysia pada ketika itu dan saya rasa dalam Dewan pun masing-masing sudah tengok dalam *YouTube* apa yang berlaku semasa kita baru-baru ini menyambut kemerdekaan di Dataran Merdeka.

Pada masa itu, bendera itu dikibarkan bersama-sama dengan seorang tokoh Sasterawan Negara kita. Jadi saya rasa tidak nampak persoalan kenapa Sang Saka ini perlu kita pertahankan sangat sebab kita tahu mungkin banyak lagi contoh-contoh. Akan tetapi setelah kita mencapai kemerdekaan, kita mencapai satu persetujuan bahawa bendera kita yang berwarna merah, biru dan kuning ini adalah bendera yang diiktiraf sampai ke hari ini dan sebagai contoh bendera kita dihormati bukan dalam Malaysia sahaja. Sukan SEA baru-baru ini, apabila atlet kita menang pingat emas, bendera kita naik bukan sahaja rakyat Malaysia, rakyat di negara-negara lain pun bangun menghormati.

Jadi kenapa kita harus memperkatakan tentang Sang Saka? Apa istimewanya Sang Saka ini sedangkan yang perlu kita tahu bagaimana seseorang rakyat itu harus menghormati apa yang ada pada masa sekarang seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah tadi. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Okey, terima kasih kepada pandangan rakan-rakan saya. Saya hendak tambah sedikit ini, contohnya Tuan Yang di-Pertua. Cerita pasal sejarah, contoh orang kahwin Tuan Yang di-Pertua senangnya, kalau dia sudah kena pukul, bantai dengan suami dia, bercerai. Sejarah itu sejarah hitam, Orang perempuan kalau tahu orang yang macam itu dia tidak ingin lagi Tuan Yang di-Pertua. Taubat nasuha dia tidak akan hendak orang itu.

Begitu juga Sang Saka, apa-apalah itu. Tatkala ia mencatatkan sejarah hitam, kita tidak mahu toleh ke belakang. Jadi saya hendak minta rakan-rakan kita sama ada Melayu, Cina dan India, kita ketepikan perkara-perkara sejarah yang hitam ini dan kita ke hadapan. Kita hendak makmurkan negara kita, kita memang hendak sejahteraan. Kita memang sudah sejahtera. Kalau boleh kita hendak lebih sejahtera lagi, lebih makmur lagi untuk kepentingan anak cucu cicit kita di masa hadapan.

Kita ini tidak lama lagi hendak hidup Tuan Yang di-Pertua. Contoh umur saya baru 24 tahun, bukan? Jadi orang-orang yang lain ini- kita tidak lama tetapi yang penting anak cucu kita. Okey, sudahlah ya. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Jadi, tindakan tegas hendaklah diambil kepada mereka yang bersalah ini. Jadi Kementerian Dalam Negeri kita minta buat keputusan yang tegas. Saya ucap tahniah banyak-banyak kepada Menteri Dalam Negeri kerana selama ini kebelakangan ini Menteri Dalam Negeri ini membuat keputusan yang begitu tegas sekali. Jadi kalau ada perkara-perkara yang berlaku lagi saya minta tindakan tegas terus diambil tanpa ada usul periksa. Tengok asal lebih kurang sahaja, jalan sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Kita masih lagi takut-takutlah. Ini negara kita, kalau esok kita sudah hancur, kita hendak pergi ke mana lagi? Orang Malaysia tidak ada tempat hendak pergi Tuan Yang di-Pertua. Sama, kita ini semua serupa. Kalau orang Kemboja dia boleh lari ke sini, orang Israel, Myanmar semua sekali pendatang asing boleh pergi ke tempat kita tetapi kita kalau hendak pergi tempat dia, tidak beri. Jadi kita kena insaf, kita kena sedar bahawa jangan kita diperkotak-katikkan negara kita sehinggakan satu hari esok kita yang menangis air mata darah. Jadi kalau kita menangis air mata darah esok Tuan Yang di-Pertua, kita kena jumpa orang yang muka ini kalau kita kenal lagilah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mendidik anak bangsa kita supaya sayangkan bendera Malaysia di peringkat awal sekolah lagi dan hendaklah mewajibkan supaya pada setiap majlis atau upacara baik kerajaan atau bukan kerajaan dinyanyikan lagu *Negaraku*. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini anak-anak- ada sesetengah umat kita ini, rakan-rakan apakala nyanyi lagu *Negaraku* ada yang berjalan-jalan, bergerak-berak. Maknanya orang ini mungkin dia tidak tahu ataupun dia tidak dimotivasikan.

Jadi itu kena ambil kira juga. Itu pun kalau perlunya Tuan Yang di-Pertua, orang yang macam ini kita tangkap. Kalau boleh hantar ke Balai Polis, biar dia takut. Kadang-kadang kita - contohnya kita pergi negara Singapura, kenapa kita boleh takut? Kenapa sampai kita dekat Malaysia, orang Singapura di Malaysia, dia boleh buat sesuka hati?

■1500

Jadi saya cadangkan, siapa pun yang datang ke Malaysia kalau dia datang tidak hormat lagu kita, bendera kita, kita minta Kementerian Dalam Negeri ataupun *spy* kita dekat bawah ini tangkap hantar ke balai. Ini kerana kita kalau boleh kena bagi kuasa juga dengan orang-orang rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, biar dia tangkap. Jadi jangan kuasa ada pada polis ada pada sebagainya jadi kalau kuasa dibagi pada rakyat ini boleh tahan jugalah. Jadi sekarang ini jikalau UMNO memilih kuasa daripada bawah cuba yang sikit-sikit ini kita beri kuasa kepada rakyat supaya benda-benda ini boleh dapat diatasi, esok orang datang ke negara kita ini dia takutlah.

Jadi apa-apa pun orang datang Malaysia, apa-apa pun boleh buat dekat Malaysia. Orang Arab apa-apa pun dia hendak buat dekat Malaysia tetapi di negara dia tidak buat. Akan tetapi kalau benda-benda ini dapat kita atasi, *insya-Allah* orang akan menghormati Malaysia lebih dari segala-galanya. Tadi

saya setujuhah Tuan Yang di-Pertua, bendera tadi kalau seantero dunia Amerika pun sudah menghormati bendera kita, kita tidak payah lagi ada bendera lain kecuali pucuk pimpinan yang merubah itu lain. Baru dapat boleh diubah. Kalau tidak, siapa yang hendak mengubah tadi itu saya ulang balik kita jangan teragak-agak tangkap sahajalah.

Sumbat tidak payah dibicarakan walau ISA sudah tidak ada. Kuasa ada pada kita Tuan Yang di-Pertua, apa hendak takut. Betul tidak rakan-rakan sekalian?...

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Seterusnya saya hendak cerita sedikit fasal membolehkan perbuatan keganasan. Saya ingin menyentuh fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130QA ke dalam Bab VIA, Akta 574 bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan baru menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan. Saya tertarik untuk membahaskan isu ini kerana pada bulan Februari 2013, tapi ini macam rasa geram lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya macam *insya-Allah* saya memang sabar. Kalau tidak sabar, saya yang tangkap orang itu [Ketawa]

Negara kita telah dikejutkan dengan pencerobohan pengganas yang diterajui oleh tentera Kesultanan Sulu dan tentera pemberontak pembebasan kebangsaan Moro (MNLF) yang dipimpin oleh Nur Misuari di Sabah. Insiden pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna dan ancaman yang khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah tidak pernah terfikir oleh rakyat akan berlaku di Sabah setelah sekian lama meniti zaman kemakmuran dan keamanan.

Namun begitu secara tiba-tiba, kita diserang tanpa dakwaan yang berasas. Kita curiga mengapa zaman dulu Jamilul Kiram yang tidak berkemampuan dan hidup dalam kemiskinan mampu membiayai gerakan dan persenjataan pengganas tersebut. Tanpa bantuan kewangan yang besar, saya percaya gerakan pencerobohan negeri Sabah ini tidak akan berlaku dan berjaya. Kita khuatir ada dalang yang menjadi pihak ketiga sama ada dari Malaysia atau Filipina yang mendukung pencerobohan itu. Justeru itu saya menyokong penuh supaya hukuman ke atas pesalah dikenakan dengan hukuman mati ataupun penjara sehingga semaksimum 30 tahun dan didenda.

Soalan saya kepada kerajaan, apakah mekanisme yang terbaik bagi kerajaan membendung dan mengawal pengaliran dana untuk disalurkan bagi aktiviti keganasan, baik dalam atau luar negara. Perkara ini harus diberi perhatian kerana banyak dana-dana haram yang telah disalurkan ke dalam negara dengan menggunakan nama NGO tetapi mempunyai matlamat yang terselindung. Di samping itu, saya juga ingin mengetahui, bila lagi kerajaan akan mengumumkan dan mendakwa dalang-dalang di sebalik insiden pencerobohan Lahad Datu dan Semporna ini kerana rakyat jelata tidak lagi sabar dan amat sangat ingin mengetahui siapa dalangnya? Lebih-lebih lagi kepada keluarga mangsa pencerobohan itu, dia memang dinanti-nanti dengan hukuman yang akan dikenakan kepada yang tidak bertanggungjawab itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh merekrut pelajar sebagai ahli kongsi gelap, saya juga ingin menyentuh pada fasal 9 iaitu berhubung isu merekrut murid-murid untuk menjadi ahli kongsi gelap. Sungguhpun kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menurunkan kadar jenayah, melalui

program transformasi kerajaan yakni GTP yang telah memperlihatkan penurunan kepada 87,324 kes pada 2013 daripada 89,250 kes pada tahun 2012 iaitu penurunan sebanyak 1,926 kes yakni 2.2%.

Rakyat masih lagi bimbang dengan tahap keselamatan mereka. Keadaan ini dapat dilihat apabila kumpulan kongsi gelap ini dalam usaha untuk memperkembangkan aktiviti mereka telah menjadikan golongan pelajar sebagai sasaran untuk direkrut sebagai ahli baru. Keadaan ini menimbulkan rasa takut di kalangan pelajar dan ibu bapa kerana bimbang akan didera, akan dcederakan jika mereka tidak mengikuti kemahuan kumpulan kongsi gelap.

Justeru selain daripada hukuman setimpal yang dikenakan oleh pindaan hari ini kepada pesalah, saya berharap kerajaan dapat memberikan tumpuan yang lebih khusus kepada masalah ini kerana kita tidak mahu pelajar diganggu dan dirosakkan oleh budaya samseng ini. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan mempunyai perancangan dan pelan mekanisme yang khusus untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja perbahasan saya dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

3.06 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya berbahas Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan.

Awal mula bertambah mulia,

Bermula langkah pemula acara,

Di Dewan mulia melafazkan kata,

Memohon laluan memulakan bicara... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan keterangan yang begitu lanjut tentang pemindahan rang undang-undang ini. Saya hendak sentuh hanya kepada tiga topik. Topik pertama saya ialah mengenai keselamatan negara. Saya lihat ada banyak pindahan dalam Kanun Keseksaan ini iaitu *Penal Code* yang akan lagi memperketat, memberi tumpuan membuat Malaysia lebih selamat. Pada penggal pertama tahun ini semasa kita semua berjumpa di Dewan yang mulia ini, banyak kita berbahas tentang keselamatan, penganasan, pembunuhan, jenayah-jenayah berat.

Kita juga telah membuat satu undang-undang *Prevention Crime Act*. Jadi bila saya lihat, bila kita mengkaji jenayah-jenayah berat ini, seperti pembunuhan yang di Bukit Ceylon itu *the founder Arab Malaysian Bank* selepas itu dekat Kuala Pilah kena tembak dekat *junction* itu kita hanya menumpukan hendak tangkap orang yang buat pembunuhan itu. Akan tetapi selalunya sama ada pembunuhan ataupun kita lihat; "*Oh! Budak-budak ini dia jual dadah*", kita lihat ada pencurian itu ada undang di sebalik batu. Siapakah yang *mastermind* belakang itu?

What is the story behind the story itu selalunya kita tidak banyak tumpukan. Akan tetapi saya lihat ini saya hendak ucapkan tahniahlah kepada kementerian sebab dia ada buat satu nama *mastermind*. *Mastermind* yang sama ada dia libatkah, tidak libat dalam pembunuhan, kecurian hendak seludup dadah itu tapi kita tahu ada *mastermind* belakang itu kita sekarang ada undang-undang hendak pergi tangkap dia. Saya hendak minta keterangan daripada Menteri ini ya dalam *Penal Code* ini *now* sekarang kita sebutkan *mastermind*, kita berhak pergi tangkap sama dia tapi apakah caj dia?

Kalau boleh bagilah dia 30 tahun lebih daripada orang yang membuat pembunuhan itu. *Mastermind* ini lagi dahsyat, kesalahan dia lagi teruk. Jadi kalau boleh *make sure* kita *at least* dia punya hukuman itu berat. Sama berat ataupun lebih berat daripada yang buat jenayah itu.

■1510

Nombor dua dari segi *terrorism*, penganas. Ini, dia tuisyen *teacher* sebelah saya ini. Jadi baru-baru ini Disember dan November kita pun sudah lihat ada ancaman daripada orang-orang Sulu ini. Kita juga dapat tahu susah hendak cari mereka ini sembunyi di mana. Nampak macam ada orang tolong. *Sometime* dia pun pakat. Oleh sebab mereka pakat ini tidak tahulah apa sebab, ada orang-orang kampung atau ada orang lain yang dalam hati dia hendak bagi Malaysia ini kucar-kacir. Jadi dengan ada kemasukan akta ini, 130QA ini, saya rasa bagus. Pelaksanaannya perlu dibuat dan ini akan menentukan keselamatan negara. Keselamatan negara ini penting untuk semua, penting untuk saya, anak-anak saya tidak kira kaum. Kita semua hendak Malaysia ini aman dan damai.

Saya hendak bawa perkara gengsterisme ini. Gengsterisme untuk saya, kadang-kadang isu gengsterisme ini sedikit sensitif sebab banyak terlibat orang-orang India dalam gengsterisme. Ada banyak data, lebih kurang 60% ataupun 70% yang terlibat dalam gengsterisme ini *from the Indian community*. Ada satu pindaan ini yang saya hendak sedikit keterangan, yang saya kluatir sedikit. Ini *point number* enam. *Sorry, point number 8. Point number 8, (c)* ini, "*Until the contrary is proven, a person should be presumed to be a member of an organized crime group.*" Saya hendak minta keterangan, siapa yang akan membuat kepastian yang mereka ditangkap.

Apakah kriteria yang dia hendak pastikan beliau ini terlibat dalam *organized crime* ataupun gengsterisme. Ini kerana kadang-kadang ini budak-budak sekarang ini, 18 *years old*, 21 tahun dia pergi *mall*, dia tengok gambar *Fast and Furious* itu memang dia rasa seronok, dia seronok ada tatu semua. Dia pergi Bukit Bintang bayar RM30 atau RM40 dapat tatu, dia balik kena tahan polis. Mungkin sebab ada tatu dia disifatkan beliau itu terlibat dalam *organized crime until proven otherwise* dia akan masuk ke dalam lokap. Itu tidak bagus. Jadi saya hendak minta keterangan implementasi rang undang-undang ini, *point number* lapan kandungan (c) ini.

Lagi satu tentang *harboring*. *Harboring* ini saya sedikit kluatir terutama kalau seorang suami itu terlibat dalam aktiviti *organized crime* atau *gengsterisme*. Balik rumah ada isteri. Jadi kalau isteri itu tahu atau mungkin tidak tahu tetapi suami dia tinggal di sana, dia pun beritahu kalau ada orang datang rumah beritahu saya tidak ada. Tidak akan isteri hendak beritahu ada. Dia itu isteri.

Jadi sama ada situasi seperti itu boleh kita katakan isteri itu *is harboring a crime*. Oleh sebab ini adalah satu perkara yang *clear* dalam komuniti India. Memang banyak suami itu terlibat dalam *criminal*

activity, dia duduk di rumah. Isteri dia terpaksa beritahu tidak ada orang duduk rumah dan tidak tahu dia ada mana. *They are forced to do that*. Jadi kalau akta *harboring* itu, *then* isteri pun hendak masuk penjara nanti, tidak betul saya rasa.

Point yang kedua yang saya hendak bawa ini ialah mengenai, *disclosure of information*. Saya pun setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin tadi mengenai *disclosure of information* ini. Kalau ada satu operasi tempat perjudian hendak pergi jual VCD, kalau informasi ini telah diberikan operasi itu tidak berjaya. Akan tetapi dalam satu *organization*, sama ada kerajaan ataupun swasta mungkin ada seorang pekerja yang begitu taat dan dia dapat tahu bahawa perkara yang melibatkan bos dia ataupun GM dia tidak betul, ada elemen rasuah atau ada elemen tidak betul dan kalau orang ini hendak *disclose* informasi seperti itu, adakah salah? Oleh sebab saya percaya kita ada *Whistleblowers Act*. Jadi *disclosure of information* dibawa bawah *Whistleblowers Act* itu dengan akta ini, adakah dia bertentangan ataupun *disclosure of information* ini ertinya lain. Jadi, saya minta keterangan Yang Berhormat Menteri.

Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana di sini kita telah sekali lagi mengambil berat tentang golongan-golongan wanita dengan adanya akta-akta baru tentang pencederaan kepada *spouse*. Saya hendak minta keterangan, pagi tadi semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan keterangan tadi, dia telah memberitahu akta ini untuk suami dan isteri. Akan tetapi dalam *clause* dalam akta- saya tidak ada akta ibunya. Jadi bila saya baca akta ini, nampaknya- *on his spouse*. So, adakah *on his/her or his spouse*. Kalau "*his*" it mean- isteri. Kalau *his or her*, isteri dan suami. Jadi sebab Menteri tadi ada memberitahu ini adalah akta untuk suami dan isteri, tetapi pembacaannya berlainan sedikit. Jadi saya minta keterangan daripada Menteri.

Saya betul-betul setuju dengan akta baru yang dimasukkan untuk *gang rape* ini. Akta ini memang bagus sekali dari segi penghormatan kepada kaum-kaum wanita di Malaysia. Dengan itu, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed

3.17 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk memulakan perbahasan berkaitan dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 pada kali ini, saya ingin menyuruti sedikit berkaitan dengan latar belakang kanun ini sendiri iaitu kalau kita lihat pada latar belakang Kanun Keseksaan ini yang dikenali juga sebagai *Penal Code*. Ia telah mula diperkenalkan di Malaysia semenjak sebelum merdeka lagi dan ia diambil daripada *India Penal Code*. *India Penal Code* ini mula diperkenalkan di India semasa *British-India* yakni daripada tahun 1860 lagi iaitu lebih kurang 150 tahun yang lepas.

Kalau kita lihat daripada sudut perkembangan *Penal Code* ini, ia adalah antara undang-undang ataupun kanun yang mengalami pindaan-pindaan dan perkembangan yang begitu ketara yang acap kali

yang menunjukkan bahawasanya Kanun Keseksaan ini sentiasa dipinda bagi memenuhi keperluan semasa. Kalau kita lihat keperluan semasa ini, ia menunjukkan kepada trend jenayah ataupun trend hukuman yang berlaku di Malaysia di mana kita lihat trend jenayah hari ini yang berlaku adalah lebih *complicated*, lebih ganas. Mutakhir ini, banyak berlaku kes-kes jenayah seksual terutamanya terhadap wanita dan kanak-kanak.

Saya juga ingin menyuruti latar belakang undang-undang kita terutamanya saya ingin memetik ucapan Yang Amat Arif Dato' Haji Daud, Ketua Hakim Syarie di majlis perasmian bangunan Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan pada 13 November 2013, bersamaan 9 Muharam 1435 Hijrah, yang mana dalam majlis perasmian ini ia turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir.

■1520

Saya memetik beberapa petikan daripada ucapan ini di mana beliau menyebut tentang latar belakang Mahkamah Syariah di Kelantan dan juga latar belakang undang-undang. Suka dimaklumkan di sini bahawasanya kos pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah di Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM25.8 juta di bawah seliaan dan kawalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan JKR, manakala tapaknya disediakan oleh kerajaan negeri seluas enam ekar. Projek ini adalah merupakan cerminan kerjasama langsung antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Terima kasih diucapkan.

Sedikit sejarah penubuhan Mahkamah Syariah dan perkembangan undang-undang di negeri Kelantan. Mula tertubuhnya Mahkamah Syariah yang melaksanakan undang-undang di negeri Kelantan adalah sejak daripada tahun 1060 Hijrah bersamaan 1650 Masihi iaitu lebih daripada 300 tahun yang lepas. Kemuncak perjalanan undang-undang Islam di negeri ini adalah pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Ke-III daripada tahun 1889 sehingga 1890 di mana pencuri yang didapati sabit kesalahannya di Mahkamah Syariah yang berada di Kota Bharu pada masa itu dikenakan hukuman hudud mengikut undang-undang Islam.

Keadaan demikian berjalan terus menerus dengan baik sehinggalah kepada suatu masa terhenti dengan campur tangan penjajah yang telah memperkenalkan dan memasukkan undang-undang mereka ke dalam sistem perundangan yang berkuat kuasa pada masa itu serta mengetepikan undang-undang Islam sedikit demi sedikit melalui enakmen yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Mahkamah Syariah sehingga tinggal undang-undang yang berkaitan dengan hal kekeluargaan Islam sahaja, yakni yang kekal dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah pada hari ini hanyalah berkaitan nikah, cerai, nafkah, wakaf dan sebagainya sahaja. Sebagai contoh, enakmen tahun 1910 yang membataskan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang ada di Kota Bharu pada masa itu.

Kalau kita lihat daripada sudut bidang kuasa, sebelum 1986, Mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah syariah hanya boleh menjatuhkan hukuman dengan denda tidak lebih daripada RM1,000 dan penjara enam bulan sahaja. Akan tetapi, selepas daripada tahun 1986, apabila Akta Parlimen 1965 [Akta 355] diperkenalkan berhubung dengan Mahkamah Syariah, bidang kuasa jenayah dipinda

mengikut Akta A612 serta digazet kuat kuasanya mulai 1 Januari 1986, dinaikkan bidang kuasa kepada denda RM5,000 atau tiga tahun penjara atau enam sebatan atau cantuman ketiga-tiga hukuman tersebut. Jadi, kesimpulan daripada latar belakang apa yang saya sebutkan tadi, saya boleh simpulkan bahawasanya, yang pertama undang-undang Islam pernah diamalkan di Malaysia lebih kurang 200 tahun yang lepas dan bukan sahaja di Kelantan malah di negeri-negeri lain...

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Di Melaka?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: ...Melaka saya tak *check* tetapi saya pernah disebut beberapa negeri lain juga pernah mengamalkan undang-undang ini. Kedua, kita juga telah menerima pakai Kanun Keseksaan yakni *Penal Code* ini yang telah diambil daripada India dan British semenjak berpuluh-puluh tahun yang lepas dan kini ia telah mengalami pelbagai evolusi kerana masalah jenayah yang semakin meningkat dan *complicated*.

Namun, hari ini kita melihat usaha-usaha yang dijalankan bagi menambahkan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang saya harap berjalan lancar di pihak kerajaan, JAKIM bagi menambah baik lagi bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah akta bidang kuasa Mahkamah Syariah supaya lebih bidang kuasa hukuman diberikan kepada Mahkamah Syariah kerana jika kita lihat pada hari ini, di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah antaranya bidang kuasa murtad, telah ada. Kita ada bidang kuasa untuk judi, kita ada bidang kuasa untuk zina dan kita ada juga bidang kuasa untuk minum arak. Akan tetapi, beberapa aspek undang-undang Islam seperti mencuri, merompak, memberontak dan juga kesalahan bunuh dan mencederakan, perkara-perkara ini masih lagi di bawah Senarai Persekutuan.

Jadi, itu yang saya jelaskan dahulu, pernah saya jelaskan bahawasanya kerajaan di Kelantan, di negeri-negeri lain sebenarnya telah boleh melaksanakan syariah kerana daripada sudut infrastruktur dan beberapa kesalahan tetapi banyak lagi aspek kesalahan lain yang merupakan masih lagi di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Jadi, ingin saya nyatakan di sini bahawasanya kita di Kelantan begitu ingin melihat suatu kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan ke arah menambah baik pelaksanaan syariah di Kelantan setakat yang boleh dan kita begitu mengharapkan supaya beberapa kesalahan lagi boleh dijadikan kesalahan di bawah Mahkamah Syariah di mana kesalahan-kesalahan di bawah Mahkamah Syariah ini sebenarnya tidak akan melibatkan rakyat Malaysia daripada agama lain.

Pernah digembar-gemburkan, dikatakan sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan di Kelantan, rakyat yang bukan beragama Islam juga akan turut terjejas. Jadi, kita hari ini membincangkan tentang Kanun Keseksaan. Saya ingin men*highlight* bahawa di sana sebenarnya ada di dalam undang-undang Islam suatu konsep yang perlu kita semua di sini fahami dan beberapa konsep itu mungkin kita boleh aplikasikan di dalam undang-undang yang akan kita bahaskan di sini.

Saya terus kepada beberapa seksyen di dalam Kanun Keseksaan (Pindaan) yang kita bahaskan pada hari ini. Yang pertama, berkaitan dengan seksyen baru 75A di mana sebelum ini telah wujud seksyen 75. Di bawah seksyen 75, menyatakan cuma setakat kesalahan kedua, hukuman penjara untuk beberapa tahun. Akan tetapi pada waktu menggubal undang-undang pada masa itu,

seksyen 75 digubal, kita tidak terfikir akan berlaku kesalahan ketiga dan seterusnya, *subsequence offense*. Selepas kesalahan kedua, berlaku pula kesalahan ketiga, keempat dan seterusnya.

Penggubal undang-undang pada masa itu terfikir setakat kesalahan kedua sahaja. Jadi hari ini, apa yang saya fahami daripada peruntukan baru 75A, antara yang boleh disimpulkan adalah kemungkinan hukuman yang kita peruntukkan tidak mampu memberi kesan, tidak mampu memberi pengajaran kepada para penjenayah sehingga kita kena buat lagi kesalahan ketiga, keempat dan seterusnya. Saya mohon daripada sudut statistik, berapakah bilangan pesalah-pesalah tegar ini, penjenayah ini yang telah melakukan kesalahan bagi kesalahan kedua dan ketiga dan bagi kesalahan apa.

Seterusnya, berkaitan dengan seksyen baru 326A dan seksyen baru 352A- telah dimaklumkan melalui pembentangan Yang Berhormat Menteri sebelum ini bahawasanya ia melibatkan kedua-dua sekali pasangan suami dan isteri, sama ada isteri mencederakan suami ataupun suami mencederakan isteri. Jadi, sebenarnya peruntukan ini adalah sangat elok dan ini sangat membantu para isteri khususnya kalau melalui mahkamah syariah telah ada peruntukan melalui taklik. Melalui kaedah taklik ini, seorang isteri yang dipukul oleh suami boleh menuntut perpisahan ataupun perceraian melalui kaedah taklik.

■1530

Dengan adanya seksyen ini, di samping peruntukan perceraian itu, isteri juga boleh mendapatkan tindakan melalui kaedah tindakan jenayah ini. Jadi saya mengalu-alukan seksyen ini dan saya mohon dipastikan bahawasanya apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi berkenaan dengan perkataan "*his*" supaya perkara ini perlu jelas tetapi sekiranya "*his*" itu sudah pun mencakupi "*his*" or "*her*", jadi tidak ada masalah.

Seterusnya, berkait dengan seksyen baru 375B iaitu berkaitan dengan kesalahan baru rogol berkumpulan dan apa yang menjadi kebimbangan jenayah keganasan seksual ini sekarang bukan sahaja melibatkan golongan dewasa malah turut melibatkan golongan kanak-kanak. Kalau kita lihat daripada sudut data, di bawah Akta Kanak-kanak 2011, kanak-kanak yang terlibat dengan kesalahan jenayah ini bukan sahaja terdedah dengan dihantar ke pusat-pusat pemulihan malah kanak-kanak ini juga boleh diambil tindakan untuk perintah penjara dan juga sebatan. Saya ada mencari beberapa data tetapi data ini agak lama, November 2004. Pada tahun 2004...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya ada dua *point* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh *go direct to the* seksyen yang berkenaan, ulas sahaja untuk mengelakkan masa yang terlalu panjang, ya. Silakan. Teruskan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kalau ikut data ini terdapat seramai 587 orang kanak-kanak yang menjalani hukuman penjara dan di antaranya yang berusia 14 tahun - 15 orang; 15 tahun - 20 orang; 16 tahun - 53 orang; dan seterusnya.

Jadi, kalau sebelum ini pernah berlaku dan banyak kes yang kita lihat di akhbar-akhbar, rogol berkumpulan ataupun kesalahan rogol yang dilakukan oleh kanak-kanak, apakah nanti kesan penjara

ini kepada kanak-kanak? Ini kerana mengikut satu kajian yang dibuat oleh Thomas Stephen Gulotta daripada satu buku, dia menyebut bahawasanya walaupun penahanan pesalah kanak-kanak meningkat kadar jenayah kanak-kanak tetap meningkat setiap tahun. Kalau ikut satu kajian yang dibuat, ada buku jurnal hukum dengan saya.

Sebenarnya kanak-kanak di penjara ini memerlukan sokongan institusi keluarga dan masyarakat dan sewaktu mereka ditahan di penjara kadar lawatan keluarga, kadar keluarga yang mengutus surat yang berhubung dengan anak-anak ini sangat rendah. Kebanyakannya menyerahkan kepada kerajaan bulat-bulat untuk mendidik mereka melalui institusi penjara ini. Jadi, perlu kita lihat kesan hukuman penjara ini kepada kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah sehingga 14 tahun.

Seterusnya, berkenaan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Saya pernah membaca dan pernah dicadangkan, ditubuhkan ataupun diwujudkan satu Jawatankuasa Pampasan bagi kes-kes jenayah di mana cadangan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah telah pun bermula sejak resolusi yang dibentangkan pada persidangan meja bulat berkenaan, peranan masyarakat menangani jenayah ragut dan persidangan ini telah dianjurkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bersama-sama badan bukan kerajaan dan pihak lain.

Di antara resolusi persidangan meja bulat tersebut adalah cadangan penubuhan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah. Skim ini hendaklah diadakan sebagai jaminan kepada ahli masyarakat yang peka terhadap kejadian jenayah dan ingin membantu bagi menghalang kejadian jenayah yang berlaku di depan mata. Mekanisme pelaksanaan yang dicadangkan dalam persidangan tersebut meliputi perkara berikut:

- (i) sama ada melalui penubuhan badan berkanun dan pelaksanaan Skim Takaful Ikhlas; dan
- (ii) dimaklumkan juga di sini bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa pampasan mangsa kecederaan dan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak pengendali takaful, agensi perundangan dan badan bukan kerajaan serta pihak yang berkaitan.

Jadi saya mohon setakat mana usaha kerajaan bagi menyediakan pampasan kepada mangsa-mangsa jenayah bagi memastikan kebajikan mereka dan keluarga-keluarga mangsa yang terlibat dengan jenayah ini dapat meneruskan kelangsungan kehidupan mereka.

Jadi, saya rasa setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan. Kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada akta dan seksyen yang berkenaan. Ulas itu sahaja, ya. Jangan terlalu banyak, ini untuk menjelaskan tidak mengapa tetapi masa jangan terlalu panjang.

3.36 ptg.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang akta meminda Kanun Keseksaan. Kita jarang

bincang tentang jenayah terhadap orang kurang upaya tetapi terdapat beberapa kes jenayah ke atas orang kurang upaya yang berlaku di kalangan masyarakat kita dan mengikut laporan-laporan yang keluar di media, kita tahu bahawa perkara ini memang benar dan ada berlaku.

Jenayah yang dimaksudkan ialah mendera, menyeksa bersifat fizikal atau bukan fizikal, merogol, meliwat malah bunuh pun ada. Contoh-contoh yang telah keluar dalam media adalah kes pelajar OKU di sekolah didera oleh guru. Satu lagi pelajar OKU perempuan di sekolah menengah dibuli dan dipukul oleh rakan-rakan sekolah yang rakaman videonya tersebar luas di *YouTube* pada tahun lalu. Satu lagi kes pelajar pekak, OKU pendengaran yang dirogol oleh guru. Ada juga kes wanita OKU yang mempunyai masalah pembelajaran iaitu dengan izin, *intellectual disability* yang dirogol dan akibatnya telah mengandung dan juga lahirkan anak. Ada juga kes seorang remaja OKU lelaki yang bermasalah pelajaran juga yang tinggal di sebuah pusat penjagaan yang diliwat oleh penjaga dan kemudian dibunuh.

Kes-kes seperti ini orang baca dan lupakan begitu sahaja. Akan tetapi saya rasa mangsa jenayah OKU ini perlu juga perlindungan undang-undang dan saya mengesyorkan supaya perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya terutama sekali oleh Jabatan Peguam Negara di mana suatu kajian mendalam perlu dibuat untuk mengumpulkan maklumat terperinci untuk menggubal satu pindaan yang mengenakan hukuman yang lebih berat kepada si pelaku jenayah yang dilakukan kepada OKU berdasarkan contoh-contoh kes yang telah saya berikan tadi dan ini saya ingin mengesyorkan. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar.

3.39 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini kita bercakap tentang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 yang mana kita dengar perbincangan pelbagai idea. Walaupun kaedahnya kita tahu rang undang-undang ini dibentuk, dipinda hanyalah untuk memastikan keselamatan dan membanteras jenayah, itu berlaku dalam keadaan masa yang sememangnya diperlukan.

■1540

Oleh sebab, kalau kita tengok dari segi kadar jenayah sekarang agak menjadi-jadi dan terutamanya jenayah-jenayah yang melibatkan jenayah yang berat. Kita tahu fokus rang undang-undang memang selari dengan Akta PCA yang telah kita bentangkan, yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas iaitu memerangi jenayah terancang. Kita tahu fokusnya adalah untuk menghalang akan kebocoran maklumat. Jadi, di sini saya ingin menyentuh tentang seksyen baru iaitu seksyen 203A di dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi sesuatu kesalahan baru iaitu mendedahkan maklumat yang membawa penalti denda tidak lebih daripada RM1 juta ataupun pemenjaraan bagi tempoh sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

Sememangnya kita tahu, pembocoran maklumat ini seperti yang dibahaskan oleh rakan-rakan kita tadi memang berlaku di dalam institusi-institusi tertentu, yang mana terutamanya dalam institut agensi penguatkuasaan sebagai contoh kebocoran maklumat dari segi sesuatu *enforcement*. Sebelum berlaku, keadaan sudah dapat dihidu oleh pihak luar maka berlakulah dari segi kebocoran yang tanpa diketahui. Apa yang kita ingin kita ingin tahu sekarang dalam fasal ini berkenaan dengan tindakan yang juga boleh diambil terhadap *mastermind* yang duduk di belakang pelaku tersebut. Ini kerana kita tahu, kalau untuk memberikan sesuatu maklumat yang melibatkan kadar jenayah memang kadang-kadang tidak ramai orang yang berani memaklumkan.

Akan tetapi disebabkan kita ada akta yang selari dengan ini, apa yang dipanggil *Whistleblowers Act*, yang mana kita tahu akta ini boleh melindungi pemberi maklumat terhadap apa saja kaedah yang melibatkan jenayah-jenayah tertentu tetapi kalau seseorang itu inginkan perlindungan di bawah akta ini, perlulah juga faham akan prosedur dan peraturannya. Jangan bila dia sudah keluar, bila dia sudah beritahu tentang maklumat apa yang ada di tangannya. Dia sudah buat satu *press conference*, dia sudah bagi tahu dalam *blog* dan sebagainya, kemudian dia menyalahkan kerajaan, kita tidak menggunakan akta tersebut untuk melindungi beliau. Itu pun satu kaedah yang tidak boleh kita ambil kira bahawa pemberi maklumat ini perlu diberi perlindungan melalui akta di bawah *Whistleblowers Act*, ini hanya semata-mata kerana pendedahan sudah dibuat.

Akan tetapi *Whistleblowers Act* yang kita wujudkan hanyalah untuk memastikan bahawa identiti pemberi maklumat tersebut tidak diketahui oleh pihak lain. Maka dengan itu pelaksanaan dari segi pemantauan dapat dilakukan dan dalam kaedah ini juga Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap juga tentang huraian di fasal 24 berkenaan seksyen baru 411A yang mana kalau kita tahu ia ada berkaitan dengan seksyen 203 juga sebab kalau kita ikutkan dari segi peruntukan kesalahan yang dibagi iaitu diperoleh daripada aktiviti kumpulan jenayah terancang yang membawa penalti pemenjaraan bagi tempoh sehingga enam tahun. Bermaksud, apa yang saya faham di sini adalah mereka-mereka yang terlibat secara di belakang iaitu *mastermind*. Sedangkan kalau kita tengok dari segi pemberi maklumat di dalam seksyen 203 ini, dendanya adalah sehingga RM1 juta dan kedua-dua tetapi kalau dikaitkan dua-dua fasal ini, saya nampak ia ada kesinambungan. Akan tetapi saya tidak tahu kenapa dari segi hukuman kesalahannya itu agak berbeza sedikit.

Jadi, saya perlukan penjelasan jugalah. Mungkin pihak Menteri sebab kalau kita tengok dalam fasal 19, 20, 22 itu berkenaan dengan rogol, kalau kita tengok dari segi hukumannya itu sama, selaras tetapi tidak pula dalam fasal ini, saya tidak tahu kenapa. Mungkin nanti penjelasan boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan kedudukan fasal-fasal ini sebab kalau kita tengok dari segi rang undang-undang ini ya, kita tahu bahawa kerajaan kita sememangnya dari semasa ke semasa sentiasa melihat, terutamanya yang melibatkan kesejahteraan rakyat, keselamatan negara kita. Oleh kerana itu, pemberi maklumat ini memang kita tahu memang perlu kita kesan sedalam-dalam dan kita kena pastikan siapa mereka di belakang yang membolehkan segala maklumat tentang keselamatan ini boleh bocor sebegitu saja.

Kita juga tahu, kita percaya kerajaan kita di dalam sesuatu tindakan yang diperuntukkan di dalam sesuatu rang undang-undang, kerajaan kita tidak mengambil sesuatu tindakan itu secara terburu-buru kerana kita ada badan-badan lain yang akan melihat tentang jenis kadar jenayah yang dilakukan dan peruntukan yang mana yang perlu disabitkan dengan setiap kesalahan yang ada. Dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak tengok sedikit dari segi fasal 19, fasal 20 dalam konteks pemenjaraan dan fasal 22 berkenaan dengan hukuman rogol ini sebab saya pun tidak nampak, cuma hukuman ini dilakukan, dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan rogol secara berkumpulan. Akan tetapi yang menjadi persoalannya sekarang, hukuman itu tidak apa, hendak lebih pun *it is okay* asalkan kesalahan itu dapat dibuktikan. Cuma saya hendak tahu juga kan, dari segi kalau sesuatu kejadian itu melibatkan kematian, kecacatan kekal dan sebagainya, bagaimana pula dari segi *compensation* seperti mana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tadi, yang kerajaan boleh melihat supaya mangsa juga terbela dalam keadaan-keadaan yang sebegini rupa.

Mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh berikan beberapa penjelasan yang sememangnya kita tahu mangsa kita tidak boleh lupa sebab penjenayah kita sudah tangkap. Jadi mangsa ini macam mana sekarang untuk kita hendak bela. Mungkin ada sesuatu akta ataupun pembelaan yang boleh difikirkan oleh pihak kerajaan sebab mereka sebenarnya tidak rela dirogol. Jadi, untuk kaedah-kaedah yang lain, dari segi sumbang mahram dan sebagainya saya rasa pihak kerajaan kita melihat perkara ini dan diletakkan dalam fasal ini juga. Dalam masa yang sama kita juga ingin tahu dari segi Yang Berhormat Menteri kita yang menjaga hal ehwal agama Islam kita juga, harus juga melihat fasal ini sebagai salah satu tindakan ataupun konteks yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian yang menjaga hal ehwal agama, tentang permasalahan sumbang mahram ini juga.

Jadi, termasuk juga dengan fasal 23 yang melibatkan menghasut kanak-kanak sebab kita tahu bukan saja dalam melakukan dalam konteks kelucahan ataupun jenayah sebab perkara ini sudah berlaku. Baru-baru ini dulu kalau kita baca dalam surat khabar, kita tengok kes di *Shell* Batu Tiga, bagaimana seorang kanak-kanak yang cuba merogol seorang wanita yang boleh dikatakan lebih umur daripada. Jadi, keadaan-keadaan ini juga kita harus lihat dari segi penggunaan kanak-kanak, bukan saja dalam konteks kelucahan tetapi dalam konteks-konteks yang lain juga, demonstrasi dan sebagainya juga harus diambil kira. Kita tidak mahu kanak-kanak ini dieksploit, dijadikan sebagai orang kata batas depan untuk melindungi kesilapan kita, untuk melindungi kesalahan kita atau pun untuk melindungi kesilapan-kesilapan yang cuba kita lakukan dalam mengambil konteks pembentukan kanak-kanak untuk kita jadikan sebagai landasan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk keadaan-keadaan yang lain, sebenarnya saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengambil inisiatif yang tertentu dan juga mengaitkan antara satu undang-undang ke satu undang-undang untuk memastikan setiap kesalahan, setiap kes-kes jenayah dan juga mereka-mereka yang terlibat di belakang setiap jenayah yang berlaku itu kita berikan hukuman yang sewajarnya, yang seberat-beratnya. Saya rasa tidak salah sebab ini adalah hukuman untuk kita berikan kepada mereka yang melakukan kesalahan. Kalau mereka tidak melakukan

kesalahan, tidak mahu hukuman ini dijalankan, tidak kira apa saja, baik dari segi pemenjaraan, jumlah *compensation* dan sebagainya, itu terpulung. Jangan melakukan kesalahan. Kalau lakukan kerana kesalahan, inilah dia aktanya.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ataupun rang undang-undang yang dibentangkan pada kali ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat kalau boleh kerana ini ialah berkaitan undang-undang. Pindaan itu kena baca Kanun Keseksaan itu, itu undang-undang ia. Kalau boleh cuba ringkaskan tidak lebih daripada 10 minit dan ini untuk mengurangkan, ada sesuatu yang saya tak boleh. Oleh kerana kita banyak *bill* lain-lain lagi yang perlu kita selesaikan. Sekarang tanpa buang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, silakan.

3.48 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang untuk saya sama-sama berbahas tentang rang undang-undang untuk meminda Kanun Keseksaan ini. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini sememangnya telah diusahakan adalah semata-mata untuk membendung jenayah yang sedang berlaku dalam masyarakat kita. Apa yang saya ingin tarik perhatian di sini ialah saya ingin mendapat maklumat dan juga penjelasan daripada pihak kementerian atau Yang Berhormat Menteri, adakah untuk membuat hal ini telah dirujuk kepada pihak yang mempunyai autoriti dalam memahami *maqasid* Syariah dan juga konsep *al-wasatiyyah* yang telah diambil, dibuat sebagai satu asas di dalam negara kita.

Saya yakin dan percaya bahawa hal ini telah dirujuk kepada Peguam Negara dan seterusnya di dalam Peguam Negara itu ada bahagian syariah. Saya ingin tahu adakah hal ini telah beri perhatian kepada apa yang sedang kita bincangkan ini.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada fasal 11 iaitu berhubung dengan memasukkan seksyen baru 203A dalam Akta 574 sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh kawan-kawan saya sebelum ini. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan ini mungkin ada berbeza sedikit dari sudut iaitu dari segi penaltinya tidak lebih dari RM1 juta atau memenjarakan bagi tempoh sehingga satu tahun. Jadi saya tengok di sini RM1 juta berbanding satu tahun atau kedua-duanya. RM1 juta itu satu jumlah yang sangat besar bagi saya. Satu tahun penjara, adakah sama nilai dengan RM1 juta? Sedangkan kita tengok kes-kes jenayah yang lain kalau RM50,000, penjaranya 10 tahun yang telah kita bincang sebelum ini. Saya hendak tanya kenapa penjara ini sedikit sangat berbanding dengan jumlah yang begitu besar.

Ini saya minta rasional daripada pihak Yang Berhormat Menteri kenapa ini terjadi. Bagi saya orang yang membocorkan rahsia negara ini satu pengkhianatan dan pengkhianatan sejajar dengan RM1 juta jumlah penaltinya atau dendanya, maka jumlah penjaranya perlu ditingkatkan supaya ia sejajar dan pembocoran rahsia ini kalau dia semakin besar, maka dia semakin buruk kepada negara.

Umpamanya baru ini kalau kita tengok apa yang berlaku di Lahad Datu kononnya disebut dan dibawa ke mahkamah seorang pegawai yang telah membocorkan rahsia dan tidak memaklumkan rahsia itu kepada pihak yang berwajib, dibawa kepada mahkamah. Jadi kita melihat apabila perkara ini berkait dengan negara, dia semakin besar, tidak padan, tidak sesuai setahun. Kalau membocorkan rahsia ini untuk membuat tangkapan pun, juga saya kira tidak sesuai untuk setahun berbanding dengan RM1 juta penalti yang dicadangkan. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi rasional di sini.

Kedua, berhubung dengan jenayah berpasukan, berkumpulan terancang. Saya merujuk kepada fasal-fasal yang telah disebutkan di sini, fasal 3 umpamanya. Jenayah ini akan terkena kepada manusia ataupun harta. Kalau terkena kepada manusia, ia berlaku kepada tubuh badan dan juga spiritual ataupun yang tidak nampak. Kalau berlaku kepada harta, maka harta itu hilang seperti rompak yang berlaku kepada bank dan ATM di merata-rata. Jadi dia berlaku kehilangan kepada harta benda yang banyak dan juga memberi kesusahan kepada jiwa ataupun kesengsaraan dari segi spiritual.

Maka saya ingin tahu di dalam hubungan ini, orang yang dianiayai umpamanya orang merompak dia tembak mati sebagaimana yang berlaku atau merompak dan mencederakan dia. Orang yang telah dcederakan tadi tinggal kesan yang mendalam dalam hidupnya selain daripada trauma, apa hak dia? Kalau kita tengok jenayah, pesalah mungkin akan dihukum tetapi pihak yang menerima kesengsaraan, bagaimana pembelaan di dalam akta yang ada ini daripada hukum yang dicadangkan ini. Apa hak mereka? Adakah mereka dapat ganti rugi? Kalau mereka dipotong tangan, adakah mereka...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Hajah Khairiah pun ada bangkitkan *compensation* tadi. *Go to the next one.*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey, terima kasih, ingatkan saya tentang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab tentang itu, tidak payah buang masa.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey, kemudian jenayah rogol berkumpulan. Saya tengok di sini berbeza dengan rogol biasa. Rogol biasa ada peruntukan sampai maksimum 20 tahun dan juga enam sebatan. Kalau silap tolong betulkan saya. Jadi jenayah berkumpulan ini tidak ada peruntukan untuk sebatan. Boleh jadi ada rasionalnya. Bagi saya rogol tetap rogol. Trauma yang berlaku kepada mangsa tetap sampai akhir hayat. Persoalannya ialah adakah mencadangkan hukuman maksimum 30 tahun penjara itu memadai atau sebagainya itu boleh dikaji? Cuma bagi saya, saya hendak tengok di sini ada berbeza rogol berkumpulan dengan rogol perseorangan.

Baik, soalan yang saya hendak timbulkan dan saya tidak mahu mencadangkan sebat sebab Tuan Yang di-Pertua saya tengok sebat itu menggerunkan sangat. Berhubung dengan sebat ini, saya mendengar beberapa orang yang telah disebut dengan kes-kes bera dan saya pun tengok cara sebatan itu dalam video yang telah dibawa oleh penjara. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua sangat menyakitkan dan mengerikan bagi orang yang tengok, mungkin dia tidak buat lagi. Cuma ada orang-orang yang terlibat itu, ini saya minta kepastian, katanya mereka hilang kelakian. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak-pihak- adakah betul dakwaan itu atau hanya personel-personel atau orang-orang

tertentu sahaja? Jadi kalau sekiranya betul, maka saya harap kita lihat kembali cara sebatan itu. Ini kerana bagi saya sebatan itu sebenarnya adalah untuk mengajar dan bukan untuk menyeksa. Kalau sampai hilang kelakuan, apa hal berlaku kepada isterinya kalau orang itu muda lagi?

Baru ini saya baca dalam akhbar orang yang berkahwin tiga tahun hidup bersama dan tidak pernah bersama. Jadi isterinya mohon cerai kerana di antara tujuan perkahwinan ialah untuk mendapatkan zuriat. Jadi apabila seseorang itu disebat, kalaulah betul hal ini berlaku dan kalau ada statistik lagi baik. Adakah benar dakwaan itu ataupun ia hanya berlaku kepada orang-orang tertentu? Saya pernah lihat orang sebat. Sebat mengikut syariat. Banyak kali saya lihat semasa saya berada di Saudi ketika saya belajar dahulu dan sebat mereka, saya tengok di khalayak ramai, tidak sakit. Lebih kurang saya buat andaian sahaja, saya seperti guru disiplin pukul anak muridnya begitu sahaja. Rotannya kecil dan tidak kuat. Apa yang saya tengok acap kali, bukan sekali Tuan Yang di-Pertua. Malah semasa saya di sana, saya pernah lihat orang yang di kisas, dibunuh di khalayak ramai, dipancung kerana kesalahan dadah dan juga membunuh orang .

Jadi saya hendak tarik pada sebat tadi. Tujuan sebat bagi saya ialah untuk mendidik, tetapi bukan untuk menyeksa. Jadi kalau sekiranya hal ini boleh dilihat kembali. Bagi saya penjara ataupun *insya-Allah* akan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *the point taken*, dengan izin. Maknanya kaji semula. *Go to the next one.*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey, terima kasih. Kemudian yang seterusnya ialah berhubung dengan rogol yang menggunakan objek. Ini biasa saya tengok dalam akhbar ialah kepada kanak-kanak. Ini merupakan satu perbuatan yang di luar dari tabii manusia. Walau rogol itu sudah kita dapat menerimanya, tetapi melakukan jenayah seperti ini suatu perkara yang sangat jelik. Itulah Tuan Yang di-Pertua saya merasakan undang-undang ini perlu dilihat. Cuma ingin satu tegaskan, kita ini badan membuat undang-undang dan mana-mana undang-undang yang kita hendak buat itu pastikan ia selari atau tidak bercanggah dengan syarak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, bagus. Sekarang saya persilakan Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam. Minta juga Yang Berhormat tidak lebih daripada 10 minit.

3.59 ptg

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong pindaan undang-undang berkaitan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013. Saya ingin merujuk kepada Akta Jenayah Terancang, seksyen 130.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan 49 pertubuhan tidak sah di bawah di bawah Akta Pertubuhan 1966.

■1600

Dengan pengisytiharan itu Operasi Cantas Khas telah pun dilaksanakan. Hasil daripada Operasi Cantas Khas yang dimulakan pada 17 Ogos 2013 hingga 15 November 2013 seramai 824,790

orang telah dibuat pemeriksaan. Sebanyak 30,320 orang telah ditangkap dan sebanyak 873 senjata api dan senjata berbahaya telah dirampas. Daripada jumlah 30,320 yang ditangkap seramai 12,989 adalah berbangsa Melayu, 12,426 lelaki, 563 perempuan. Manakala kaum India 6,886 dari itu 6,770 lelaki 116 perempuan. Manakala kaum Cina 3,563 dari itu 3,381 lelaki dan 182 perempuan. Bangsa-bangsa lain 6,682 dari itu 5,778 lelaki dan 1,104 perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 7,750 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan, tidak termasuk kesalahan di bawah Akta Senjata Api sepanjang Operasi Cantas dijalankan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,584 telah dituduh di mahkamah, 5,419 masih lagi dalam siasatan dan 214 tiada tindakan diambil. Bagi kesalahan di bawah Akta Senjata Api, sebanyak 144 kertas siasatan telah dibuka. Daripada jumlah tersebut sebanyak 120 kes telah dituduh di mahkamah dan 24 kertas siasatan masih dalam siasatan. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa. Soalan saya apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh ahli-ahli kongsi gelap termasuk dalam jenayah terancang? Saya harap ianya dimasukkan.

Kedua, berapa lamakah kes-kes jenayah terancang ini boleh selesai di mahkamah kerana di masa yang lepas banyak kes-kes jenayah, makan masa bertahun-tahun kadang-kadang hingga terlupa. Saya ingin mencadangkan agar kes-kes jenayah terancang ini termasuk juga jenayah-jenayah yang lain perlu diselesaikan dengan segera oleh mahkamah. Sekurang-kurangnya ataupun selewat-lewatnya dalam tempoh enam bulan. Kadang-kadang kita terpaksa bawa daripada satu mahkamah ke satu mahkamah. Saya cadangkan kalau tidak perlu Mahkamah Tinggi terus sahaja ke Mahkamah Persekutuan. Lepas itu terus Mahkamah Rayuan hanya dua kali, jadi masa dapat disingkatkan. Agar tindakan dapat diambil dalam tempoh yang setimpal iaitu selewat-lewatnya enam bulan daripada tarikh kes difailkan ke mahkamah.

Satu lagi manakala tempoh tuduhan dari tarikh kejadian saya juga cadangkan perlu disegerakan. Kadang-kadang hendak bawa fail itu ke mahkamah pun, makan masa bertahun. Saya harap dari kes kejadian sampai tarikh dibawa ke mahkamah hendaklah disingkatkan kepada satu bulan. Dengan ini dalam tempoh tujuh bulan kes-kes jenayah terancang ini dapat diselesaikan, agar kita dapat mengawal kes-kes yang berlaku sekarang. Kedua, saya juga ingin mengulas kenyataan Datuk Dr. Syed yang menuduh bahawa PEKIDA menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak elok. Saya amat tidak setuju kerana beliau mengata demikian kerana katanya dia dengar orang cakap. Saya fikir tidak eloklah Dewan yang mulia ini digunakan sebagai tempat melemparkan berita-berita yang tidak betul. Ini kerana secara begini amatlah tidak baik...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ini kerana PEKIDA adalah sebuah pertubuhan yang berdaftar.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang mencelah Yang Berhormat. Hendak mencelah ini.

Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam: Jika Yang Berhormat ada kes, eloklah bawa ke pihak polis ya, supaya boleh disiasat. Tidak bolehlah tuduh sembarangan. Setahu saya, PEKIDA telah

banyak menjalankan kerja-kerja kebajikan dan sebuah pertubuhan yang besar yang berdaftar. Terima kasih. Saya menyokong usul keselamatan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia tidak beri ruang untuk mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli. Kurang lebih 10 minit Yang Berhormat.

4.05 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang untuk menyentuh banyak tentang akta ini kerana pindaan-pindaannya tidak disentuh secara menyeluruh. Juga banyak seksyen yang tidak disentuh yang saya yakin dan saya khuatir selaku pengamal undang-undang ianya akan menimbulkan lebih banyak kekeliruan dalam pengamalannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sentuh secara ringkas Yang Berhormat ya?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Dia tidak boleh ringkas sangat Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam sebarang pindaan undang-undang, kita harus faham ya ianya berkaitan dengan sejarah. Sejarah dan undang-undang tidak boleh dipisahkan. Ianya juga mengambil kira realiti semasa. Sebentar tadi sahabat saya telah memberikan sedikit latar belakang sejarah tentang Kanun Keseksaan di Malaysia. Walau bagaimanapun saya juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana menarik semula peruntukan di bawah fasal 5 dan fasal 33. Ini yang kalau kita hendak bahaskan tidak cukup masa kerana peruntukan awalnya itu agak tidak munasabah dan tidak masuk akal.

Walaupun bagaimanapun saya hendak terus kepada perkara-perkara yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali berkenaan dengan fasal 3, seksyen baru 75A dengan izin, *for repeat offences*. Ini peruntukan baru yang bagi saya satu tindakan positif bagi mengekang berulang kalinya berlaku tindakan jenayah oleh pesalah yang sama. Walaupun bagaimanapun, kita harus ingat hukuman yang berat tidak semestinya mengurangkan kadar jenayah. Cuma hukuman yang berat hanya menakutkan orang yang belum membuat jenayah. Mereka yang sudah sentiasa melaksanakan jenayah, dia akan mencari jalan untuk melaksanakan perkara yang sama kerana dia tahu ada keberuntungannya di sebalik itu. Penguatkuasaan adalah merupakan aspek yang penting bukan hanya dengan menghukum. Kalau bidang penguatkuasaan tidak diberikan tumpuan, saya khuatir ianya akan menjadi satu peruntukan yang sia-sia.

Keduanya saya ingin menyentuh terus kepada seksyen baru 130QA. Ini semua termaktub di bawah Bab VIA *terrorism*, di bawah Kanun Keseksaan ya? Saya hendak merujuk ini kerana saya mohon agar definisi perlakuan *terrorist* atau *Terrorist Act* ini terus diberikan definisi tambahan. Ini kerana saya dapati dalam akta ini, definisinya tidak lengkap dan tidak sempurna. Bahkan ada juga definisinya agak mengelirukan kerana dia hendak mengaitkan semua orang termasuk badan-badan profesional yang sama ada secara tahu atau tidak tahu terlibat dalam kegiatan *terrorisme*. Ini juga termaktub di bawah Akta, *Anti-Money Laundry Act* kalau tidak silap saya. Walaupun bagaimanapun saya sangat bersetuju diperketat seksyen ini. Begitu juga seksyen yang sama bab yang sama Bab VIA.

Kalau kita rujuk pada akta asal ianya terkandung di bawah Bab VIA, bab baru yang dipinda beberapa tahun yang lalu.

Saya juga ingin menyentuh fasal 9 secara ringkas tentang *organized criminal group*. Kita boleh meletakkan pelbagai tafsiran tentang *organized criminal group* dan kita melihat bagaimana laporan media terutamanya sebelum diluluskan Akta PCA. Seolah-olah negara ini dikuasai oleh kumpulan penjenayah terancang. Apa yang berlaku yang kita khuatir ialah berlaku suasana di mana hanya beberapa kumpulan penjenayah terancang yang diambil tindakan keras manakala yang lain dibiarkan. Berlaku masalah pertembungan antara kelompok-kelompok jenayah terancang bagi menguasai kawasan. Ini realiti yang berlaku di Malaysia. Mereka yang terlibat dalam bidang undang-undang tahu dan faham realiti yang berlaku. Mungkin cerita di akhbar tidak sama dengan realiti yang berlaku. Akan tetapi kami di kalangan pengamal undang-undang faham apa yang berlaku.

Kita tidak mahu peruntukan ini disalahgunakan dengan mengambil tindakan hanya kepada segelintir kelompok penjenayah. Saya masih ingat pernyataan daripada Menteri Dalam Negeri sendiri, kalau tidak silap saya tahun lepas. Kenyataan Menteri Dalam Negeri ini sendiri-sendiri selepas melaksanakan Ops Cantas.

■1610

Yang Berhormat Menteri Dalam negeri telah menyatakan bahawa kementeriannya telah menyerahkan nama anggota kongsi gelap. Ini kelompok penjenayah terancang serta ahli politik yang dikaitkan dalam kumpulan terbabit kepada PDRM dan hanya PDRM yang akan menentukan masa untuk mendedahkan identiti berkenaan.

PDRM sendiri pernah dan telah mengumumkan senarai nama dan logo kumpulan kongsi gelap baru-baru ini. Persoalan kita di sini, apakah tindakan yang telah diambil selepas pengumuman tersebut dibuat dan adakah ia membantu menangani masalah peningkatan yang sering diuar-uarkan dalam konteks perlakuan jenayah terancang di negara ini. Peruntukan jenayah dalam Kanun Keseksaan hanya satu peruntukan sekiranya ia tidak dilaksanakan atau dikuatkuasakan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk- saya mahu tak mahu, saya terpaksa juga merujuk kepada fasal yang digugurkan awal tadi, Fasal 5. Ini berkenaan dengan hukuman kerana saya melihat, saya membandingkan cadangan awal di bawah Fasal 5 hukuman, antara cadangan awal seksyen 121E dengan jenayah terancang seksyen 130ZA.

Di bawah penjenayah terancang, hukumannya hanya sepuluh tahun atau denda, hanya sehingga 10 tahun atau denda. Akan tetapi 121E, Keingkaran Awam yang dikatakan berkaitan dengan bendera Malaysia, penjaranya lima tahun ke 15 tahun. Mesej saya di sini ialah, bila kita mencadangkan hukuman dalam sebarang kesalahan undang-undang, ia harus setimpal dan sejajar dengan kesalahan yang dilakukan. Jenayah terancang bukan hanya jenayah terhadap nyawa, harta benda dan kedaulatan negara. Ini jauh lebih serius atau lebih *heinous*, dengan izin, lebih zalim dan kejam berbanding dengan keingkaran awam. Harus ada kewajaran dalam kita mencadangkan hukuman. Jadi, saya minta timbang semula hukuman terhadap penjenayah terancang. Mungkin perlu dinaikkan atau mungkin perlu dilaksanakan satu situasi yang lain bagi mengawal berkembangnya jenayah terancang ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya sampuk sikit?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sila

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya ingin hendak belajar daripada Yang Berhormat pengamal undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat bermaksud, apabila jenayah yang disifatkan sebagai jenayah awam itu diringkankan hukumannya, jenayah itu tidak berbahaya. Tidakkah difikirkan kemungkinan apa yang disebut jenayah awam itu boleh menimbulkan suasana sebagai api kecil yang boleh menimbulkan kekacauan yang lebih besar? Umpamanya, saya rasa kalau tidak dikawal, boleh menimbulkan kerusuhan antara kaum, boleh menimbulkan kerusuhan antara golongan seperti yang berlaku di negara-negara Thailand, di Mesir baru-baru ini. Jadi, yang saya maksudkan itu, sejauh manakah keringanan patut kita berikan terhadap apa yang tak salah saya, Yang Berhormat menyebut tadi, jenayah awam, *the term you used [Disampuk] Ya, sorry?*

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Keingkaran awam, *public defiance*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Keingkaran awam, keingkaran awam. Jadi, saya rasa janganlah kita terlalu bersikap *magnanimous*, dengan izin, dengan apa yang disebut sebagai keingkaran awam ini. Kita harus melihat implikasi jangka panjangnya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih kepada respons Yang Berhormat Dato' Firdaus. Saya cuma mengambil perbandingan itu untuk memberikan contoh perbezaan nilai atau tahap jenayah yang dilaksanakan. Ini kerana kita kena faham, bagaimana jenayah terancang, bagaimana keingkaran awam yang biasa. Orang melukis di tepi dinding dihukum berat.

Saya ambil contoh, berlaku kes curi di Terengganu tahun lepas. Mencuri susu anak kerana tidak ada kerja, tidak ada duit. Dihukum penjara setahun lebih dan didenda. Sedangkan orang besar boleh bebas dengan jaminan. Oleh sebab itu kita katakan, peruntukan undang-undang itu harus sejajar dengan kesalahan yang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang kadang-kadang kita serba salah, terutamanya pengamal undang-undang swasta kerana kita terpaksa membela orang yang didakwa melakukan kesalahan. Akan tetapi kita juga ada *conscience* kita dan kita mahu peruntukan undang-undang itu harus boleh diguna pakai bukan hanya untuk menghukum tetapi juga untuk merubah manusia. Itu yang penting. Oleh sebab itu dalam *Criminal Procedure Act (CPC)*, dengan izin, ada peruntukan seksyen 294 yang dipanggil *bound over* bagi pesalah pertama, pesalah bawah umur, pesalah yang tidak mempunyai sebarang rekod jenayah, dibebaskan dengan jaminan dan denda supaya dia mendapat pengajaran. Akan tetapi kalau ada mandatori pemenjaraan itu terhadap pesalah pertama, kita tidak yakin sistem kita mampu merubah manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung terus kerana saya tahu masa tidak banyak untuk saya. Akan tetapi tidak apa...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya masa sudah...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya, tetapi saya terpaksa Tuan Yang di-Pertua. Banyak perkara yang perlu saya sentuh...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat ada banyak yang hendak dibangkitkan. Saya membuat keputusan saya bagi 10 minit oleh sebab perkara yang tertentu.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh terus. Saya hendak langkau yang lain. Saya hendak menyentuh terus kepada seksyen baru, cadangan seksyen 203A yang disebut berulang kali oleh teman-teman saya tadi, yang mengaitkannya dengan *Whistleblowers Act*. Ini seksyen baru. Secara umum, sebarang tindakan yang kita lakukan harus kita melihat dari segi reaksi masyarakat. Tahun lalu, awal tahun ini, kita dapati pelbagai pendedahan dilakukan tentang salah laku manusia, tentang salah laku kakitangan awam, tentang salah laku orang yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan di peringkat kementerian.

Laporan Ketua Audit Negara sendiri mengesahkan berlaku perkara-perkara seperti ini. Saya tidak mahu terus pergi kepada kes, panjang cerita tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Pendekkan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: ...Tindakan ini bagi saya ialah *improper addition of the law*, dengan izin, kerana ia menggalakkan perlakuan korupsi, rasuah dan salah guna kuasa di dalam institusi awam negara. Kita mahukan agar ada ruang untuk orang kakitangan awam untuk memberikan pendedahan terhadap salah laku. Ini kerana sebelum daripada ini kita tidak tahu. Mana mungkin kita tahu tentang kes NFC? Kita tidak tahu benda ini kalau tidak ada pendedahan daripada orang dalam. Oleh sebab itu kita jangan ugut kakitangan awam dengan peruntukan seperti ini yang sebenarnya akan merencatkan sendiri usaha transformasi kerajaan bagi melahirkan bangsa baru, masyarakat baru yang lebih mampu...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon pencilahan sikit Tuan Yang di-Pertua, boleh? Sikit sahaja.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sila.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sebab tentang pendedahan maklumat tadi itu. Tuan menyatakan bahawa undang-undang ini menyekat dari segi pemberitahuan maklumat tentang kakitangan awam. Jadi, saya hendak tahu di sini, kalau pendedahan itu dibuat tetapi pendedahan itu hanyalah pendedahan pembohongan, adakah tuan setuju bahawa akta ini kita perlu gugurkan? Maksudnya, *sorry*, maksudnya, Yang Berhormat maksudkan tadi berkenaan dengan akta ini, memberi tekanan kepada penjawat awam untuk mendedahkan maklumat.

Akan tetapi adakah tuan yakin bahawa setiap maklumat yang didedahkan itu sebelum tindakan diambil adalah pendedahan yang semuanya betul? Tidakkah nanti dia akan memberikan implikasi yang lain? Sebab itu kalau kita lihat di bawah akta *Whistleblowers Act* yang mana setiap pemberi maklumat itu dilindungi dan dirahsiakan identiti dan ada pihak yang bertanggungjawab akan menjalankan siasatan dan tindakan untuk memastikan maklumat yang dibagi itu boleh diambil tindakan oleh pihak AG. Itu sebagai contoh. Jadi, saya hendak tanya pendapat tuanlah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Secara ringkas saya ingin menjawab. Saya mohon Yang Berhormat Baharuddin untuk membaca 203A(1), dengan izin, dalam bahasa Inggeris, "*Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance of his duties or*

the exercise of this functions under any written law shall be punish with...”, dan seterusnya. Maksudnya, maklumat yang diperoleh itu maklumat yang benar. Kalau maklumat palsu, dia boleh didakwa. Tidak ada masalah. Akan tetapi saya rasa kalau dia buat maklumat palsu, tidak termaktub di bawah seksyen ini. Saya ingin terus...

■1620

Dato' Lim Nget Yoon: Saya hendak pohon belajarlah sebab memang bukan bidang saya, *a law, legal*. Setujukah Yang Berhormat yang ini tentang kakitangan awam? Jadi, setujukah Yang Berhormat tentang mana-mana bidang, mana-mana profesion pun ada *ethic*, etika mereka sendiri seperti *lawyer*, doktor, *bankers*. Dia memang ada etika jangan bocorkan maklumat klien. Jadi, kakitangan kita sendiri pun ada etika begitu. Jadi, tidak salahkah kalau dia memberikan maklumat atau membocorkan rahsia kerajaan? Terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat lima minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya. Saya yakin itu merujuk kepada kalau dalam undang-undang *solicitor client confidential*. Itu benda yang berbeza. Kalau kakitangan kerajaan ia termaktub di bawah OSA. Sudah ada. Jadi, itu tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Okey, selesai yang itu. Saya hendak pergi sedikit kepada pindaan kepada seksyen 322. Ini agak teknikal. Seksyen 322 walaupun nampak tidak serius, penggantian perkataan *20 days* kepada *10 days*. Sekejap ya. Okey, seksyen ini berkenaan dengan *grievous bodily hurt* (GBH). Perlakuan jenayah yang menyebabkan kecederaan yang agak parah. Sebelum daripada ini, peruntukan 20 hari itu ialah untuk memastikan sebarang kecederaan yang dilakukan itu nampak kesan dia. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua kesan itu tidak nampak sehingga selepas 10 hari. Kalau kita pendekkan kepada 10 hari sahaja, ia lari daripada niat asal penggubal undang-undang ini.

Kadang-kadang kita kena pukul, cedera 10 hari, hari ke-14 kita mati. Adakah ini menghalang kepada tindakan undang-undang diambil ke atas akta yang sama? Jadi, saya mohon untuk dipertimbangkan semula dan kalau perlu dikekalkan tempoh 20 hari ini kerana kesakitan ini bukan hanya sekadar 10 hari sahaja, ia lebih daripada itu. Jadi, kita minta untuk dikekalkan. Mohon rujuk semula kepada 322 di bawah tajuk *volunteering causing grievous hurt* di bawah huraian seksyen 322 ini.

Saya tidak ada masalah dengan pindaan terhadap seksyen 324. Bagus pindaannya. Juga seksyen 326. Cumanya, okey ini sedikit. Seksyen 326 baru pindaan *causing hurt by stuff*. Tadi saya mendengar hujah yang mengatakan perkataan *“his”* itu aplikasinya itu terhadap *“her”*. Maksudnya pelaku boleh jadi suami atau isteri. Akan tetapi kalau boleh diperjelaskan kerana kadang-kadang, dengan izin, *the omission of the word can cause confusion in court*. Mahkamah bila berlaku kekaburan dari segi tafsiran, dia akan merujuk semula kepada Parlimen untuk melihat niat asal undang-undang itu

digubal dan niat itu hanya boleh diperoleh daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi jawapan Yang Berhormat Menteri penting. Bukan jawapan yang boleh main-main. Ini Undang-undang Kanun Keseksaan ya, benda besar. Salah kita jawab, masalah besar di mahkamah nanti...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah itu Yang Berhormat, cukup.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat arif dalam perkara ini. Mungkin banyak perkara yang penting.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Lagi dua sahaja, lagi dua sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi dua minit sahaja lagi, selepas itu tutup ya.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Okey, saya setuju tetapi saya agak kurang setuju dengan kadar hukuman kerana kadang-kadang dalam hubungan antara suami isteri wujud *atrocious*, perlakuan tetapi tidak wujud *mens rea*. *Mens rea* itu niat, apa yang difikirkan. Jadi, jangan kerana perlakuan yang di luar kesabaran atau di luar kehilangan akal, dikenakan hukuman berkali ganda jauh daripada pelaku yang mempunyai niat. Itu beza antara pelaku yang hanya melakukan perbuatan dengan *mens rea* dan *atrocious* dan juga mereka yang melakukan dengan *mens rea* sahaja- *atrocious*. Minta maaf, *atrocious*. Ya, itu tertakluk kepada seksyen baru 352A, *punishment for using criminal force by spouses*.

Saya harus memuji peruntukan baru seksyen 375B tentang rogol beramai-ramai, *gang rapist*. Saya setuju, cumanya ini adalah perbuatan yang jauh lebih *heinous*, lebih jijik, lebih zalim dan lebih kejam. Hukumannya harus lebih keras walaupun sahabat saya kurang bersetuju dengan sebatan kerana kaedah sebatan di Malaysia terlalu zalim. Tidak sama dengan kaedah sebatan yang dianjurkan oleh Islam. Akan tetapi mesti, wajib dan harus ada peruntukan sebatan kepada mereka yang melakukan kesalahan rogol beramai-ramai kerana kesan dan traumanya boleh menyebabkan pelbagai perkara termasuk banyak kes yang melibatkan bunuh diri. Apa lagi yang dirogol, mangsanya adalah di bawah umur.

Jadi, saya minta ini diperketat, ini ditambah bagi mengelak lebih perlakuan *heinous crime* kerana sekarang ini macam-macam maklumat masuk, macam-macam masalah yang berlaku di negara ini. Seksyen 376 okey. Cuma saya mohon kalau boleh ditambah di bawah 376(2)(c)(i) *when he knows*. Di tambah perkataan *medically*. Sekiranya dia tahu secara perubatan. Ini tidak ada perkataan ini. *That he is afflicted with the HIV* dan sebagainya dan seterusnya. Perkataan ini penting kerana ia melibatkan unsur *mens rea* dalam perlakuan jenayah...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, selebihnya mungkin Yang Berhormat boleh buat secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tak dan dah ini. Okey tidak apa, terima kasihlah. Terima kasih banyak-banyak kerana...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: ...Memberikan saya ruang yang lebih untuk membahaskan akta ini. Saya mohon ia boleh diterima tetapi dinilai semula dengan pindaan yang lebih jelas dan tidak

bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang lain negara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka, selesai sudahlah sesi kita membahaskan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

4.27 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 sebentar tadi. Sesungguhnya saya amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan semasa membahaskan rang undang-undang ini. Sungguhnya juga Yang Berhormat semua, Ahli-ahli Dewan Negara, saya hendak nyatakan di sini kita mendengar kalau ada diperlukan untuk kita pinda nanti *insya-Allah* pada masa akan datang akan kita lakukan.

Sebelum saya meneruskan sesi penggulungan ini dengan lebih lanjut, sukacita saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013 ini adalah kesinambungan daripada Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 yang telah dipersetujui dan diluluskan Dewan yang mulia ini pada sesi mesyuarat yang lalu. Fokus dan objektifnya jelas iaitu untuk memerangi dan mengambil tindakan tegas terhadap anggota kumpulan jenayah terancang. Pindaan kepada beberapa akta yang berkaitan termasuk Kanun Keseksaan ini adalah untuk menjadikannya lebih komprehensif dan menyediakan satu ekosistem yang mantap bagi menangani kumpulan jenayah terancang.

Pertama sekali saya hendak merujuk kepada perkara yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Chin Su Pin mengenai *gang rape* yang mengatakan sila jelaskan situasi rogol berkumpulan dengan jelas? Adakah ia termasuk orang yang menjaga pintu? Orang yang hadir di dalam sesuatu perlakuan jenayah yang merangsang perbuatan jenayah oleh ahli-ahli lain adalah bersama dalam melakukan jenayah tersebut. Sebagai contoh, orang yang bertindak mengawal pintu bilik bagi memberi amaran jika ada sesiapa datang atau orang yang bertindak sebagai pemandu kereta bagi tujuan membolehkan rakan sejenayahnya melarikan diri adalah juga bersalah menurut prinsip dalam bahasa Inggerisnya *common intention*, dengan izin. Namun dari segi hukuman, terpulang kepada budi bicara mahkamah berdasarkan tahap penglibatannya. Peruntukan yang sama juga terdapat dalam undang-undang di India.

Seterusnya juga daripada Yang Berhormat Senator Chin Su Pin. Kenapa tidak memasukkan hukuman sebatan? Untuk makluman Yang Berhormat, hukuman bagi seksyen 375B telah ditetapkan penjara minimum 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun. Hukuman penjara ini adalah hukuman yang agak berat dan sehubungan itu hukuman sebatan adalah tidak lagi perlu. Bagi kesalahan rogol biasa, tiada

hukuman minimum ditetapkan dan hukuman maksimum 20 tahun iaitu di bawah seksyen 376(1) dan boleh dikenakan sebatan.

■1630

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh bertanya, boleh mencelah? Tentang kes rogol yang hukuman ini. Saya ingin menarik perhatian kementerian tentang kes seorang perempuan dirogol dan dibunuh di Penang. Jadi, memang ada bukti di dalam badan dia tetapi suspek dibebaskan. Memang kes ini diproses rayuan, tetapi setujukah kementerian ada kelemahan atau kesalahan di mana-mana menyebabkan keputusan tersebut? Kedua tentang hukuman kepada perogol, adakah perbezaan tentang seperti ayah yang merogol anaknya yang keadaan begini? Ayah sepatutnya orang yang melindungi anak, tetapi kejadian sudah menjadi terbalik. Jadi, hukuman bagi perogol tersebut bagaimana? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai rogol yang mana perogol itu telah dilepaskan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, berhenti sebentar. Saya ada usul Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

4.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 19 Disember 2013”.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyatakan di sini tadi merujuk kepada soalan yang ditanya oleh kerana kes yang disebutkan tadi adalah kes yang

dalam proses rayuan. Kita tidak boleh sentuh dalam Dewan ini kerana ia *sub judice* dan tidak boleh dibincangkan pada masa ia masih dalam mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul itu Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Merujuk kepada soalan yang satu tadi iaitu yang mana ia menyentuh kepada seorang ayah yang merogol anak, ia di bawah seksyen 376(3) yang mana hukuman minimum lapan tahun dikenakan, maksimum 30 tahun dan hendaklah dikenakan sebatan juga sebanyak 10 sebatan. Itu yang mengenai soalan Yang Berhormat tanyakan tadi...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [*Bangun*]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya menjawab lagi seterusnya soalan yang dinyatakan di sini oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Adakah ia yang berkaitan sebab ...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya, berkaitan dengan jenayah rogol.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya nampak di sini Yang Berhormat, kebanyakannya menyentuh soalan, perkara yang sama. Jadi, kita menjawab soalan yang sama kepada perkara-perkara yang di sini...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit sahaja tentang perlakuan jenayah rogol berkumpulan ini. Ini kerana dalam setiap peruntukan undang-undang di bawah kes jenayah rogol, ada peruntukan sebatan. Akan tetapi kenapa dalam jenayah rogol berkumpulan tidak ada sedangkan ini lebih *heinous*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih. Oleh sebab itu saya nyatakan sebab masih belum sampai ke situ. Perkara yang sama telah dibahaskan tadi, nanti *insya-Allah* saya akan ini-sebab saya menjawab mengikut aturan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ini pun sudah ada sebut perkara ini, mungkin nanti Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ini kerana beberapa orang telah menyentuh mengenai perkara yang sama. Terima kasih. Sabar Yang Berhormat.

Berbalik kepada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan juga Yang Berhormat Senator Syed Husin 'al-Attas' bertanya mengenai *mastermind* dalam *explanation* yang tiga seksyen 107 ia terlalu luas. Ingin saya nyatakan di sini...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin betulkan nama saya. Saya Syed Husin Ali, bukan 'al-Attas'.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Syed Husin ...

Dr. Syed Husin Ali: 'Al-Attas' orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Syed Husin Ali. Nama betul Syed Husin Ali Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Minta maaf Yang Berhormat, sebab tidak berapa jelas.

Dr. Syed Husin Ali: Dan saya bukan juga 'al-bawah' ya [*Ketawa*]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Boleh juga ada orang bergurau supaya tidak ada orang yang mengantuk petang-petang Yang Berhormat. Biar saya jawab sini Yang Berhormat. Seksyen 107 telah dipinda pada tahun 2012 dengan memasukkan sub perenggan (AA) yang baru iaitu dengan izin, "A

person a bad the doing of a thing who (AA) commands any person to that things". Huraian baru yang dimasukkan ialah untuk menjelaskan lagi sub perenggan (AA) ini yang baru itu. Ini kerana itulah huraian dimasukkan dengan izin, "*whoever masterminds the doing of an act is said to command the doing of that act*". Sehubungan dengan itu, *mastermind* atau dalang ini merupakan orang yang memberikan arahan atau dengan izin, *command* tersebut.

Seterusnya- ini saya hendak sebutkan betul-betullah Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Betul ya?... Bukan 'al-bawah' ya? [Ketawa] Seksyen 130QA yang mana ia tidak disebut apakah yang dimaksudkan dengan izin, *terrorist act*. Seksyen 130QA merupakan satu seksyen baru di bawah Bab VIA Kanun Keseksaan iaitu kesalahan berkenaan keganasan dengan izin, *terrorist act* telah pun ditakrifkan di bawah seksyen 130B(2) iaitu "*For the purposes of this Chapter, terrorist act mean an act or threat of action within or beyond Malaysia where...*", sebenarnya panjang ini kalau saya hendak baca ini Yang Berhormat. Saya hendak nyatakan kalau boleh, rujuklah kepada seksyen ini Yang Berhormat, seksyen 130B(2). Kalau perlu juga dalam bertulis, saya boleh hantarkan secara bertulis. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya juga Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali iaitu seksyen 75A yang bercanggah dengan konsep perundangan kesalahan sebelum sabitan. Itu yang dinyatakan di sini. Jadi jawapannya ialah Yang Berhormat, seksyen 75A memperuntukkan penjara mandatori tidak kurang daripada dua kali ganda tempoh yang lebih panjang yang dikenakan terdahulu bagi pesalah berulang yang melakukan kesalahan berat. Pesalah berulang bukan merujuk kepada seseorang yang melakukan kesalahan melibatkan fakta atau kejadian yang sama tetapi kesalahan melibatkan fakta atau kejadian yang berbeza walaupun pertuduhan yang dikenakan adalah bagi kesalahan di bawah peruntukan yang sama.

Seksyen 75A ini tidak melibatkan konsep *double jeopardy*, dengan izin, yang mana *double jeopardy* dengan izin, melibatkan seseorang yang dituduh bagi kesalahan yang sama atas fakta atau kejadian yang sama setelah dilepaskan dan dibebaskan oleh mahkamah dalam perbicaraan kali pertama yang mana dia tidak bersalah pun. Jadi, seksyen 75A ini tidak merujuk kepada konsep *double jeopardy*, dengan izin, kerana ia memperuntukkan hukuman lebih berat kepada pesalah berulang. Untuk penjelasan lanjut Yang Berhormat, bolehlah merujuk kepada Perkara 7(2), Perlembagaan Persekutuan yang mana tafsiran *double jeopardy*, dengan izin, dinyatakan di situ.

Saya hendak menjawab lagi soalan daripada Yang Berhormat Senator lagi yang turut membangkitkan dakwaan percanggahan seksyen baru 203A Kanun Keseksaan dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat iaitu *Whistleblowers Act*. Saya percaya ini telah ditanya oleh ramai tadi. Jadi, jawapannya agak panjang dan Yang Berhormat Senator juga ada bertanya pertanyaan-pertanyaan lisan. Ini yang saya jawab Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seksyen 203A, Kanun Keseksaan digubal kerana kerajaan amat memandang serius perbuatan mendedahkan maklumat kerajaan. Seksyen 203A memperuntukkan seperti berikut. Sebelum saya hendak meneruskan untuk membaca ini, saya hendak nyatakan di sini, saya mendengar tadi komen terutama sekali daripada pengamal undang-undang dan

beberapa orang rakan. Memang dari Dewan Rakyat lagi saya meneliti pertanyaan ini untuk kita mempertimbangkan sekiranya perlu dipinda nanti, *insya-Allah* kita akan pinda.

■1640

Jadi kita mengakuinya ia memang amat luas kerana ianya amat diperlukan untuk masa ini. Jadi, oleh kerana dari segi OSA semuanya ada diperuntukkan dinyatakan kesalahan-kesalahannya. Jadi, mengenai *discloser of information* 203A(1) dan (2) semuanya telah dinyatakan. Ingin saya nyatakan sehubungan dengan itu seksyen 203A ini dimasukkan bagi memperuntukkan suatu kesalahan baru iaitu pendedahan maklumat. Ini dengar ini ya. Pendedahan maklumat yang diperolehi oleh seseorang dalam kapasiti seseorang itu melaksanakan tugasnya atau menjalankan fungsinya di bawah undang-undang bertulis bagi mengelakkan kebocoran maklumat kerajaan dan bertujuan untuk melindungi maklumat kerajaan.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat pula telah digubal bertujuan untuk membanteras rasuah dan salah laku lain dalam sektor awam dan swasta dengan memberikan galakan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan apa-apa perbuatan rasuah dan salah laku lain yang termasuk dalam skop kelakuan tidak wajar sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta tersebut. Ianya lebih spesifik. Pendedahan maklumat yang dimaksudkan di bawah Akta 711 adalah berhubung dengan pendedahan kelakuan tidak wajar oleh orang awam kepada agensi penguatkuasaan undang-undang agar tindakan selanjutnya boleh di ambil sebagai mana yang dijelaskan dalam subseksyen 6(1) akta seperti yang berikut ini.

Pertama iaitu pendedahan kelakuan tidak wajar dalam seksyen 6(1) seseorang boleh membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang yang melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar. Dengan syarat bahawa pendedahan sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis. Oleh itu implikasinya adalah bahawa Akta 711 tidak memberikan perlindungan bagi pendedahan maklumat kepada mana-mana pihak lain selain agensi penguatkuasaan undang-undang.

Selanjutnya maklumat yang didedahkan hendaklah melibatkan suatu kelakuan tidak wajar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 akta seperti yang berikut-iaitu kelakuan tidak wajar berertinya apa-apa kelakuan yang tidak terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah. Kesalahan tatatertib pula ertinya apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja mengikut mana-mana yang berkenaan.

Bagi menggalakkan dan memudahkan pendedahan maklumat tentang kelakuan tidak wajar Akta 711 mengadakan peruntukan dengan memberikan perlindungan kepada mana-mana pemberi maklumat iaitu orang yang membuat pendedahan tentang kelakuan yang tidak wajar. Perlindungan diberikan kepada maklumat sulit yang didedahkan dan pemberi maklumat tersebut diberikan kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah serta perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.

Seksyen 9, Akta 711 juga diperuntukkan di mana tertakluk kepada subseksyen 11(1) "*Seseorang pemberi maklumat tidak tertakluk kepada apa-apa liabiliti sivil atau jenayah atau apa-apa liabiliti yang berbangkit melalui proses pentadbiran termasuk tindakan tatatertib dan tiada tindakan tuntutan atau desakan boleh diambil atau dibuat terhadap pemberi maklumat kerana membuat pendedahan kelakuan tidak wajar*".

Tuan Yang di-Pertua, selain yang dinyatakan di atas Akta 711 turut memberikan agensi penguatkuasaan kuasa untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan kuasa menyiasat aduan tindakan yang memudaratkan serta memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah bagi *remedy*. Kuasa ini dapat memastikan pendedahan kelakuan tidak wajar diuruskan dengan sebaiknya dan memberi maklumat dilindungi sewajarnya. Berdasarkan perbandingan yang dinyatakan di atas seksyen 203A Kanun Keseksaan jelas memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk mendedahkan maklumat yang diperoleh semasa menjalankan tugas dan melaksanakan fungsinya mengikut undang-undang kepada orang lain.

Sebaliknya Akta 711 pula merupakan akta yang melindungi pemberi maklumat atas pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat kepada agensi penguatkuasaan undang-undang.

Penggubalan seksyen 203A, Kanun Keseksaan dan Akta 711 mempunyai tujuan yang berbeza. Seksyen 203A, Kanun Keseksaan bertujuan untuk melindungi maklumat kerajaan kerana sejak kebelakangan ini kejadian kebocoran maklumat dan rahsia rasmi kerap berlaku. Seksyen tersebut menunjukkan ketegasan kerajaan dalam menangani masalah ini yang melibatkan kepentingan maruah dan keselamatan negara.

Sementara itu Akta 711 bertujuan untuk membanteras rasuah dan salah laku lain dalam sektor awam dan swasta dan perlindungan yang diberikan di bawah Akta 711 ialah bagi menggalakkan pendedahan kelakuan tidak wajar. Sebenarnya itu tidak timbul isu seksyen baru 203A, Kanun Keseksaan mempengaruhi Akta 711 kerana penggubalan kedua-dua undang-undang tersebut mempunyai matlamat dan skop yang berbeza.

Jadi, seterusnya saya hendak menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang menanyakan adakah kajian atau data di kumpul mengenai jenayah seks. Untuk jawapan tersebut, data mengenai jenayah seks di kumpul oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara melalui statistik-statistik tersebut. Maka trend-trend jenayah seksual dikenal pasti yang membawa kepada pindaan kepada seksyen 375B dan lain-lain peruntukkan berkaitan dengan jenayah seksual. Akan tetapi, sekiranya hendak memerlukan statistik terperinci, *insya-Allah* kita akan bekalkan kerana kita perlu mendapatkannya daripada Polis Diraja Malaysia.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, apakah mekanisme yang terbaik untuk mengawal dana asing yang disalurkan kepada NGO dan pasukan penganas. Untuk jawapan tersebut penyaluran dana secara sah dalam negara adalah tertakluk kepada mana-mana peruntukkan undang-undang berkaitan yang ditadbir oleh Bank Negara, Suruhanjaya Syarikat dan sebagainya. Namun begitu, undang-undang yang boleh digunakan bagi mengawal atau membanteras

kegiatan keganasan sama ada dibiayai oleh dana asing atau dari dalam negara adalah tertakluk di bawah Bab 6A Kanun Keseksaan berkaitan pencegahan pembiayaan keganasan.

Harta yang terlibat boleh disita di bawah Akta AMLATFA iaitu Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya cuma hendak penjelasan sedikit tentang jawapan sebelum ini tentang jenayah seksual ini. Saya ingin menanyakan adakah kita sudah menubuhkan satu pangkalan data DNA untuk mereka-mereka yang sudah disabitkan dengan kesalahan jenayah seksual? Itu saja.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih, ya betul Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah juga menanyakan..

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ada atau tidak, pangkalan data?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak silap saya, saya rasa memang ada dalam proses mereka lakukan. Akan tetapi, ini saya perlu penjelasan lanjut. Kalau boleh saya minta jawapan secara lebih *accurate* telah, dengan izin, untuk Yang Berhormat. Sebab itu kita perlu minta daripada kementerian yang lain ya, terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah sama ada kerajaan mempunyai pelan mekanisme yang khusus untuk mengatasi masalah kongsi gelap yang merekrut pelajar-pelajar sekolah. Sebenarnya di sini Yang Berhormat ada beberapa agensi kerajaan yang terlibat. Saya ambillah sedikit apa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan melalui kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta agensi kerajaan yang lain yang telah mengatur pelbagai langkah dan program untuk menarik minat kaum belia menyertai program-program yang boleh mendatangkan faedah dan menghindarkan mereka terlibat dengan gejala yang tidak sihat.

Antara program yang diambil untuk menghindarkan kaum belia terlibat dengan aktiviti-aktiviti gengsterisme ialah program yang dianjurkan oleh pihak polis iaitu yang menempatkan pegawai perhubungan sekolah di setiap sekolah menengah dan rendah untuk membantu pihak sekolah memantau disiplin dan perlakuan jenayah di kalangan murid.

■1650

Kedua, oleh pihak Agensi Antidadah kebangsaan atau AADK yang telah mengatur program di sekolah seperti program SHELDS iaitu Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya, Program SMART ataupun Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab memandangkan penglibatan dengan dadah mempunyai hubung kait yang rapat dengan aktiviti gengsterisme.

Ketiga, program Kementerian Pelajaran, saya kena sentuh kerana takut Yang Berhormat Menteri Pelajaran di sebelah saya menyatakan saya tidak menjawab di sini. Mereka juga telah melaksanakan beberapa program pencegahan untuk mengatasi masalah disiplin di kalangan murid sekolah seperti bimbingan dan disiplin, penguatkuasaan, ceramah kesedaran, kaunseling program jati diri dan hukuman keras.

Seterusnya, pihak Kementerian Belia dan Sukan juga telah menganjurkan pelbagai program yang berkaitan untuk membantu melibatkan golongan remaja supaya masa terluang remaja diisi dengan aktiviti seperti padang futsal yang disediakan, Program IM4U, Rakan Muda, Rakan Masjid dan sebagainya bagi menyedarkan mereka. Jadi banyak lagi program-program yang lain yang boleh disentuh di sini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi yang telah bertanya mengenai hukuman terhadap pesalah yang melakukan jenayah terhadap OKU, contohnya rogol, bunuh, buli dan sebagainya. Bagi kesalahan rogol Yang Berhormat, kesalahan ini dibuat pindaan terbaru kepada seksyen 376. Sekiranya mangsa adalah OKU, tertuduh boleh dijatuhi hukuman penjara tiga kurang daripada 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan. Bagi kesalahan-kesalahan bunuh, hukuman sedia ada adalah hukuman mati mandatori. Oleh itu, tidak kira siapa mangsa sama ada OKU ataupun tidak, hukuman yang hanya boleh dijatuhi terhadap tertuduh adalah hukuman mati.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Khairiah binti Mohamed memohon statistik pesalah jenayah berulang. Oleh sebab ini juga di bawah Kementerian Dalam Negeri, kita akan memohon daripada Kementerian Dalam Negeri dan *insya-Allah* kita akan meminta untuk diserahkan kepada Yang Berhormat.

Tadi Yang Berhormat Senator Puan Khairiah juga ada menyentuh mengenai setakat mana usaha kerajaan dalam menyediakan pampasan kepada keluarga jenayah dalam meneruskan kehidupan mereka. Sebenarnya Yang Berhormat, perkara ini sememangnya dalam penelitian kerajaan dan akan diumumkan selepas ia dimuktamadkan kerana ia juga di bawah perbincangan dalam satu program NKRA oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Dalam Negeri untuk perkara ini. Ia masih dalam perbincangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli, seksyen 121E iaitu hukuman dari segi *national emblem*. Saya hendak nyatakan di sini apa-apa mengenai *national emblem* tadi, sebenarnya kita tidak sebab ia- cuma saya hendak nyatakan di sini, oleh sebab ditanya mengenai dari segi berat hukumannya kan, *not less than five years, and not more than 15 years*. Manakala seksyen 130ZA hanyalah *extend to 10 years* sahaja. Hukuman yang tidak setimpal dikatakan dan wajar dikaji semula seksyen 130ZA.

Hukuman seksyen 121E ini ditetapkan sedemikian rupa kerana ia merupakan pengkhianatan terhadap negara dan diletakkan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan, manakala seksyen 130ZA ditetapkan sebegitu kerana ia selaras dan selari dengan seksyen 130Y dan seksyen 130Z.

Saya hendak nyatakan di sini, tadi ada yang berbahas mengenai fasal yang telah kita tarik balik, jadi saya tidak mahu hendak mengelirukan...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak perlu.

Puan Hajah Nancy Shukri: ...Ia tidak lagi di bawah *Penal Code* ini. Ada juga yang bertanya mengenai *his spouse* tadi, beberapa orang di kalangan Ahli Yang Berhormat. Di bawah seksyen 8 Kanun Keseksaan, ditakrifkan, "*The pronounce he and his derivative are used of any person whether*

male or female". Ini telah di dalam undang-undang. Oleh itu, "*his*" turut merujuk kepada *female* ataupun *male*. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham juga mencadangkan supaya menurunkan tempoh daripada 20 hari kepada 10 hari itu dalam seksyen 322 itu perlu dilihat semula. Tempoh diturunkan bagi membolehkan orang yang menghadapi kesakitan selama 10 hari dianggap telah menjadi mangsa *grievous harm* sebenarnya, dan tidak perlu sehingga 20 hari. Ini rasionalnya Yang Berhormat, kerana kesakitan mungkin teruk tetapi teknologi perubatan kini telah berubah dan maju serta boleh memulihkannya dalam tempoh 10 hari. Itu dia punya rasional. Ada lagi Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya hendak mencelah. Saya rasa kefahaman dari segi 20 hari kepada 10 hari itu agak berbeza kerana kalau kedudukan yang lama, 20, hari bermaksud lebih panjang waktu untuk orang yang dituduh, yang mangsanya mendapat kecederaan 20 hari. Itu lebih baik, daripada dipendekkan kepada 10 hari sebenarnya. Jadi ia agak berlawanan dengan semangat akta itu sendiri. Jadi kalau- ya lah, betul tentang kaedah perubatan tetapi juga kadar kesembuhan manusia juga berbeza. Jadi sebaiknya dikekalkan tempoh 20 hari. Kalau dipendekkan kepada 10 hari, akan ada pesalah-pesalah yang boleh terlepas. Kalau orang itu 11 hari contohnya, dia terlepas secara teknikal .

Puan Hajah Nancy Shukri: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan daripada awal tadi apabila saya menjawab, sebenarnya saya mendengar juga apa yang dicadangkan di sini yang mungkin boleh kita ambi kira pandangan-pandangan yang boleh untuk sekiranya kita hendak membuat pindaan selanjutnya. Kita sebagai kerajaan yang mendengar, kita akan melibatkan beberapa pihak-pihak yang tertentu.

Saya teringat tadi ada juga yang bertanya sama ada melibatkan- saya diminta untuk menjawabnya Yang Berhormat. Tempoh 10 hari adalah minimum, lebih daripada itu lagi baguslah. Jadi tadi...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Kalau mengikut pindaan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya lah sebelum ini 20 hari lebih baik tetapi sudah dipendekkan kepada 10 hari, maksudnya akan ada tapisan itu akan terlepas. Kalau dahulu kita menggunakan jala yang lebih kecil, sekarang jala yang lebih besar. Jadi ikan besar boleh terlepas.

Puan Hajah Nancy Shukri: Tidak apa Yang Berhormat...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Itu perbezaannya.

Puan Hajah Nancy Shukri: Yang Berhormat, kita mengambil kira oleh sebab dalam pindaan ini, saya sendiri hendak melihat kepada beberapa perkara yang mungkin hendak dipinda semula.

Tadi ada Yang Berhormat yang bertanyakan mengenai sama ada pindaan ini dirujuk kepada Peguam Negara. Sebenarnya memang mereka yang membuat dan mereka mempunyai kepakaran tertentu termasuk dalam bidang syariah.

Jadi sekiranya ada yang kita rasa mungkin perlu diperhalusi lagi seperti mana saya nyatakan semasa menjawab pada masa dalam Dewan Rakyat, *insya-Allah* kita boleh, boleh juga bagi kepada kita pandangan-pandangan. Sebenarnya saya dalam masa ini juga sedang mendapatkan lagi maklum balas daripada pihak-pihak yang tertentu lagi bagi menguatkan lagi ataupun sama ada bagi

membolehkan undang-undang kita ini menjadi salah satu rang undang-undang yang apabila menjadi akta nanti, ia menjadi satu rujukan yang lebih mantap untuk kegunaan kita untuk dilaksanakan.

Jadi dengan itu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 33** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1700

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2013

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.02 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2014 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 52 fasal yang dibahagikan kepada lima bab seperti berikut:

Bab I - Permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut.

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No. 2) 2013.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Bab II - Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II Bahagian Pertama yang terdiri 30 fasal iaitu fasal 3 hingga 32 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Ke semua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun tafsiran 2014 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya kecuali fasal 6, 20, 23, 24, 27, 28, 29, 31 dan 32. Mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan.

Fasal 4 bertujuan meminda subseksyen 2(1) bagi memberi definisi kepada *deferred annuity* (anuiti tertangguh), *permanent total disablement* (hilang upaya kekal) dan *serious diseases* (penyakit serius).

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4C bagi menjelaskan bahawa apa-apa laba atau keuntungan yang diterima daripada pelupusan stok perdagangan secara pengambilan wajib adalah dianggap sebagai laba atau keuntungan dari suatu perniagaan.

Fasal 6 bertujuan meminda subseksyen 6(1) bagi memperuntukkan bahawa cukai pegangan dikenakan jika seseorang individu mengeluarkan sumbangan yang dibuat olehnya ke dalam anuiti tertangguh sebelum mencapai umur 55 tahun. Peruntukan ini tidak terpakai jika pengeluaran adalah disebabkan hilang upaya kekal, hilang upaya mental, penyakit serius, kematian atau meninggalkan Malaysia secara kekal.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 18 bagi memperluaskan tarif keraian supaya termasuk perbelanjaan yang dilakukan dengan atau tanpa balasan bagi maksud mempromosi perniagaannya kepada pelanggan.

Fasal 8 bertujuan meminda subseksyen 21A bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan borang cukai dengan menerima tempoh perakaunan sebagai tempoh asas bagi tahun tafsiran. Peruntukan ini terpakai ke atas syarikat perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan juga koperasi.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen 24(1) berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 4C.

Fasal 10 bertujuan memasukkan subseksyen baru 29(3) untuk memperkemas peruntukan berhubung pendapatan faedah daripada transaksi pinjaman antara pihak berkaitan *related party*, yang berupaya untuk dituntut atau *attainable on demand*. Dengan pindaan ini faedah transaksi tersebut dianggap sebagai pendapatan pemberi pinjaman apabila faedah itu perlu dibayar oleh peminjam.

Fasal 11 bertujuan memasukkan subseksyen baru 33(4) bagi menjelaskan bahawa pembayar cukai hanya layak untuk menuntut potongan faedah daripada wang yang dipinjam apabila faedah itu sepatutnya dibayar. Pelarasan tafsiran cukai hendaklah dibuat bagi tahun-tahun faedah itu kena dibayar.

Fasal 12 bertujuan memasukkan subseksyen baru 39(1A) bagi memperuntukkan bahawa potongan yang dituntut oleh pembayar cukai tidak akan dibenarkan, jika ia gagal mengemukakan maklumat yang diminta bagi menyokong tuntutan itu dalam tempoh yang ditetapkan atau tempoh yang dibenarkan.

Fasal 13 bertujuan meminda subseksyen 44(7) bagi meluaskan potongan yang diberi di bawah subseksyen 44(6) ke atas sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi yang membeli bangunan bagi kegunaan keagamaan.

Fasal 14 bertujuan untuk memotong tarif *serious disease* di bawah subseksyen 46(2) dan dimasukkan di bawah subseksyen 2(1).

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 49 bagi menjelaskan bahawa perbelanjaan yang dibenarkan pelepasan adalah merujuk kepada bayaran premium anuiti tertanggung. Fasal 15 seterusnya memperjelaskan bahawa pelepasan anuiti tertanggung juga terpakai bagi premium yang dibayar oleh pembayar cukai untuk dirinya atau pasangannya.

Fasal 16 bertujuan meminda subperenggan (5)(b) dan (7)(b) seksyen 60AA untuk memasukkan peruntukan yang membenarkan perbelanjaan fi pengurusan dana am takaful diberi potongan sama seperti layanan ke atas dana am insurans konvensional. Fasal 16 seterusnya meminda subperenggan (9)(b) dan (10)(b) bagi memasukkan peruntukan bahawa perbelanjaan komisen dan diskaun berkaitan dengan perniagaan am dibenarkan sebagai potongan dalam mengira cukai pendapatan bagi dana pemegang saham.

Fasal 17, fasal 18, fasal 19 bertujuan meminda seksyen 60F, 60H dan 63B. Masing-masing untuk menyeragamkan formula yang digunakan bagi menentukan amaun perbelanjaan yang boleh dibenarkan atau dituntut oleh syarikat pelaburan induk, syarikat dana tertutup dan amanah unit.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 75A bagi memastikan mana-mana pengarah syarikat yang mempunyai pegangan saham ataupun kawalan syarikat tidak kurang daripada 20% modal saham biasa adalah bertanggungjawab untuk membayar hutang cukai yang dikenakan.

Fasal 21 bertujuan memasukkan subseksyen 77A(1A) untuk mewajibkan syarikat mengemukakan borang cukai pendapatan melalui *e-filing* dan menetapkan syarikat untuk mengemukakan borang tersebut berdasarkan kepada akaun beraudit.

Fasal 22 bertujuan memasukkan seksyen baru 77C bagi memperuntukkan bahawa potongan cukai bulanan (PCB) yang dibuat oleh majikan dianggap sebagai cukai muktamad, *final tax*. Langkah ini akan memudahkan pembayar cukai individu yang layak supaya tidak perlu mengemukakan borang cukai pendapatan.

Fasal 23 bertujuan memasukkan subseksyen baru 99(4) bagi menjelaskan bahawa rayuan di bawah seksyen ini tidak terpakai bagi rayuan ke atas tafsiran cukai yang dibuat di bawah subseksyen 90(1) dan seksyen 91A selaras dengan sistem tafsiran sendiri. Walau bagaimanapun, rayuan boleh dibuat sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan tafsiran cukai yang dibuat berdasarkan ketetapan umum di bawah seksyen 138A.

Fasal 24 bertujuan meminda seksyen 102 untuk memasukkan peruntukan penangguhan bagi kes-kes rayuan oleh pembayar cukai melalui Borang Q sekiranya pada masa yang sama rayuan melalui *mutual agreement procedure* (MAP) dibuat bagi isu yang sama. Rayuan ini hanya boleh dikemukakan pada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan apabila prosedur perjanjian bersama dimuktamadkan dan atas permohonan yang dibuat oleh pembayar cukai berkenaan.

■1710

Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 107C susulan daripada pindaan kepada subseksyen 21A bagi memperluaskan kelonggaran pengemukaan anggaran cukai ke atas syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi daripada RM2,500,000. Dengan pindaan ini syarikat sedemikian tidak perlu mengemukakan anggaran cukai dalam tahun taksiran syarikat itu memulakan operasinya dan dua tahun berikutnya, jika modal berbayar tidak melebihi daripada RM2,500,000 bagi setiap tahun taksiran.

Fasal 26 bertujuan meminda seksyen 109E bagi memberi pilihan kepada pengendali takaful untuk tidak mengutip dan meremit cukai pegangan jika pengendali takaful itu tidak menuntut potongan daripada pendapatan di bawah seksyen 60AA berikutan pengagihan keuntungan kepada peserta takaful.

Fasal 27 bertujuan meminda seksyen 109G susulan pengenaaan cukai pegangan sekiranya caruman anuiti tertanggung dikeluarkan sebelum mencapai umur 55 tahun.

Fasal 28 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 132B bagi memperluaskan peruntukan sedia ada yang membenarkan perkiraan pertukaran maklumat percukaian antara dua pihak bilateral di bawah seksyen 132 dan 132A kepada perkiraan dengan kerajaan negara luar sama ada secara bilateral mahupun perjanjian berbilang pihak, multilateral dengan tujuan untuk bantuan pentadbiran bersama yang antara lain termasuk pertukaran maklumat secara automatik.

Fasal 29 memasukkan subseksyen baru 140(2A) untuk menjelaskan bahawa notis boleh dikeluarkan untuk mengarahkan mana-mana orang untuk membayar cukai dalam masa ditetapkan yang sepatutnya di potong oleh pembayar cukai tersebut disebabkan penguatkuasaan seksyen 140.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 140B bagi mengenakan faedah ke atas pinjaman atau pendahuluan daripada dana dalaman syarikat kepada pengarah syarikat di bawah seksyen 75A yang diberikan tanpa faedah atau di bawah kadar pasaran. Kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kadar asas pinjaman purata bank komersial yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Fasal 31 bertujuan meminda bahagian 16 Jadual 1 susulan pengenaaan cukai pegangan sekiranya caruman anuiti tertanggung dikeluarkan sebelum mencapai umur 55 tahun. Kadar cukai pegangan yang dikenakan adalah 8%.

Fasal 32 bertujuan memasukkan perenggan baru 38B dalam Jadual 3 untuk menetapkan layanan cukai berhubung tuntutan elaun modal untuk aset yang dipindahkan oleh suatu perkongsian atau syarikat kepada perkongsian liabiliti terhad berikutan penukaran struktur perniagaan perkongsian atau syarikat tersebut menjadi sebuah perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 32 seterusnya memasukkan perenggan baru 76A dalam Jadual 3 bagi menetapkan bahawa dalam tahun pertukaran perkongsian atau syarikat menjadi perkongsian liabiliti terhad, elaun modal hanya boleh dituntut sama ada oleh pemilik asal atau oleh pemilik baru.

Bab III - Pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab III yang terdiri dari tiga fasal iaitu fasal 33 hingga 35 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 33 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan.

Fasal 34 bertujuan meminda seksyen 9 bagi menjelaskan bahawa keperluan menyimpan rekod dalam tempoh tujuh tahun juga terpakai ke atas *cheque*, nota kontrak, polisi insurans dan borang pendaftaran bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda peruntukan sedia untuk membolehkan pemungut untuk meremit atau mengurangkan sebarang amaun pembayaran yang perlu dibayar di bawah subseksyen 9(3).

Bab IV – Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab IV yang terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 36 hingga 43 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 36 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa bagi tahun tafsiran 2014 dan tahun-tahun tafsiran berikutnya kecuali bagi fasal 39 dan fasal 41 yang mula berkuat kuasa apabila akta ini dikuatkuasakan.

Fasal 37 meminda seksyen 2 bagi memperluaskan takrif keraian selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 38 meminda seksyen 30 untuk menetapkan supaya borang cukai pendapatan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah disediakan berdasarkan kepada akaun yang diaudit oleh akauntan bertauliah selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 39 meminda seksyen 46 untuk memasukkan peruntukan penangguhan bagi kes-kes rayuan oleh pembayar cukai melalui borang Q sekiranya pada masa yang sama rayuan melalui *Mutual Agreement Procedure* (MAP) dibuat bagi isu yang sama. Ini adalah selaras dengan cadangan pindaan yang serupa di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 40 bertujuan memasukkan bab baru IA dan seksyen 71A untuk membolehkan permohonan pembayar cukai kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri untuk perkiraan penentuan harga awal. Bagi perkiraan pengelakan percukaian dua kali, pindaan ini juga membolehkan pihak berwajib kedua-dua negara berjanji untuk memasuki perkiraan penentuan harga awal.

Fasal 41 bertujuan memasukkan subseksyen baru 72A(7) untuk menjelaskan bahawa bagi menentukan harga pindahan dan permodalan tipis orang yang boleh dikenakan cukai adalah merujuk kepada pihak dalam satu perjanjian petroleum yang menjalankan transaksi kepada syarikat yang berkaitan dengannya.

Fasal 42 bertujuan memasukkan subseksyen baru 83(1)(bb) bagi membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah berkenaan skop dan prosedur perkiraan harga awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Fasal 43 meminda perenggan 3A dalam Jadual 1 untuk mengehadikan pemindahan perbelanjaan eksplorasi yang layak hanya daripada kawasan yang belum menghasilkan sebarang pengeluaran kepada kawasan yang berada dalam peringkat pengeluaran berdasarkan formula yang ditetapkan. Pemindahan ini hanya boleh dilakukan secara seperingkat sahaja.

Bab V - Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab V mempunyai enam fasal iaitu fasal-fasal 44 hingga fasal 49 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 44 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan kecuali bagi fasal 49 yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Fasal 45, fasal 46 dan fasal 47 meminda seksyen 14, seksyen 15 dan seksyen 29 dengan memasukkan subseksyen baru, masing-masing untuk menjelaskan bahawa bayaran atau penalti hendaklah dikira atas amaun cukai yang kena dibayar sebelum apa-apa potongan kerugian yang boleh dibenarkan.

Fasal 48 meminda sub perenggan 54B Jadual 1 selaras dengan pindaan fasal 20 di atas berhubung bertanggung cukai syarikat ke atas pengarah.

Fasal 49, meminda Jadual 5, untuk mengenakan cukai keuntungan harta tanah pada kadar yang baru bagi membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah.

Bab VI, yang terakhir. Pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab VI mempunyai tiga fasal iaitu fasal-fasal 50 hingga 52, bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 190. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut.

Fasal 50 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan.

Fasal 51 dan fasal 52 bertujuan untuk meminda seksyen 21 dan memasukkan seksyen baru 21A bagi menjelaskan kaedah baru untuk menetapkan dan meminda borang-borang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki di dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya setakat ini ada menerima lima nama dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader untuk memulakan. Silakan Yang Berhormat.

5.19 ptg.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 ini.

Saya terus pergi kepada perkara fasal 13 iaitu untuk memperluaskan potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembelian bangunan dan rumah ibadah. Saya menyambut baik niat kerajaan dalam melihat kembali fasal tersebut kerana rumah-rumah ibadah ini adalah salah satu tunjang pembangunan negara melalui masyarakat harmoni selaras dengan Rukun Negara kita iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembinaan dan penambahbaikan rumah ibadah sahaja. Di dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam konteks khairat dan juga kebajikan untuk pelepasan cukai bagi pembangunan rumah ibadah ini, apakah rumah ibadah juga termasuk dalam kategori rumah anak yatim, rumah kebajikan dan juga sekolah-sekolah yang tidak ada berorientasikan kepada keuntungan.

■1720

Kalau di sini hanya sebut rumah ibadah sahaja, saya harap kerajaan dapat menimbang dengan teliti agar sebarang aktiviti kebajikan dan kerja amal dapat dikecualikan bersama-sama dengan ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang penting dan harus diberi tumpuan yang mendalam. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setiap pembangunan rumah ibadah sama ada masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya harus mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan dan juga pihak Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing sebelum membuat apa jua pungutan.

Bagaimana dengan sekolah-sekolah agama rakyat yang pada ketika ini kita dapat lihat ada sekolah tahfiz, ada sekolah agama rakyat memungut derma daripada orang ramai dengan menggunakan murid-murid. Menyalahgunakan murid-murid bagi maksud mengutip derma dan sumbangan. Perkara ini bukan sahaja berlaku dalam negeri bahkan di luar negeri untuk memungut pungutan ini.

Jadi, perkara ini seharusnya kita hentikan dan kita mahu melihat supaya apa jua permohonan untuk memungut derma-derma ini mestilah mendapat kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga pihak kerajaan negeri. Saya juga ingin tahu sehingga kini berapakah jumlah kes yang telah dibawa ke mahkamah atas kesalahan sedemikian dan apakah tindakan susulan bagi memastikan perkara ini tidak diulangi.

Seterusnya, saya ingin pergi kepada perkara fasal 22 berkenaan potongan cukai bulanan (PCB) sebagai cukai muktamad. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab majikan pada ketika ini bagi menentukan supaya apa juga cukai-cukai yang dikenakan kepada pekerja-pekerja, mereka mestilah dibuat bayaran melalui potongan gaji. Jika dahulu pekerja-pekerja dikehendaki membuat dan

memerlukan borang taksiran tetapi pada ketika ini pihak majikan adalah dipertanggungjawabkan bagi memastikan supaya individu-individu yang mempunyai satu punca pendapatan membuat pilihan sama ada mengemukakan borang cukai pendapatan ataupun majikan masing-masing membuat terus potongan.

Ini adalah satu perkara yang memudahkan dan meningkatkan pematuhan pembayaran cukai. Saya juga ingin menyarankan agar pemulangan potongan yang berlebihan ini dapat dibuat dengan segera. Apabila cadangan untuk memotong ini diberikan kepada majikan, biarlah ia berpatutan dan jangan sampai berlebihan yang terlalu besar bezanya.

Seterusnya, saya juga menyentuh fasal 7 iaitu mengenakan cukai pegangan ke atas pengeluaran awal daripada anuiti tertanggung sebelum mencapai umur 55 tahun. Sebenarnya, ini ada bersangkutan dengan apa jua polisi-polisi insurans. Apabila pengeluaran awal, adakah kita akan berikan kelonggaran kepada mereka yang membuat pengeluaran kerana urusan rawatan dan perubatan. Keduanya, kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran atau ketiganya, mungkin hendak mengerjakan ibadah haji.

Jadi, saya ingin sarankan agar pengeluaran sedemikian tidak dihadkan kepada maksud di atas tetapi bagi maksud-maksud yang saya ketengahkan tadi. Dahulu ia hanya menghadkan kepada mereka yang akan meninggalkan negara untuk terus tidak memegang warganegara Malaysia.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara fasal 49 iaitu Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pada ketika ini, dalam pembentangan bajet yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan dalam usaha kita untuk memastikan supaya tidak ada spekulasi harga-harga rumah dan juga hartanah meningkat dengan mendadak. Maka, ditingkatkan lagi RPGT sebanyak 30% kepada mereka yang menjual bawah daripada tiga tahun, 20% kepada empat tahun, 15% kepada tahun kelima dan juga 5% kepada pada tahun keenam.

Keputusan ini memang cukup bijak. Bukan sahaja kita dapat menambahkan pendapatan, bahkan kita memastikan supaya harga rumah akan terus akan dapat dikawal. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan atas dasar ini yang benar-benar prihatin terhadap pengawalan harga rumah yang dilihat melambung naik mendadak. Akan tetapi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, pada ketika ini kita dapat lihat banyak penyelewengan dilakukan dalam RPGT ini. Misalnya, pembeli-pembeli rumah boleh melarikan diri daripada RPGT kerana setiap kali mereka membeli rumah, sebelum rumah itu didirikan mereka telah menandatangani perjanjian jual beli. Jadi, tarikh dikira berkuat kuasa daripada tarikh perjanjian itu ditandatangani.

Jika rumah tersebut mengambil masa selama lima tahun untuk disiapkan, maka apabila rumah itu telah siap dibina, apabila ada transaksi penjualan, pembeli asal dapat melarikan diri daripada membayar cukai RPGT yang sebenar. Mohon kerajaan dapat meneliti kembali situasi sedemikian. Saya ingin menyentuh soal cukai-cukai daripada pinjaman, terutama sekali faedah pinjaman itu yang sukar bagi kerajaan untuk memastikan jumlah pinjaman dan kadar faedah pinjaman, terutama sekali yang meminjam daripada peminjam wang yang tidak berlesen.

Dalam erti kata lain, ada juga yang selalu pinjam daripada kawan, pinjam daripada saudara atau 'ah long' dan sebagainya. Jadi, apakah kerajaan mempunyai satu sistem atau langkah bagi pihak kementerian atau pegawai-pegawai yang berkenaan, terutama sekali LHDN, untuk melihat berapakah kerugian pihak kerajaan kerana tidak mendapat cukai pendapatan-pendapatan daripada peminjam-peminjam yang tidak berlesen ini. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap 'ah long' yang berleluasa untuk menyeksa para peminjam atau orang yang susah untuk mendapat dana untuk menjalankan perniagaan ataupun meminjam untuk melebarkan rumah, perniagaan ataupun membuat penyambungan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh soal *black economy*. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah atau anggaran kerugian yang dihadapi oleh kerajaan daripada *black economy* ini melalui cukai-cukai daripada Kastam. Terutama sekali kutipan-kutipan daripada barang yang diimport ke negara kita yang *under declare*, yang masuk ke negara kita dan juga wang-wang yang tidak direkodkan. Terutama sekali mata wang asing yang masuk ke negara kita melalui *money laundering* di negara kita walaupun kita ada undang-undang yang spesifik untuk mengatasi masalah ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai aktiviti penyeludupan. Saya dimaklumkan bahawa sejumlah 17% kadar penyeludupan rokok telah direkodkan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, ekoran daripada menaikkan duti eksais kepada semua bentuk rokok, *cigar* dan sebagainya, berapakah jumlah kutipan yang dijangka dapat diperolehi? Sedarkah Yang Berhormat bahawa ekoran daripada kenaikan ini, maka rokok-rokok seludup makin bertambah di pasaran oleh sebab rokok seludup ini murah jika dibandingkan dengan rokok yang dikenakan duti.

Ini boleh merugikan pendapatan negara. Dari sudut pandangan saya, menaikkan kadar duti rokok ini tidak boleh membendung penyeludupan sebab ia akan menambah meningkatkan lagi penyeludupan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam membendung aktiviti penyeludupan ini, khasnya penyeludupan rokok? Saya menyokong bahawa cukai ini dinaikkan lagi memandangkan cukai kita hanya sejumlah 45% berbanding negara-negara maju seperti Australia sebanyak 68%, Singapura 69% ataupun Indonesia sebanyak 52%.

Saya menyokong agar ia dapat dinaikkan lagi sehingga 50%. Jika ia bersesuaian kerana aktiviti merokok ini membawa banyak keburukan daripada kebaikan. Jadi, apa yang kita laksanakan ini adalah satu usaha sebenarnya tepat, lagi tinggi, lagi bagus sebenarnya. Malaysia telah pun menjadi ahli WHO atau *World Health Organization on Framework Convention on Tobacco Control*, dengan izin. Ini adalah langkah untuk mengenakan cukai bersesuaian dengan peruntukan Artikel 6, WHO ini dan kajian *Global Adult Tobacco Survey (GATS) 2011*, dengan izin, mendapati 70% rakyat Malaysia bersetuju kenaikan cukai untuk hasil tembakau. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

5.30 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan kesempatan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan yang pantas dan tuntas memperkenalkan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 bagi membolehkan pelaksanaan percukaian sebagaimana yang diumumkan dalam Bajet 2014 dan langkah penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta.

Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dengan 52 fasal dan dibahagikan kepada enam bab. Pindaan akta-akta ini adalah tepat pada masanya untuk penambahbaikan dan menyediakan peruntukan-peruntukan yang lebih jelas dan lebih telus. Khususnya bagi melahirkan sistem percukaian yang berdasarkan kesedaran dan tanggungjawab rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu fasal 8 yang bertujuan meminda seksyen 18 bagi memperluaskan takrif keraian supaya termasuk perbelanjaan atau balasan dalam bentuk tunai dan sebagainya bagi maksud mempromosi perniagaannya kepada pelanggan.

Langkah ini wajar bagi membolehkan syarikat-syarikat perniagaan menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan mempromosi perniagaan, produk dan barangan pengeluaran syarikat dan perkhidmatan kepada pelanggan. Saya menyokong pindaan ini bagi membolehkan syarikat meningkatkan jualan dan mutu perkhidmatan bagi kepuasan pelanggan. Dalam hubungan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada pindaan ini akan memberikan syarikat ruang untuk tujuan keraian ke atas kakitangan syarikat, khususnya sebagai insentif dan galakan kepada kakitangan syarikat itu meningkatkan prestasi.

Khususnya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 21 bagi meminda seksyen 77A Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) dengan subseksyen (1)(a) iaitu untuk mewajibkan syarikat mengemukakan borang cukai pendapatan *e-filing* berdasarkan kepada akaun beraudit. Langkah ini adalah sejajar dengan pindaan fasal 8 yang meminda subseksyen 21A bagi memudahkan pembayar cukai mengemukakan borang cukai dengan menerima tempoh perakaunan sebagai tempoh asas. Saya percaya langkah kerajaan ini akan memperkemaskan lagi pungutan cukai syarikat-syarikat kerana diwajibkan mengemukakan borang cukai melalui *e-filing*.

Langkah mewajibkan syarikat mengemukakan borang pendapatan tersebut berdasarkan perakaunan beraudit adalah wajar bagi memastikan ketepatan dan kewibawaan akaun yang dikemukakan. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan fasal 13 yang bertujuan meminda subseksyen 44(7) bagi meluaskan potongan yang diberi di bawah subseksyen 44(6), ke atas sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi yang membeli bangunan keagamaan. Sebelum

ini kerajaan memberikan pelepasan bagi pembinaan bangunan baru dan sekarang ini kepada bangunan baru.

Saya ingin mencadangkan kerajaan memberikan pelepasan kepada pembelian bangunan sedia ada khususnya bukan sahaja untuk tujuan sebagai rumah ibadat tetapi juga untuk tujuan khairat dan kebajikan seperti rumah-rumah anak yatim, orang-orang tua dan sekolah-sekolah yang tidak berasaskan keuntungan. Akhirnya, saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah langkah kerajaan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 ini mampu meningkatkan hasil negara dan berapakah sasaran kutipan hasil cukai negara.

Sehubungan dengan itu, saya mohon kerajaan mengkaji semula kadar cukai individu sedia ada supaya tidak membebankan individu terutama yang berpendapatan RM5,000 ke bawah memandangkan kos sara hidup yang terus meningkat. Saya juga ingin menarik perhatian kerajaan di mana difahamkan kakitangan TNB menerima bonus lima bulan gaji pada 18 Disember 2013 kelmarin, dalam masa yang sama pada tahun hadapan telah diuar-uarkan takrif elektrik bakal dinaikkan. Tidakkah kerajaan sedar TNB telah mengaut keuntungan yang besar tetapi dalam masa yang sama agak menekan kepada rakyat.

Kerana itu saya mencadangkan supaya hal ini dikaji semula. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk membahaskan lebih dengan lebih panjang lebar. Dengan ini saya mohon menyokong dan sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

5.37 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan yang wajar mencadangkan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 bagi membolehkan pelaksanaan percukaian sebagaimana yang diumumkan di dalam Bajet 2014 dan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkenaan.

Pindaan akta-akta ini adalah tepat pada masanya untuk penambahbaikan dan sistem cukai taksiran sendiri. Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung dengan fasal 13 lagi meminda subseksyen 44(7) bagi memperluaskan potongan cukai diberi di bawah subseksyen 44(6) ke atas sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi untuk pembelian bangunan bagi kegunaan rumah ibadah. Sebelum ini kerajaan telah meluluskan pengecualian cukai bagi pembinaan rumah ibadah.

Saya ingin membangkitkan, sejauh manakah potongan cukai ini boleh digunakan bagi pembelian rumah yang telah lama yang telah siap dibina. Saya juga mendapatkan penjelasan sama ada pindaan ini juga melibatkan pembinaan dan pembelian bagi tujuan khairat dan kebajikan umpamanya rumah anak yatim, rumah orang tua, rumah orang jagaan pesakit tertentu dan rumah kebajikan lainnya. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan turut menimbangkan potongan cukai ini bagi pembinaan sekolah agama dan sekolah tahfiz yang tidak bermotifkan keuntungan.

Akhirnya saya ingin menyentuh fasal 22 yang memasukkan seksyen baru 77C bagi memperuntukkan bahawa potongan cukai bulanan iaitu PCB yang dibuat oleh majikan terhadap-majikan dianggap sebagai cukai muktamad atau *final tax*. Pada masa ini pekerja-pekerja bertanggungjawab untuk mengisi borang taksiran tetapi dengan pindaan ini majikan bertanggungjawab untuk membuat potongan PCB.

■1740

Langkah ini memudahkan dan meningkatkan pematuhan pembayaran cukai. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah praktikalnya pindaan ini untuk menyediakan cukai muktamad atau *final tax* memandangkan PCB hanya merupakan anggaran berhubung dengan pendapatan dan perbelanjaan bercukai bagi tahun berkenaan.

Tambahan pula, banyak lagi potongan-potongan cukai seperti zakat, pembelian buku, rawatan perubatan, peralatan kesihatan dan lain-lain potongan cukai bagi tempoh tahun yang berkenaan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, bilangan pembayar cukai individu yang membuat potongan cukai bulanan iaitu PCB dan berapakah bilangan pembayar cukai yang menggunakan sistem e-Filling bagi tafsiran cukai. Apakah langkah kerajaan bagi menggalakkan tafsiran cukai melalui e-Filling. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Puan Roslin. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

5.41 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mungkin ambil masa sedikit sahaja dengan tujuan untuk memberi ruang kepada rakan-rakan saya untuk mengambil bahagian membahaskan dalam Rang Undang-undang Kewangan 2013 ini.

Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan dalam Rang Undang-undang Kewangan pada hari ini.

Pertamanya saya ingin menyentuh peruntukan berkaitan pindaan seksyen 13 rang undang-undang berkaitan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyebut cadangan untuk meluaskan potongan cukai yang diberi di bawah seksyen 44(6) ke atas sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi yang membeli bangunan bagi kegunaan keagamaan. Pindaan ini amat tepat sekali dengan keadaan sekarang yang banyak pihak-pihak tertentu terutamanya syarikat pertubuhan koperasi individu dan sebagainya telah membeli bangunan-bangunan seperti rumah kedai, rumah, pejabat-pejabat

digunakan untuk kegunaan keagamaan termasuk tempat mereka menjalankan aktiviti keagamaan, belajar Al-Quran. Contohnya tahfiz dan lain-lain yang telah menyumbang kepada agama mereka.

Ini menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan dalam hal keagamaan rakyat. Saya lihat banyak bangunan komersial sekarang dibeli dan digunakan untuk keagamaan. Jadi, langkah kerajaan ini menunjukkan niat baik kerajaan. Walau bagaimanapun, saya mohon kepada pihak kerajaan supaya dapat memantau dan juga mengawal agar insentif yang kerajaan beri ini tidak disalahgunakan oleh pihak tertentu dan menyebabkan tujuan dan matlamat pindaan ini untuk keharmonian dan kemaslahatan umum tidak akan tercapai. Sewaan di sini saya ingin minta penjelasan kepada kementerian berkenaan dengan kegunaan keagamaan. Apakah maksud kegunaan keagamaan tersebut? Adakah ia meliputi pengajian agama seperti kelas tahfiz, sekolah agama dan sebagainya? Mohon penjelasan.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara kedua berkaitan dengan fasal 49 iaitu berkaitan kajian semula kadar cukai keuntungan hartanah (CKHT). CKHT adalah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan semua jenis hartanah seperti rumah kediaman, bangunan komersial, tanah dan saham dalam syarikat hartanah. Kadar CKHT adalah antara 0% hingga 30% bergantung kepada tempoh pegangan. Tempoh pegangan pula merujuk kepada satu tempoh antara tarikh pemerolehan hartanah merujuk kepada tarikh dalam perjanjian jual beli yang termaktub dalam borang pindah milik bersestem.

Bagi warganegara dan pemastautin tetap, CKHT tidak dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan sebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup. Bagi semua individu, CKHT juga tidak dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu. Dalam bajet baru-baru ini, kerajaan juga akan meluluskan 30 projek rumah mampu milik yang melibatkan sebanyak 44,227 unit rumah di seluruh negara di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia.

Memandangkan keadaan sekarang dengan kenaikan harga rumah yang agak tinggi dan masih ramai rakyat yang memerlukan rumah, namun aktiviti spekulasi harga hartanah yang telah menekan hak-hak ramai rakyat untuk memiliki rumah sendiri berleluasa. Kita harap pindaan ini mampu membantu rakyat. Dengan dasar kerajaan ini, mulai tahun hadapan kerajaan akan menaikkan CKHT sebanyak 30% jika menjual kurang daripada tiga tahun, 20% jika kurang dua tahun, 15% jika lima tahun dan 5% jika enam tahun. Jadi kita sangat mengalu-alukan usaha kerajaan ini dan menyokong pindaan ini bagi terus membendung aktiviti spekulasi ini dan menghalang pihak-pihak tertentu memonopoli aktiviti jual beli hartanah. Tindakan ini kita juga berharap agar kerajaan dapat mengkaji semula harga hartanah yang dijual agar tidak terlalu tinggi sehingga berjuta-juta ringgit dan rakyat terutama kaum bumiputera tidak mampu membeli rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya janjikan tadi saya tidak akan bercakap panjang. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Sebelum saya teruskan, saya ingin menarik semua perhatian Ahli Yang Berhormat, kita ada beberapa rang undang-undang. Saya minta sekiranya Ahli

Yang Berhormat hendak berucap dalam mana-mana rang undang-undang, sila kemukakan nama kerana senang kita hendak buat perkiraan masa.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

5.46 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2013 satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997, Akta Setem 1949, Akta Perolehan Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Secara umumnya, tujuan utama rang undang-undang ini adalah untuk menambahkan lagi cukai, untuk memperhalus lagi perkiraan cukai dan juga yang mana akhir kesannya adalah tujuan kerajaan untuk mencari lebih banyak lagi pungutan cukai daripada rakyat sama ada yang bekerja biasa melalui cukai pendapatan ataupun syarikat-syarikat perniagaan. Sewajarnya pindaan rang undang-undang ini tepat pada waktunya dalam keadaan ekonomi dunia hari ini, kerajaan memperkemas sistem percukaian negara bagi tujuan menambah pendapatan negara. Akan tetapi dalam waktu yang sama, isu ketirisan dan pembaziran dalam perbelanjaan juga wajar ditangani sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun dalam usaha menambahkan pendapatan cukai ini, kita lihat ada juga kelonggaran-kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan dalam pindaan rang undang-undang ini seperti fasal 37 iaitu memperluaskan takrifan bagi maksud mempromosi perniagaan. Ini kita fikir banyak memberi kebaikan kepada syarikat-syarikat perniagaan. Cuma apa yang ingin disuarakan adalah keresahan rakyat terkini dengan desas-desus kenaikan bayaran tol oleh beberapa konsesi lebuhraya pada Januari 2014 nanti, tahun depan. Ramai yang mengharapkan agar kerajaan menangguhkan dulu cadangan kenaikan tol ini.

Kadar kenaikan tol pada kali ini amat tinggi. Maklumat yang diterima antara 30 sen hingga RM1 bagi satu perjalanan. Ini sangat membebankan rakyat yang telah pun dibebani dengan beberapa siri kenaikan harga barang dalam perkhidmatan semenjak September lalu. Rakyat jelata amat terasa bebannya. Sudahlah tarif elektrik baru dinaikkan, kalau tidak silap kadar tambang bas sekolah juga hendak dinaikkan. Jadi mohon kerajaan mempertimbangkan agar kenaikan ini ditangguhkan dan penerangan sejelasnya harus diberikan kepada rakyat rasionalnya kenaikan ini nanti.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maklum akan jumlah keuntungan dan jumlah pendapatan kerajaan iaitu hasil cukai bagi konsesi lebuhraya seluruh negara bagi tahun 2010 hingga 2012. Saya juga mohon penjelasan apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam menangani isu kenaikan tol. Mohon agar pendapatan kerajaan daripada percukaian ini benar-benar dapat membantu rakyat jelata. Walaupun sering kali kerajaan nyatakan apa-apa kenaikan tidak

membebankan rakyat dan kenaikan munasabah tetapi hakikatnya kesannya amat terasa oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara fasal 13 iaitu memperluaskan potongan cukai ke atas sumbangan kepada tabung untuk pembelian bangunan dan rumah ibadah. Mohon penjelasan mengenai maksud rumah ibadah. Adakah pembinaan rumah-rumah tahfiz dan pengajian ilmu agama juga dikira sebagai rumah ibadah dan adakah diharapkan maksud ini dapat diperluaskan memandangkan banyak permintaan terhadap pembinaan pondok-pondok tahfiz dan pusat pengajian ilmu agama bukan hanya untuk kanak-kanak malahan untuk golongan dewasa juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon sedikit penjelasan mengenai jumlah kutipan cukai pendapatan negara bagi tahun 2012 dan 2013 dan pecahan mengikut pendapatan oleh sektor kerajaan dan sektor swasta. Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menangani masalah individu atau syarikat swasta yang sememangnya enggan membayar cukai pendapatan? Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya sebelum saya duduk, saya mengambil kesempatan merakamkan jutaan terima kasih kepada PDRM, ATM, JPAM, Kesihatan, Pasukan Bomba dan Penyelamat, RELA dan seluruh NGO di seluruh negara yang turut membantu Kemaman semasa Kemaman dilanda banjir baru-baru ini. Kemaman amat menghargainya. Semoga Allah sentiasa merahmati kita atas segala kebaikan yang kita lakukan. Sekian, saya mohon menyokong. *Wabillahi Taufik wal-hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikummussalam.* Saya ada cuma setakat di depan saya, cuma ada seorang lagi, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim dan saya minta juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kalau akta-akta yang lain nanti kalau sekiranya ada, sila kemukakan nama sekarang supaya senang saya hendak mencaturkan masa. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

5.53 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan Kedua 2013. Untuk menjimatkan masa dan oleh sebab banyak yang telah memberi pendapat, saya hanya hendak memberi pandangan berhubung dengan Bab V iaitu pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 ataupun RPGT.

Pada pandangan saya, pindaan pembayaran RPGT adalah kena pada masanya untuk membendung spekulasi dalam industri hartanah. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, mengikut statistik yang saya ada dalam masa lima tahun iaitu di antara tahun 2008 hingga tahun 2012, kenaikan harga hartanah di Kuala Lumpur ialah puratanya ialah rumah teres dua tingkat sebanyak 13.8% setahun. Sekarang di Kuala Lumpur, harga rumah teres dua tingkat adalah di antara RM1 juta hingga RM1.5 juta.

Rumah *semi-detached* ataupun rumah berkembar dikatakan dua tingkat, telah jadi 2.5% hingga 2.75% satu unit ataupun kenaikannya 14.8%. Kondominium naik 10%. Harga ini lebih mendadak, kenaikan harga ini lebih mendadak di Selangor. Rumah teres dua tingkat kenaikannya ialah 12.5%, rumah berkembar ataupun *semi-detached* kenaikannya 15.2%. Rumah sesebuah ataupun banglo, kenaikannya sehingga 17.6% dan kondominium 19%.

Jadi, sungguhpun ada syarikat-syarikat pembinaan yang telah menyuarakan supaya kerajaan fikir kembali jangan naikkan RPGT ini kerana atas asas ianya akan melembapkan industri hartanah, ianya tak betul. Saya betul-betul berpendapat bahawa memang tiba masanya RPGT ini dinaikkan. Kalau Dewan yang mulia ini boleh saya bagi tahu, dalam tahun 2010 kita hanya kenakan 5%, kalau dijual dalam masa lima tahun. Tahun 2011, kita kenakan hanya 5%, tahun 2012 hanya 10%, tahun 2013 hanya 15%.

Oleh sebab itulah, maka keadaan spekulasi begitu mendadak dan harta hartanah kita istimewa pula di bandar-bandar, naik sebegitu mendadak sehinggakan kebanyakan daripada penduduk ataupun orang-orang kita tidak dapat membeli rumah ini, istimewa pula mereka-mereka yang berpendapatan sederhana.

Oleh sebab itu, saya hanya hendak menyuarakan bahawa saya amat-amat setuju di atas kenaikan RPGT ini. Itulah sahaja yang saya hendak bagi tahu dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil tindakan ini sebagai satu instrumen untuk menghentikan spekulasi yang tidak begitu sihat kalau ianya melampaui. Terima kasih, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang sampailah masanya saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.57 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dirakamkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Beberapa perkara yang dibangkitkan, antaranya seperti adakah pembelian bangunan sekolah agama dan rumah anak yatim yang tidak membuat keuntungan termasuk di bawah kemudahan menggunakan wang derma yang mendapat pelepasan cukai pendapatan.

Jawapannya adalah ya. Kemudahan pembelian adalah meliputi rumah ibadat dan juga bangunan sekolah agama dan anak yatim yang tidak membuat keuntungan. Mengenai PCB sebagai cukai muktamad, PCB boleh dibuat sebagai *final tax* di mana majikan boleh buat pelarasan atas permintaan pekerja pada bulan Julai dan November supaya cukai yang dikenakan dibayar bersamaan dengan potongan di bawah PCB. Adakah LHDN dapat menganggarkan cukai yang tidak dapat dipungut daripada peminjam wang tidak berlesen ataupun seperkara lagi ialah mengenai *the black economy* yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1997, pengenaan cukai adalah ke atas semua pendapatan sama ada pendapatan yang diperoleh itu mengikut lunas undang-undang ataupun pendapatan itu tidak mengikut lunas undang-undang. Seterusnya, pemberi pinjam wang yang tidak berlesen yang belum berdaftar akan dikesan menerusi aktiviti bank, melalui aktiviti *business* dan juga pengesanan dan pemerolehan maklumat daripada orang awam. Oleh kerana itu, mereka tidak boleh untuk melarikan diri. Mungkin sekarang ini kita adalah beberapa orang yang bebas tetapi nanti kita akan terus mengetatkan dan mengejar mereka. Mengenai *the black economy* ataupun *the shadow economy*, berapakah bilangannya atau berapakah jumlahnya.

■1800

Agak sukar untuk kita menetapkan berapakah jumlahnya. Walaupun demikian, ada satu anggaran menyatakan bahawa negara-negara seperti Malaysia ini adalah di dalam lingkungan 20% ke 30% daripada KDNK. Jumlahnya amat besar tetapi apabila kita memperkenalkan GST nanti, *the shadow economy* ataupun *the black economy* ini boleh dapat dikurangkan separuh kerana itu pengalaman di negara-negara maju dan di negara-negara yang telah melaksanakan GST.

Seterusnya juga ditanyakan mengenai kadar duti eksais rokok yang perlu dikaji. Kita mengambil perhatian tentang perkara ini. Dalam istilah bahasa Inggeris dipanggil "*sin tax*"; cukai terhadap barang-barang seumpama rokok, arak dan judi ini. Kita juga mengetahui bahawa jika kita naikkan mereka yang telah ketagih itu akan terus merokok. Walau bagaimanapun ia amat membahayakan kesihatan dan peningkatan kadar duti eksais pada 29 Julai 2013, kita ada naikkan sedikit baru-baru ini, ia akan meningkatkan hasil kerajaan sebanyak RM250 juta setahun.

Selain itu ditanyakan juga mengenai pengeluaran awal anuiti tertanggung yang dikenakan cukai. Adakah pengeluaran untuk sebab kesihatan dan menunaikan haji dibenarkan tanpa cukai? Sukacita ingin saya memaklumkan di sini bahawa ia telah menjadi satu isu dalam alam maya dan media maya, bagaimana Ahli Parlimen Yang Berhormat Pandan sebelum ini telah menimbulkan perkara yang sama dan saya telah jawab di Dewan Rakyat dan di Dewan ini juga. Saya memaklumkan tuduhan mengatakan bahawa selepas umur persaraan 55 tahun dituduh dikenakan cukai, apa yang disebut sebagai PRS ataupun Skim Persaraan Swasta itu. Apabila kita hendak keluaran umur 55 tahun, dikenakan cukai 25%.

Itu disebut oleh Yang Berhormat Pandan dan kemudian ia jadi *viral* dalam laman maya dan pagi tadi saya telah membuat satu sidang akhbar mengatakan bahawa perkara itu tidak ada kebenaran sama sekali. Ia tidak betul. Tidak ada perkara 25% itu. Sesiapa yang melibatkan diri dalam Skim Persaraan Swasta, jumlah pencarum setakat ini 36,663 orang. Nilai caruman RM147.3 juta dan angkanya semakin bertambah. Sesiapa yang mengeluarkan duit persaraan mereka selepas umur 55 tahun tidak ada dikenakan sebarang cukai. Akan tetapi kalau mereka mengeluarkan sebelum umur 55 tahun, bukan atas sebab perkara yang saya akan sebutkan sebentar lagi, ada lima sebab maka ia akan dikenakan 8%. Apakah lima sebab itu yang dikecualikan daripada cukai 8%? Cukai 25% ini langsung tidak ada. Yang ada 8% kalau dikeluarkan sebelum 55 tahun Skim Persaraan Swasta ini. Lima sebab tersebut adalah:

- (i) jika pencarum itu meninggal dunia;
- (ii) jika pencarum itu meninggalkan Malaysia untuk selama-lamanya juga tidak dikenakan cukai 8% itu;
- (iii) pencarum disahkan menghidap penyakit serius dan kritikal oleh pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia;
- (iv) jika pencarum disahkan hilang upaya kekal akibat daripada kemalangan dan pelbagai sebab; dan
- (v) pencarum disahkan menghidap ketidakstabilan mental, gila misalnya, maka kita boleh keluarkan caruman swastanya itu sebelum 55 tahun tanpa dikenakan cukai 8%.

Kenapa kita ingin mengenakan cukai 8% sebagaimana yang saya bacakan pada awal tadi, puncanya ialah kita ingin mereka menabung untuk masa depan apabila persaraan. Jika mereka ingin keluarkan, lebih baik mereka masukkan dalam bank, boleh keluarkan dan masukkan tetapi jika untuk persaraan dia kena tunggu 55 tahun. Kalau hendak keluar sebelum 55 tahun bukan atas lima sebab itu barulah dikenakan cukai 8%. Tujuannya bukan kerajaan inginkan sangat duit itu tetapi ialah tujuannya untuk mematikan insentif mereka itu.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa sesiapa yang terlibat dalam skim PRS ini, kerajaan akan memberikan RM500 secara *one-off* jika simpanan mereka RM1,000 ke atas dan jika umur mereka 20 hingga 30 tahun. Mereka akan dapat satu insentif RM500 setelah mereka masukkan RM1,001 dalam PRS ini. Maka mereka dapat RM500 secara *one-off*. Kerajaan juga ada satu lagi skim, dipanggil Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M). Yang ini 66,000 kepada golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, 66,000 pencarumnya. Jumlah caruman ialah RM240 juta. Selain daripada EPF, ini adalah tambahan-tambahan yang kerajaan berikan.

Kemudian, ada lagi yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah, apakah maksud penggunaan keagamaan. Adakah termasuk kelas tahfiz, pengajian al-Quran dan sebagainya. Aktiviti keagamaan adalah termasuk aktiviti memajukan sesuatu agama dan dalam konteks agama Islam, ia adalah termasuk pusat tahfiz, pengajian al-Quran dan aktiviti kebajikan meliputi rumah anak yatim. Permohonan pengecualian cukai perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk kelulusan.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanyakan berapakah jumlah kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun hadapan. Anggaran hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM224 bilion berbanding jumlah RM220 bilion dalam tahun 2013. Seterusnya juga ditanyakan bilangan yang membuat potongan PCB dan bilangan *e-Filing*. Bilangan individu yang mengemukakan borang secara *e-Filing*, jumlahnya 2.7 juta orang setahun dan cukai diterima pada tahun 2012, ini adalah satu angka 72% daripada pembukaan cukai dalam tahun 2012. Bilangan dalam tahun 2013 terus meningkat sehingga November.

Satu lagi ditimbulkan oleh Dato' Syed Ibrahim ialah PCB sebagai cukai muktamad dan *refund* dibuat segera, memastikan potongan tidak berlebihan. Setiap majikan adalah bertanggungjawab untuk

membuat potongan PCB ke atas setiap pekerja yang layak. PCB yang dipotong adalah bersamaan dengan cukai yang perlu dibayar pada akhir tahun. Lebihan PCB berlaku disebabkan terdapat potongan-potongan yang layak dituntut oleh pekerja dan boleh dituntut semasa pekerja mengemukakan borang cukai pendapatan pada akhir tahun. PCB tidak akan berlebihan sekiranya pekerja memaklumkan kepada majikan untuk membuat pelarasan.

Kemudian, mengenai pembayaran balik cukai pendapatan terlebih bayar atau *refund* ini. Pembayaran lebihan cukai atau *refund* perlu dibuat dalam tempoh 90 hari bagi kes *e-Filing* dan 120 hari bagi kes manual. Walau bagaimanapun dari segi amalan *refund* dikeluarkan dalam 30 hari. Sekiranya *refund* lewat dikeluarkan, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan bayar pampasan sebanyak 2% kepada pembayar cukai.

Kemudian Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah ada menyebut mengenai ketirisan dalam perbelanjaan. Itu kita akan terus memastikan ia tidak berlaku dan kita telah memastikan Laporan Ketua Audit Negara itu diambil perhatian serius oleh semua jabatan. Mengenai kenaikan harga beberapa barang, sukacita dimaklumkan di sini bahawa ia bukanlah satu perkara yang mudah kepada kerajaan untuk membuat keputusan apabila kita telah memberikan sesuatu kepada rakyat, adalah amat sukar untuk kita menarik balik segala perkara yang telah kita berikan kepada rakyat. Oleh kerana itu, penerangan dari semasa ke semasa akan diteruskan. Esok saya akan berada di Kedah dan juga Perlis peringkat negeri yang akan dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis dan Menteri Besar Kedah. Pada bulan hadapan 10 buah negeri lagi, saya akan mengetuainya untuk memberikan penjelasan mengenai rasionalisasi subsidi, penjelasan mengenai GST. Sebanyak 10 negeri dalam masa sebulan, Januari.

■1810

Kemudian 2 Februari tamat 14 buah negeri, di Wilayah pada 2 Februari. Semuanya kita ingin menerangkan tentang apakah kebaikan-kebaikan GST dan apakah maksud Bajet 2014 dengan 100 *touch point* yang kita berikan pada rakyat. Satu lagi ialah bagaimana pelarasan subsidi ini boleh membantu negara pada masa akan datang. Mula-mula memang sakit. Apabila kita sakit, kita kena ambil pil dan pil itu perlu ditelan misalnya selama tujuh hari. Kalau kita cuma makan tiga biji pil itu, kita tidak boleh baik. Jadi dia kena makan pil itu sehingga tujuh hari. Doktor kata makan tujuh hari sampai habis, barulah kita boleh baik.

Apakah penyakit ekonomi negara kita sekarang? Penyakitnya ialah defisit. Penyakitnya walaupun terkawal ialah hutang 53% daripada KDNK, hutang kita tidak boleh lebih daripada 55%. Sekarang ini 53%. Itu siling yang kita letakkan sendiri walaupun negara-negara lain, Singapura 100% lebih hutangnya daripada KDNK. Namun, Malaysia meletakkan siling yang lebih rendah daripada Singapura. Amerika lagi tinggi, UK lagi tinggi dan begitu juga Jepun, tinggi. Negara-negara jiran kita tinggi. Namun, kita ingin berhemah.

Oleh kerana itu kita ingin membuat pelarasan subsidi ataupun rasionalisasi subsidi. Kenapakah harga petrol naik 20 sen. Itu kerana kita kurangkan subsidi sebanyak 20 sen kepada RON 95 dan juga kepada diesel. Walaupun demikian, masih lagi 80 sen subsidi untuk satu liter diesel dan 63 sen untuk satu liter RON 95. Tanggungan kerajaan kepada subsidi ini ialah RM24.8 bilion atau RM2,000 juta

setiap bulan, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita boleh buat 2,000 dewan orang ramai di 2,000 buah kampung. Kampung Tuan Yang di-Pertua pun boleh buat dua, tiga dewan orang ramai Tuan Yang di-Pertua yang ada *fully air-condition*, dengan izin. Dewan satu juta muat.

Kampung kita ada 22,000 kampung seluruh Malaysia. Banyak kampung tidak ada segala kemudahan ini seperti dewan, balai raya dan sebagainya. Kita boleh buat 2,000 dewan harga RM1 juta satu. Kalau di FELDA, dewannya cuma RM600,000, besar. RM800,000 lagi besar. Bayangkan ini adalah jumlah subsidi, baru satu subsidi iaitu subsidi petroleum. RM2,000 juta sebulan dan RM2,000 juta sebulan ini boleh buat mungkin 1,500 masjid. Tiap-tiap bulan kita boleh buat 1,500 masjid. Kita boleh buat empat universiti sebulan dengan RM2,000 juta, dengan satu universiti harga RM500 juta kali empat universiti, lima kali empat, RM2,000 juta, empat universiti tiap-tiap bulan. Setahun 48 universiti. Sekarang ini universiti di Malaysia ini cuma ada 20 IPTA. Kita sudah merdeka lebih daripada 50 tahun tetapi kalau kita hentikan subsidi petroleum ini, kita dapat RM2,000 juta sebulan, boleh buat 4 universiti, 48 universiti setahun. Itu nilai RM2,000 juta.

Ke mana pergi RM2,000 juta itu? 80 sen satu liter diesel, 65 sen satu liter RON 95 dan semuanya terbakar hangus. Itu satu lagi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua. Duit itu terbakar hangus. Itulah yang kerajaan tidak dapat untuk menanggung seterusnya, maka kita tarik 20 sen. Namun, duit itu kita gunakan kembali pada rakyat dengan i-BR1M, insurans BR1M, peningkatan BR1M dan janji kita, kita akan tepati. Jadi itulah antara alasan kenapa kita melaksanakan perkara itu. Dari segi elektrik misalnya. Saya ingin memaklumkan di sini, maklumat yang diberikan kepada saya oleh TNB, 70% daripada pengguna tidak akan menerima kenaikan itu, tidak terlibat dengan kenaikan elektrik itu. Daripada 100 buah rumah, 70 rumah tidak kena naik. Tidak akan apa-apa berlaku tambahan bil di hujung kalau kita masih mengekalkan apa yang kita gunakan elektrik setakat ini. 30% rumah dan juga apa lagi...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh minta mencelah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, sedikit. Sila.

Dato' Lim Nget Yoon: Memang kita nampak yang 70% tidak terlibat hanya nampak begitu saja tetapi jangan lupa semua lapisan gunakan elektrik. Setujukah Yang Berhormat Menteri kenaikan tarif elektrik ini akan menyebabkan indeks inflasi dinaikkan dan serta menyusahkan golongan yang miskin?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tadi saya telah maklumkan bahawa daripada seratus rumah, 70 rumah tidak kena. Itu maksud 70%. Sebanyak 30 rumah lagi itu termasuklah sektor industri. Saya sudah menyemak buku yang diberikan oleh TNB. Walaupun TNB ini sepatutnya KeTTHA ya, kementerian lain yang menjawab. Saya telah menyemak jadualnya. Paling tinggi kenaikan untuk kilang misalnya mungkin RM1,000 sebulanlah. Begitu kenaikan.

Siapa-siapa yang menggunakan elektrik dan bilnya lebih kurang RM150, kenaikannya lebih kurang RM12 ke RM20. Siapa-siapa yang menggunakan elektrik lebih kurang RM150, itu kenaikan. Siapa-siapa yang mempunyai bil elektrik RM77 dan ke bawah sebulan, tidak akan dikenakan dengan sebarang kenaikan yang diumumkan. Siapa-siapa yang mempunyai bil elektrik RM20 ke bawah, ada 1

juta rumah RM20 dan ke bawah. Pelik tapi benar, tapi ada 1 juta buah rumah. Ini semua mengikut akaun TNB, 1 juta buah rumah itu *free* elektrik kerana kerajaan bayarkan RM20 dan ke bawah. Jumlah pembayaran yang dibuat oleh kerajaan ialah RM150 juta setahun untuk membayarkan secara percuma mana-mana orang miskin dengan kadar elektrik RM 20 dan ke bawah. Kemudian RM77 dan ke bawah...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: [*Bangun*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...Tidak akan terlibat dengan kenaikan dan...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: ...RM77 ke bawah ini, 70% daripada pengguna TNB. Ya sila.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri memberi ruang kepada saya. Saya ketengahkan tadi soal TNB kerana memandangkan begitu hebat TNB sehingga dapat memberi bonus kepada kakitangannya sehingga lima bulan kelmarin. Jadi andainya tidak dinaikkan takrif ini, adakah sesuatu kekurangan berlaku kepada TNB? Ini kerana kalau kita lihat daripada agihan yang diberi, lebihan kewangan dalam TNB sendiri daripada takrif bayaran api ini menampakkannya ia telah pun mencukupi.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ketengahkan juga adakah benar kenaikan berlaku kepada *transport* yang mengangkut pelajar-pelajar sekolah, bas sekolah dan *transport* LRT contohnya dan lain-lain. Pohon jawapan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya, dapat bonus. Itu berdasarkan keuntungan. Keuntungan tahun sudah mereka untung RM4 bilion tetapi keuntungan RM4 bilion itu bukanlah satu keuntungan yang boleh dibanggakan dibandingkan dengan aset yang punyai puluhan bilion. Pada ketika yang sama, TNB juga membayar menggunakan peruntukan RM6 bilion untuk *maintenance*, infrastruktur yang mereka ada. Setahun RM6 bilion supaya kita boleh sentiasa mendapat cahaya dan elektrik di seluruh Malaysia. *Revenue forgone* ataupun jumlah pendapatan yang tidak diperolehi kembali oleh Petronas kerana membantu supaya tarif elektrik ini turun dengan kadar nilai gas, kos gasnya rendah ialah RM14 bilion ringgit. Itu dia dan jika perkara ini diteruskan saya kira Petronas juga akan menghadapi masalah.

Oleh kerana itu, dinaikkan tarif itu nilainya ialah 0.0499 sen se *kilowatt hour* (kWh).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Ini sebelah kiri ini. Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Berkait dengan tarif elektrik tadi, apa yang dinyatakan adalah akaun yang akan terlibat dengan pengenaan GST lepas ini berkemungkinan besar hanya 30% sahaja dan 70% tidak akan terkena dengan GST ini di mana penggunaannya kurang daripada RM70

mingkinlah. Cumanya berdasarkan rekod, apa yang pernah saya diberitahu, kebanyakan akaun TNB ada yang tidak aktif di mana akaun tidak aktif ini sangat banyak.

■1820

Cuma saya ingin penjelasan yang lebih jelas berdasarkan akaun-akaun yang aktif tidak termasuk akaun yang tidak aktif yang mungkin dinyatakan kurang RM20 tadi adalah akaun yang tidak aktif, berapa yang akan terkesan dengan GST ini, dikecualikan. Maknanya tolak yang tidak aktif?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita telah mengumumkan bahawa bekalan air paip dan 200 unit pertama elektrik. Yang 200 unit pertama ini pun kita fikir sama ada 200 atau kita akan naikkan kepada 300 unit pertama elektrik sebulan, tidak dikenakan GST, itu kita sedang kaji. Setakat ini bekalan air paip itu tidak- 200 unit pertama elektrik sebulan itu telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Bajet 2014. Akan tetapi kita masih mengkaji sama ada 200 ataupun 300. Kalau ada perubahan, nanti kita akan maklumkan kepada umum mengenai kadar yang tidak dikenakan GST. Hal-hal *detail* itu tidak dapatlah saya menjawabnya, minta maaf. Kemudian kita akan meneruskan diskaun 10% kepada institusi kebajikan, kepada sekolah kerajaan, kepada *places of worship* ataupun rumah-rumah ibadat. Ini TNB memberikan komitmen. Begitu juga diskaun 10% kepada Hospital Universiti, USM, Hospital Universiti UKM, Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Paling penting ialah yang kita hendak bawa keluar dari Dewan ini ialah 70% daripada pengguna ataupun jumlahnya 4.56 juta rumah 4.56 juta akaun yang melibatkan 4.56 juta rumah di bawah RM77 tidak akan terlibat dalam kenaikan tarif ini. Bukannya senang sebenarnya, saya pun tidak suka perkara ini. Akan tetapi beberapa perkara yang terpaksa kita lakukan. Kemudian saya ingin meneruskan yang lain, tol itu kita tunggu pengumuman dan pun bukan Kementerian Kewangan tetapi kementerian lain, Kementerian Pengangkutan. Adakah boleh mengelak dari membayar cukai, CKHT iaitu Cukai Keuntungan Harta Tanah? Setiap pembelian atau penjualan rumah perlu melalui proses undang-undang di mana pembelian dan penjualan aset perlu menyediakan *sale and purchase agreement* dan perlu dikemukakan Lembaga Hasil untuk disetemkan. Oleh itu pembayar cukai tidak boleh mengelak daripada membayar cukai keuntungan harta tanah atau RPGT pada kerajaan.

Setiap pembelian dan penjualan aset akan disemak sama ada dikenakan CKHT ataupun RPGT dan juga duti setem. Kita melakukan perkara ini mengkaji RPGT meningkatkan ketelusan harga rumah melarang kaedah DIBS, tempoh RPGT tiga tahun pertama, individu 30%, syarikat 30%. Tahun keempat 20% dikenakan ke atas harga baru yang hendak dijual sebelum habis tahun keempat itu, syarikat 20%. Tahun kelima kalau dia lepaskan hartanah itu dijual, 15% untuk individu, untuk syarikat 15% tetapi kalau lebih daripada enam tahun atas nama individu tidak akan dikenakan sebagai apa-apa RPGT tetapi untuk syarikat masih lagi dikenakan 5%. Semuanya ini adalah untuk memastikan supaya rakyat Malaysia ini mempunyai rumah. Kita memerlukan satu juta rumah.

Yang Berhormat senator Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman telah menyatakan tadi bagaimana rumah sentiasa naik dan beliau yang terlibat dalam hartanah juga mengetahui tentang perkara ini. Terima kasih kerana menyokong usaha kerajaan ini sebab kita tahu setiap kali berlaku pembangunan hartanah di mana-mana, kita melihat di tepi jalan yang kita lalu, kadang-kadang ada

orang-orang yang berada, memiliki rumah itu sepuluh buah rumah atas satu nama, sepuluh buah rumah atas syarikat walhal mereka bukan hendak duduk di situ pun. Rumah kita ini perlu paling banyak empat buah ya tidak? Itu paling banyak. Sampai berpuluh-puluh apa hal bukankah tujuannya untuk...
[Disampuk] Ada kaitankah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Boleh, boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cuma implikasi perkataan empat itu apa sebenarnya? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbilangan Minangkabau ada disebut, '*tidak tahu dinan ampek*', tidak tahu perkara-perkara yang penting. Jadi perkataan empat itu dalam kosmologi orang Melayu macam-macam. Jadi Yang Berhormat maksudkan tadi apa sebenarnya *[Ketawa]* Kenapa empat?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya hanya membuat andaian, bererti...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkataan Minangkabau keluar, perkataan Jawa macam mana?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya Banjar. Banjar ini macam ini. Kalau satu baru belajar, kalau dua boleh mengajar, kalau tiga terlebih ajar, kalau empat baru banjar *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Akan tetapi saya satu sahajalah Tuan Yang di-Pertua setakat ini. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah saya rasa itu hanya kata orang sudah senja maka adalah cetusan-cetusan di senja ini. Maksud saya adalah kenapa perlu ada sepuluh buah *apartment* kalau bukan kerana tujuan spekulasi menjual. Kadang-kadang belum habis pun dibina pusat-pusat pembinaan itu, sudah dijualnya. Belum siap sudah dijual. Untung RM50,000 sebuah, RM20,000 sebuah RM100,000 sebuah, ini yang kita hendak elakkan kerana rakyat masih ramai lagi tidak mempunyai rumah dan kerajaan komited untuk membina pada tahun ini 230,000 buah rumah. Sebanyak 110,000 di bawah pelbagai skim di bawah kerajaan, 90,000 melalui swasta, lebih kurang 230,000 tahun ini dan dalam masa lima tahun kerajaan komited untuk membina satu juta buah rumah.

Jadi saya kira cukuplah sekadar itu. Terima kasih kepada enam orang senator yang memberikan pandangan dan ulasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 52** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

**RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN
(LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2013**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

■1830

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, silakan.

6.31 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat, waktu pun sudah letih sudah ini. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013 dibaca kali yang kedua sekarang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, jenayah terancang dan sindiket penyeludupan migran kini telah mencapai ke tahap yang boleh mengancam keselamatan negara kerana telah memberi kesan negatif kepada aspek sosial, ekonomi dan politik yang merupakan tunjang kepada kestabilan sesebuah negara. Sebagai contoh, dari aspek sosial, peningkatan kadar jenayah, aktiviti-aktiviti seperti penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat, pergaduhan di tempat-tempat awam dan lambakan migran. Akan menjadikan bandar-bandar dan kawasan perumahan tidak aman seperti sedia kala sehingga menjejaskan kehidupan seharian masyarakat.

Oleh yang demikian, kesalahan di bawah Bab VIB Kanun Keseksaan, dan Bahagian IIIA, Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 dijadikan kesalahan keselamatan dalam Jadual Pertama - Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 diperkasakan sebagaimana yang telah di bentang pada sesi ini. Beberapa pindaan

selari terhadap 10 undang-undang lain turut dibuat termasuk Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Pada masa ini Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 diguna untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI kesalahan terhadap negara. Bab VIA kesalahan berhubung dengan keganasan di bawah Kanun Keseksaan. Walaupun akta ini baru sahaja digubal pada tahun 2012, namun terdapat keperluan untuk meminda beberapa peruntukan untuk memasukkan kesalahan-kesalahan keselamatan yang lain bagi memperkukuhkan lagi tindakan yang boleh diambil terhadap penjenayah-penjenayah.

Bab VIB Kanun Keseksaan yang telah digubal pada tahun 2012 mengenai jenayah terancang, di mana terdapat dua kesalahan yang telah diwujudkan iaitu kesalahan menjadi anggota kumpulan jenayah terancang yang boleh dihukum sehingga lima tahun penjara. Ia juga membantu kumpulan jenayah terancang yang boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun. Bab ini juga turut mentakrifkan kumpulan jenayah terancang dan kesalahan serius.

Sehubungan dengan itu, Kanun Keseksaan juga telah dibuat pindaan selari dengan memasukkan beberapa peruntukan baru di bawah Bab VIB seperti seksyen baru, 130X, 130Y, 130Z, 130ZA, 130ZB dan 130ZC, untuk mewujudkan kesalahan tambahan seperti melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang serta menerima suapan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang. Dengan perkembangan dunia tanpa sempadan, aktiviti penyeludupan migran adalah merupakan satu sindiket yang menjadi ancaman baru terhadap keselamatan negara.

Ini kerana negara kita masa ini dijadikan negara transit sebelum migran ini di seludup masuk ke negara destinasi. Sehubungan dengan itu, kesalahan-kesalahan berkaitan anti penyeludupan migran di bawah bahagian 3A iaitu seksyen 26A, 26B, 26C, 26D, 26E, 26F, 26G, 26H, 26I, 26J dan 26K Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang mana memperuntukkan, membantu menyediakan kemudahan, menyediakan perkhidmatan, menyembunyikan, mengangkut, menyokong kesalahan bagi maksud penyeludupan migran atau migran yang di seludup dalam transit serta pemalsuan dokumen diri dan perjalanan adalah merupakan satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam membantu membuat keputusan untuk membuat pindaan ini telah melihat keperluan ini dari aspek kepentingan keselamatan negara, aspek ketenteraman awam serta aspek hak asasi manusia. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk membahaskan akta ini dengan mengambil kira semua aspek supaya pertimbangan yang menyeluruh dapat dibuat dan tidak hanya kepada aspek hak asasi manusia semata-mata. Akhirnya, mengaburi matlamat utama pindaan ini dibuat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 di bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya ada lapan nama sekarang di hadapan saya, dan saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman untuk memulakan. Silakan.

6.38 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: ...

Ahli Dewan Negara semuanya bijaksana,

Pantun seloka pembuka bicara,

Pertandingan diatur mencari juara,

Mohon jawapan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2013.

Rang undang-undang yang baru dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri adalah satu perkembangan yang amat serius. Impak rang undang-undang adalah amat besar bagi memperkukuhkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang telah diluluskan pada tahun lepas. Walaupun rang undang-undang ini hanya satu muka tetapi impaknya begitu luas. Fokus saya adalah Fasal 4 - Ancaman Pengganas.

Saya amat terpenggil untuk membahaskan isu ini kerana di dalam perbahasan Dewan Rakyat pihak pembangkang telah begitu lantang sekali mempertikaikan kebaikan rang undang-undang ini. Sehingga menganggapnya sebagai rang undang-undang *draconian*, dengan izin, yang tidak selari dengan *fundamental rights* yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

■ **1840**

Perlu kita ingat bahawa kerajaan telah berusaha dengan seberapa baik yang boleh untuk menegakkan keadilan dan memenuhi permintaan pihak pembangkang supaya dihapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun ISA dengan menyatakan bahawa kerajaan telah menipu dan cuba mengembalikan undang-undang ISA yang dimansuhkan dalam bentuk lain adalah satu tanggapan yang salah dan buruk sangka.

Justeru itu, saya ingin merujuk di dalam Dewan ini kepada insiden pencerobohan pengganas di Lahad Datu dan Semporna Sabah pada Februari tahun ini. Pada insiden tersebut, beberapa anggota pasukan keselamatan kita telah terkorban dan cedera demi menyelamatkan dan mempertahankan negara daripada pencerobohan. Amat mendukacitakan lagi bila ada pihak politik pembangkang menyatakan bahawa insiden tersebut adalah merupakan skrip rekaan Barisan Nasional bagi mendapat perhatian

dan simpati rakyat khususnya bagi mendapat sokongan pada Pilihan Raya Ketiga Belas yang diadakan pada ketika itu.

Ini merupakan tuduhan liar dan tidak masuk akal kerana tidak wajar kerajaan sanggup bertindak sedemikian sehingga mengorbankan anggota pasukan keselamatannya sendiri. Pencerobohan oleh penganas tentera Kiram yang telah berlaku bukanlah insiden enteng yang boleh dipandang ringan. Saya percaya bahawa insiden yang telah berlaku tidak akan berakhir begitu sahaja. Ancaman di kawasan *East Zone* akan berlaku lagi selagi hidupnya gerakan penganas tentera Kiram, Abu Sayyaf dan tentera militan MNLF. Baru-baru ini di Pulau Pom Pom telah berlaku insiden pembunuhan dan penculikan pelancong Taiwan.

Lebih membimbangkan lagi apabila Nur Misuari, Ketua MNLF telah mengisytiharkan kemerdekaan untuk semua Wilayah Selatan Filipina termasuk Sabah dan Sarawak pada 12 Ogos 2013.

Dengan menggelar wilayah tersebut sebagai 'Republik Bangsa Moro' ataupun RBM. Ini bermaksud Sabah dan Sarawak akan dituntut supaya diserahkan kembali kepada mereka dan membuatkan kedua-dua negeri tersebut akan sentiasa berada di dalam keadaan bahaya dan diancam oleh tentera MNLF dan pihak-pihak yang berkepentingan dengannya.

Di atas fakta sedemikianlah, maka saya menuntut dan menyokong supaya rang undang-undang ini diterima dan dikuatkuasakan bagi membendung segala bentuk ancaman penganas yang mungkin berlaku dalam keadaan yang tidak dijangka.

Ancaman penganas ini tidak dapat dijangka dan mereka akan hadir jika kita tidak bersedia dan berwaspada. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengisytiharkan bahawa gerakan Syiah telah semakin menular dan mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Justeru dengan pindaan kepada akta ini, adalah amat wajar sekali bagi membolehkan pihak berkuasa dapat bertindak dengan pantas dan berkesan. Hanya mereka yang mempunyai niat buruk dan mempunyai kepentingan negatif sahaja yang akan menentang rang undang-undang ini.

Justeru itu saya mencadangkan supaya kerajaan menggunakan rang undang-undang ini untuk bertindak dengan tegas kepada sesiapa sahaja yang cuba menggugat keselamatan dan ketenteraman negara khasnya mereka yang cuba berselindung di sebalik nama hak asasi manusia, parti-parti politik dan persatuan NGO. Selain daripada itu, pengenalan rang undang-undang ini juga amat tepat pada masanya kerana ancaman penjenayah sekarang semakin menjadi-jadi dan sudah menampakkan mereka telah bergerak giat dalam organisasi yang besar dan lebih terancang sehingga ke peringkat antarabangsa seperti penyeludupan dan pendedaran dadah dan menghantar keluar kereta curi keluar negara.

Selain daripada itu, saya juga berharap supaya kerajaan memberi perhatian serius dan bertindak dengan lebih tegas ke atas gerakan kumpulan penjenayah yang giat merekrut pelajar sebagai ahli kumpulan mereka. Kita tidak mahu pelajar kita dipesongkan dan terjerumus kepada aktiviti jenayah yang boleh menggelapkan masa depan mereka. Justeru Ops Cantas yang sedang giat dilaksanakan sekarang hendaklah dipanjangkan ke peringkat sekolah dan pusat pengajian tinggi. Membanteras

migran asing. Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini, isu kebanjiran migran asing tidak boleh lagi dipandang remeh.

Kerajaan perlu bertindak dengan lebih tegas lagi ke atas masalah ini. Ini adalah disebabkan bahawa isu kehadiran migran asing ini bolehlah diibaratkan seperti mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Saya dapat memperkatakan demikian kerana jika tidak dibendung dengan betul, migran ini akan membiak dengan cepat sehingga sampai pada suatu tahap mereka ini tidak dapat dikawal lagi dan berani menuntut hak-hak yang tidak sepatutnya. Masalah yang dihadapi oleh negara kita adalah serupa seperti mana yang dialami oleh negara lain. Sebagai contoh, rusuhan yang berlaku di Singapura dan Arab Saudi baru-baru ini. Angkara migran asing adalah satu contoh yang perlu diambil iktibar oleh kerajaan.

Kita lihat banyak insiden jenayah yang berlaku melibatkan ramai migran asing yang kehadiran mereka disokong oleh sindiket perdagangan dan penyeludupan manusia. Seperti kata Yang Berhormat Menteri, kebanjiran migran asing boleh memberi kesan negatif bagi aspek sosial, ekonomi dan politik yang merupakan tunjang kepada kestabilan sebuah negara.

Masalah migran asing didapati berbagai-bagai. Pada suatu ketika dahulu, pihak berkuasa telah berjaya menahan beberapa orang migran yang mempunyai kad UNHCR yang didapati palsu. Kad UNHCR ini dipercayai dikeluarkan oleh sindiket tertentu yang telah menjualkannya kepada migran asing khususnya yang berbangsa Myanmar dan Nepal.

Kemudian pihak berkuasa dapat membongkar satu lagi sindiket penipuan yang didalangi oleh warga asing iaitu pengedaran kad pengenalan palsu secara haram. Tidak kurang daripada itu terdapat juga penipuan oleh migran asing yang mana masuk ke Malaysia dengan menyalah guna kad Visa Pelajar. Ramai daripada mereka ini telah menyalahgunakan kelulusan Visa Pelajar untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti lain seperti pelacuran, pengedaran dadah, *black money* dan bekerja tanpa permit.

Namun begitu yang paling menyedihkan sekali apabila terdapat rakyat kita sendiri yang terlibat dalam sindiket perdagangan dan penyeludupan manusia yang sanggup menjadi tekong darat demi untuk memperoleh keuntungan secara haram tanpa mempedulikan keselamatan dan kedaulatan negara.

Selain daripada itu, beberapa pegawai Imigresen yang bertugas di Lapangan Terbang KLIA juga telah didakwa kerana terlibat dalam sindiket perdagangan dan penyeludupan manusia. Justeru, usaha untuk meminda akta ini adalah bertepatan dengan masanya supaya kuasa yang sewajarnya dapat diberikan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan yang lebih tegas lagi kepada mereka yang terlibat dalam sindiket perdagangan manusia dan kesalahan jenayah yang lain.

■1850

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya hukuman yang lebih berat lagi dikenakan kepada pesalah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran iaitu daripada 15 tahun kepada 30 tahun termasuk denda yang lebih berat di samping segala harta yang diperoleh melalui aktiviti haram tersebut harus lah dirampas.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan suruhanjaya khas untuk mengatasi masalah kebanjiran migran asing yang masuk ke negara kita secara haram. Ini adalah memandangkan usaha untuk menangkap migran asing oleh pihak berkuasa didapati agak perlahan jika dibandingkan dengan negara lain seperti Arab Saudi yang pada bulan November 2013 sahaja telah berjaya menangkap lebih kurang 50,000 pendatang asing tanpa izin walaupun menerima tentangan hebat daripada parti-parti tersebut.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Merry Christmas*, selamat tahun baru dan dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Selamat tahun baru juga kepada Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Roslin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat Roslin.

6.52 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2013.

Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan yang wajar meminda Akta Kesalahan Keselamatan iaitu Langkah-langkah Khas 2012 bagi memasukkan kesalahan-kesalahan di bawah Bab VI tentang kesalahan negara. Bab VIA tentang kesalahan berhubung dengan keganasan di bawah Kanun Keseksaan dan Bab VIB tentang kesalahan mengenai jenayah-jenayah terancang. Selain itu, pindaan ini termasuk bagi memperkasakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini berlaku banyak kejadian jenayah yang melibatkan jenayah terancang, kongsi gelap, jenayah yang melibatkan senjata api. Bagi Bab VI, kesalahan-kesalahan terhadap negara telah diluluskan. Begitu pun juga tentang kesalahan-kesalahan di bawah Bab VIA jelas SOSMA ini merupakan undang-undang yang memperincikan tentang prosedur termasuklah kesalahan-kesalahan yang mengancam keselamatan negara.

Saya ingin mencadangkan agar pelbagai kesalahan yang mengancam keselamatan negara dinyatakan dengan jelas termasuklah ucapan, tindakan dan provokasi yang mengancam keselamatan negara.

Selain itu, kita dapati Bab VIB dan Bab IIIA menyentuh berhubung dengan jenayah terancang dan penganas. Dalam hubungan ini, kerajaan mengambil langkah proaktif dengan menghalang kegiatan keganasan jenayah terancang dan penganas dengan memantau dan mengambil tindakan tegas kepada yang melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang. Kita juga dapati ada kumpulan-kumpulan tertentu yang menganjurkan demonstrasi yang

mencabar keamanan dan keharmonian negara termasuk keselamatan negara. Contohnya BERSIH 2.0 dan BERSIH 3.0.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang komited untuk menghapuskan rasuah dengan mewujudkan kesalahan tambahan iaitu menerima suapan untuk memudahkan atau memulihkan aktiviti jenayah terancang. Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memasukkan peruntukan untuk merampas dan membekukan harta mana-mana individu yang terlibat dalam jenayah terancang dan pengganas.

Sejak akhir-akhir ini, kita mendapati peningkatan kadar jenayah dari aktiviti pengedaran dadah secara besar-besaran, perjudian haram, maksiat dan pergaduhan di tempat awam. Kita dapati juga semua aktiviti ini secara langsung dan tidak langsung adalah berpunca dari kemasukan warga asing yang bagaikan tidak terkawal. Contohnya baru-baru ini, sepuluh wanita warga Vietnam ditangkap di Ipoh tanpa mempunyai dokumen kemasukan ke negara ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah keadaan kawalan pintu masuk negara begitu longgar sehingga pendatang asing boleh masuk dengan mudah. Saya berharap Imigresen dan juga PDRM menjadikan tahun 2014 ini sebagai tahun memerangi dan membanteras jenayah dadah, judi dan juga maksiat. Kalau boleh kita hendak jadikan negara ini bebas dari kegiatan judi haram dan juga maksiat.

Akhirnya saya ingin menyentuh tentang berhubung kegiatan kumpulan jenayah terancang dan kongsi gelap yang mempunyai hubungan yang terus dan mempengaruhi ahli-ahli politik dan pegawai kanan kerajaan tertentu. Tindakan samseng setengah pemimpin politik dan pengikutnya terutama semasa kempen-kempen pilihan raya umum dan pilihan raya kecil jelas membuktinya wujud hubungan antara ahli-ahli politik dengan kumpulan jenayah terancang dan juga kongsi gelap.

Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah pindaan akta ini mampu menyekat perkembangan kegiatan yang mempunyai elemen-elemen militan, subversif dan jenayah termasuk penyeludupan senjata api dan juga dadah. Apakah tindakan kerajaan bagi mengelakkan negara ini menjadi transit untuk perlindungan kepada pengganas-pengganas antarabangsa? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Dia tidak ada dalam Dewan. Yang Berhormat Datuk Rahman Bakar. Silakan Yang Berhormat.

6.57 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sangat bangga dan terima kasih kepada KDN sebab berjaya membentangkan satu akta yang sungguh penting dan bermakna iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

Sudah tentu ada sebab munasabah. Ada sebab-sebab yang boleh diterima bukan sahaja oleh pegawai-pegawai KDN, bukan sahaja orang-orang yang menjadi mangsa tetapi oleh rakyat dan negara. Sekarang kita lihat banyak sangat kes-kes jenayah yang berlaku. Ada ugut, dadah, demo, bunuh, hendak bunuh, dagang orang, dagang migran, jual orang, beli orang, hatta berjangkit pada serangan.

Dahulu gaduh, maksiat, senjata api, parti, judi, kongsi gelap, pembunuh upahan, rompak, samun. Banyak sangat. Jadi, sebab apa? Ini kerana dalam negara ini ada orang baik dan juga ada orang jahat. Semua di sini baik. Oleh itu saya berterima kasih kepada KDN sebab ada semangat untuk jaga negara.

■1900

Semangat untuk jaga rakyat daripada jadi mangsa-mangsa yang tidak diinginkan. Sekarang, sebelum saya pergi lebih mendalam akan soal apa yang berlaku. Kita kembali pula kepada latar belakang sedikit supaya cakap saya ini ada asas dan semua terasa.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini sekarang, kita mendengar satu istilah baru iaitu jenayah terancang. Dahulu ada, tetapi tidak ada istilah jenayah terancang. Seolah-olah di orkestra, ada strukturnya, ada panduannya, ada caranya, ada kaedahnya, ada mekanismenya yang tersendiri. Kenapa tidak? Dahulu siapa kata tadi, ada 49 kumpulan jenayah terancang di seluruh Malaysia, satu Malaysia. Daripada Perlis sampai Sabah. 49 kumpulan yang disebut- tahukah anda? Daripada 49 itu, ada berapa orang? Saya dapat *figure* tidak kurang daripada 43,000 orang penjenayah terancang. Ini hebat dan ia menyebabkan banyak kes.

Kalau tidak silap saya, kalau silap betulkan, *last year* sahaja iaitu tahun 2012 ada 440 kes yang berlaku. Macam-macam kes, bunuh, peras ugut hendak bunuh, rompak, samun, banyak lagi. Jadi, yang melibatkan awam lebih kurang 6,000 kes dan melibatkan harta benda, baik harta benda awam, harta benda individu sebanyak 123,719 kes. Yang Berhormat, 123,000 lebih itu, Yang Berhormat agak-agak berapa kerugiannya? Banyak pun, beribu pun, berapa agak? Banyak pun. Tidak jawab, saya jawab. Kira-kira melibatkan lebih daripada RM1 bilion harta benda yang hilang, orang yang rugi macam-macam. Jadi, akta ini muncul. Sepatutnya sudah lama muncul, tiba-tiba muncul, kita hendak bahas untuk negara. Jadi, *suddenly you* yang berlaku sekarang adalah mencemaskan. Mungkin Malaysia satu negara yang aman, maju sebab itulah banyak kes. Kes ini saya hendak cakap adalah berpunca daripada banyak sebab.

Pertama, mungkin kuat kuasa undang-undang lemah. Kedua, mungkin undang-undang yang ada lemah juga. Oleh sebab itu muncul kes ini, akta ini, saya alu-alukan. Ketiga, mungkin daripada banyaknya bilangan PATI, pendatang haram tanpa izin. Mana ada negara sebanyak Malaysia. PATI hampir-hampir mencecah dua juta orang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalaulah akta ini bagus, cantik molek, comel lote, tetapi PATI meningkat. Akta ini pun tidak berkesan mana. Apa yang saya hendak cakap ialah selain daripada akta ini, supaya PATI juga *stop* diambil kira. Lemah sangat kah? Tidak daya sangatkah? Ada polis, ada askar, ada RELA, ada macam-macam. Tidak bolehkah bendung atau ambil, tangkap dia balik, tangkap dia, hantar dia balik? Ini yang tangkap, layan, beri makan, penjara macam rumah, ada kipas, ada *aircond* sesetengah itu. Kita tidak boleh meniru penjara Singapura. Cantik, lawa, Singapura lain, kita lain. Kita tiru penjara macam Thailand. Hendak berdiri pun tidak boleh. Sempit, busuk, kotor. Itu kena buat. Jangan cantik sangat.

Keempat, saya kira bukan sahaja PATI...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [*Bangun*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya kah senyum-senyum itu? Silalah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya cuma hendak- sebab cara... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tertarik dengan cadangan untuk menjadikan penjara kita seperti penjara Thailand. Soalan saya adalah, adakah kerana seseorang itu ditangkap atas dakwaan baru hendak dituduh buat salah, kita harus layan dia seperti masyarakat yang tidak punya maruah kelas kedua?

Seseorang yang ditangkap sebelum dibicarakan dan didapati bersalah, sepatutnya kita layan seperti manusia biasa. Jangan kita jadikan dia- jangan kita jadikan aras- kita hendak menjadi negara maju 2020. Jangan kita jadi negara yang sebegini. Kita hendak bandingkan diri kita dengan Bangladesh, Zimbabwe, jangan macam itu. Kita bandingkan negara kita sebagai negara maju, punya dasar perikemanusiaan yang lebih baik. Jadi, adakah perlu kita layan mereka yang ditangkap ini dengan seperti separuh haiwan? Itu persoalan saya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Setuju dengan pandangan itu. Puas hati? Okey. Kalau setuju, okeylah [*Ketawa*] Senang sahaja aku. Kedua, saya hendak bercerita daripada latar belakang itu sebab itu kita sebagai sebuah negara, kena jaga dari sekarang. Saya bimbang kalau akta ini tidak muncul, maka banyak lagi kes-kes jenayah yang lebih teruk akan berlaku. Oleh sebab itu saya menyokong akta ini dan bukan sahaja kena bertindak tetapi kena laksanakan betul-betul.

Masuk pindaan seksyen 6...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nampak sangat. Bolehlah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Celahan saya ini sebenarnya adalah berbangkit daripada apa Yang Berhormat Senator Tuan Saiful timbulkan tadi. Akan tetapi hendak bertanya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman. Adakah rasanya Dato' Rahman fikir, kebanjiran pendatang-pendatang asing tanpa izin ke negara kita ini, bukankah kerana kita terlalu dengan izin, terlalu *lenient*, terlalu manusiawi sedangkan orang datang dengan sifat binatang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Tuan Saiful pun menyebut tadi tentang kita hendak melayan sebagai haiwan. Yang ternyata sekarang, memang mereka, kebanyakan mereka berkelakuan seperti haiwan tanpa mengambil kira adab sopan dan peraturan di negara kita. Saya rasa kerana itu apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Rahman tadi saya rasa supaya kita lebih tegas, lebih dengan izin lebih *strict*, supaya kebanjiran itu dapat diatasi. Jadi kesimpulan soalan saya, adakah Yang Berhormat Senator Dato' Rahman rasakan kebanjiran pendatang-pendatang asing tanpa izin ke negara kita sekarang, ialah kerana sikap kita yang terlalu *lenient* dan mungkin juga kerana penjara kita yang terlalu mewah.

Jadi, kalau dibandingkan dengan Taiwan, dengan negara-negara lain untuk lebih *strict*, saya rasa tidak ada masalah. Apakah pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Rahman?

■1910

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak khabar sedikit iaitu kita baik sangat. Baik sangat, terlalu baik. Mana ada negara penduduk asal 28 juta, PATI 2 juta, mana ada? Kecuali Malaysia

saja, betul. Baik sangat. PATI ini latar belakang mereka kena faham. Kalau mereka baik, mereka tidak menjadi PATI. Orang jahat sahaja, rekod buruk sahaja, ada masalah sahaja yang menjadi PATI. PATI itu biasanya orang yang buat kesalahan di negara mereka, itu satu. Kedua, banyak penyakit. Orang yang datang ke sini tidak mahu balik, itu langgar undang-undang-undang. Bila langgar undang-undang, istilahnya jahat, betul? Tidak baik.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sabar Yang Berhormat Senator Tuan Saiful, duduk dulu, aku hendak cerita *[Ketawa]* Duduk dulu.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hendak minta penjelasan sedikit saja, boleh?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak cakap sedikit, duduk dahulu. Jadi, PATI ini kesimpulannya jahat. Buat apa layan orang jahat?...

Seorang Ahli: Betul-betul!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau bukan PATI, orang asing datang bukan PATI, dia datang masuk dengan akhlak yang baik, tidak langgar undang-undang. Kalau PATI itu jahat sebab langgar undang-undang di sini, latar belakangnya tidak baik. Kalau dia baik tidak akan jadi PATI. Jadi, kita layan seperti kata Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tadi, baik sangat. Kita apa? *Too lenient?*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *To lenient*, dengan izin.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baik sangat. Jadi, pegawai kita, penguat kuasa kita letih hendak layan, saya pun letih, cakap tentang PATI ini berbuih-buih mulut. Yang Berhormat Senator Tuan Saiful tengok apa? Tanyalah *[Ketawa]*

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sudah hilang idea. Baik...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Duduk dulu, kalau hilang idea duduk dulu *[Ketawa]* Duduklah.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Bila bercakap tentang pendatang asing tanpa izin, kita cuma bercakap tentang kaedah kemasukannya ke dalam negara. Sama ada melalui sistem atau tidak melalui sistem, itu yang pertama. Akan tetapi adakah kita menyedari bahawa hakikat kebanyakan pendatang asing izin atau tanpa izin ini kerana kelemahan sistem kita sendiri?

Kalau di negara-negara luar yang menguruskan pekerja asing ini ianya menubuhkan satu jabatan khas, tidak menswastakan kemasukan pekerja asing kepada syarikat swasta kerana ini isu *security* negara. Apa yang dikatakan dua juta itu tanpa izin, yang dengan izin itu tiga juta, campur menjadi lima juta lebih. Sepatutnya segala usaha mengambil, membawa masuk pekerja asing tanpa izin ini diletakkan di satu jabatan khas, gabungan beberapa jabatan yang lain untuk memantau. Ini kerana industri ini kita tahu, ini industri yang mendatangkan keuntungan kepada syarikat swasta. Akan tetapi apabila syarikat swasta bawa masuk dalam negara ini, ia tidak menggunakan saringan

keselamatan, tidak ada. Tidak ada saringan jenayah. Mungkin sedikit saringan kesihatan melalui FOMEMA, itu pun belum tentu dia buat dengan betul.

Jadi, untuk pekerja asing ini, sebaiknya kerajaan mengambil kira cadangan-cadangan kita yang terdahulu, dalam perbincangan-perbincangan yang terdahulu. Lanya harus diserahkan semula sepenuhnya kepada kerajaan melalui jabatan khas dan ia harus ditangani sebaik mungkin, selagi mana kerajaan tidak mengambil sikap melihat masalah pendatang ini, pekerja asing ini sebagai masalah *security* negara, selagi itu kita akan berhadapan dengan masalah yang tidak ada kesudahan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya setuju.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman, saya minta dulu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman. Sebelum Yang Berhormat Senator jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sabarlah...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sebab kita hendak cakap sebab rasa-rasanya seronok juga yang itu tadi [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu-satu, selepas itu *you*... Saya sokong PATI ini, pendatang asing ini kena saring bukan sahaja rekod kesihatan. Malah juga rekod latar belakang mereka. Adakah mereka ada jenayah? Bunuh orang? Pecah rumah? Samun? Di negara asal mereka. Ini kerana jenayah yang dibuat oleh pendatang asing, biasanya rekod di tempat mereka buruk.

Jadi, saya syorkan termasuk Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham syor, satu *line* dengan saya bahawa semua ejen kena masukkan rekod akhlak mereka, rekod yang di negara asal mereka.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hapuskan sistem ejen terus, terus kepada kerajaan senang.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, itu kena timbang dulu [*Ketawa*] Ini Yang Berhormat Senator hendak tanya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab apa, kita bercakap tentang PATI. Pemahaman saya tentang PATI adalah pendatang tanpa izin. Bila kita bercakap tentang pendatang tanpa izin, maksudnya tidak ada kelonggaran atau pun sesiapa yang mengendalikan pengurusan mereka ini yang masuk ke dalam negara.

Itu yang kita bincangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi. Bermaksud jenayah yang dilakukan oleh PATI iaitu pendatang tanpa izin. Bila kita mempertikaikan tentang kemasukan mereka, pekerja-pekerja asing ini ke dalam Malaysia melalui proses-proses tertentu seperti mana yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat Senator Tuan Saiful tadi, diuruskan mungkin oleh syarikat swasta tetapi kita mempunyai beberapa prosedur yang kita sendiri tahu, yang mana segala pengurusan adalah melalui KDN, melalui Kementerian Sumber Manusia dan ada lagi agensi-agensi tertentu yang membolehkan mereka ini masuk ke dalam negara kita dan menjalankan aktiviti pekerjaan atau pun perniagaan. Itu pemahaman saya.

Jadi, kalau kita bercakap tentang PATI pada saya, itu bukan kesilapan sesiapa. Itu adalah antara langkah-langkah yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi

untuk kita sama-sama fikir, oleh pihak kerajaan, bagaimana untuk membendung PATI ini. Saya cuma hendak dapat pendapat daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tentang PATI sebab pemahaman saya tentang PATI adalah pendatang tanpa izin. Maksudnya tidak ada *related* dengan sesiapa pun yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Saiful tadi. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dua-dua ini saya simpulkan, untuk kita ketatkan cara-cara, kaedah ataupun kaedah kemasukan. Jangan senang sangat. Satu hal saya hendak maklumkan bahawa sekarang ini, dulu *maid* atau amah, masuk ke Malaysia pakai visa pelancong, jumpa imigresen, minta pasport pekerja, boleh. Sekarang tidak boleh lagi. Melalui 1 Oktober, *maid* yang datang untuk dapat pasport pekerja, permit kerja tidak boleh. Mesti melalui ejen juga untuk ketat. Dulu mudah sangat, ambil *maid* daripada Sumatera ke Batu Pahat ke Melaka, ke Pontian, ambil, balik rumah simpan, pergi imigresen minta permit kerja, boleh jadi *maid*. Beribu-ribu orang, ramai orang. Sekarang tidak boleh lagi. Macam itulah, kena ketatkan cara dan kaedah.

So, saya minta, saya bukan alim sangat tetapi saya tahu sangat semua orang, rakyat Malaysia sudah rimas, meluat sangat tentang pendatang asing tanpa izin yang melakukan jenayah. Dulu Yang Berhormat Senator Abbas kata di Selayang penuh Myanmar makan sirih, pakai kain pelekat, '*puih, puih*'... [Mengajuk cara meludah] [Ketawa] Betul Yang Berhormat Senator Abbas, betul?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekarang di Chow Kit penuh mini Jakarta kecil, di Klang, di Pulau Pinang, di Johor Bahru, semua bandar. Jadi, saya minta KDN bersikap tegas, tangkap, hantar pulang atau masukkan dalam penjara, itu satu.

Fakta kelima, lubang-lubang tikus banyak sangat. Saya dalam ini... [Menunjukkan Aturan Urusan Mesyuarat] Saya ada usul supaya lubang-lubang tikus disumbat. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, di Golok ada 63 lubang tikus. Golok saja. Bukan sepanjang sempadan Malaysia dengan Kelantan. Belum lagi lubang tikus Sabah dengan Indonesia.

■1920

Belum lagi Sarawak dan Kalimantan. Belum lagi Johor, puluhan ribu lubang-lubang tikus. Kalau saya orang asing, saya pun hendak jadi tikus [Ketawa] Oleh sebab lubang banyak sangat. Pergi balik hari, pergi balik hari. Golok sahaja, saya ingat tidak kurang 5,000 hingga 6,000 satu hari mereka berulang-alik masuk tanpa lalu ikut *check point*, tanpa lalu ikut imigresen. 5,000 hingga 6,000. Kalau salah betulkan saya, mungkin tambah lagi. Jadi negara ini, betullah pantainya panjang. Pantai-pantai di Vietnam, Amerika, China, Eropah dan Afrika lebih besar tetapi mereka boleh menjaga rakyat asing dari menceroboh. Lubang tikus ada tetapi sedikit-sedikit, kita beribu-ribu. Saya pun hendak jadi tikus.

Kalau saya kata orang marah tetapi ini hakikatnya. Jadi kalau akta ini, saya sokong tetapi akta ini tidak ada lubang tikus. Itu kena tengok banyak aspeklah. Kena kaji balik, kena buat balik. Saya tidak mahulah negara ini, rakyatnya 28 juta, pekerjaanya 12.5 juta dan pekerja asing tiga juta yang sah dan yang tidak sah dua juta, semuanya lima juta, ramai sangat. Kita bukan hendak tolak semuanya. Macam *Nepal* ada di sini 6,000 lebih menjadi *guard* daripada 123,000 orang *guard* rakyat Malaysia, okeylah.

Akan tetapi kalau sudah lima juta, masalah besar. Buat akta itu, buat akta ini, Malaysia sekarang paling terkenal dengan banyaknya akta, betul? Undang-undang itulah, undang-undang inilah, kita pun letih *debate* sana, *debate* sini. Bukan hendak marah tetapi hakikat. Macam kartun kita ini. Jadi kuat kuasa kena kuat, undang-undang kena kuat, bukan sahaja akta yang kuat. Akta yang ini boleh disokong tetapi kalau lubang tikus banyak sangat, kalau kuat kuasa lemah sangat, tengok sini. Ini *style* sahaja, cara persembahan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada kandungan seksyen 6(2)(a) untuk pintas dan simpan. Saya setuju mana-mana pemberi maklumat kena pintas dan simpan. Banyak sangat pemberi maklumat yang tidak bertanggungjawab. Saya faham pintas untuk apa. Pintas kerana ancam negara, mungkin salah maklumat. Mungkin kalau tidak pintas, dia sabotaj. Mungkin propaganda, mungkin adu domba, mungkin hendak khianat dan mungkin tidak baik. Jadi pintas ini, baik. Simpan itu saya rasa untuk dianalisis, dijadikan bukti untuk *counter check*, *counter attack* dan bahan bukti untuk dalam mahkamah nanti.

Oleh sebab itu saya hendak tahu, adakah kementerian menggunakan peranti untuk penjenayah. Saya rasa ada. Peranti ini bagus. Peranti ini saya syorkan tahan lama. Hendak potong tidak boleh, hendak buang tidak boleh. Jadi bukan sahaja dipakai di tangan, tangan ini dia potong tangan, hilanglah peranti. Saya mengesyorkan pakai di kaki dan di tangan dua, kaki dan tangan. Sekarang di tangan saya, tidak ada di kaki. Jadi kalau dia hendak potong tangan, hendak potong kaki tidak boleh. Potong tangan boleh jalan. Potong kaki, tidak boleh jalan. Saya pun tunjuk pakai satu lagi di tengkuk, boleh? [*Ketawa*] Leher. Potong leher mampuslah, mati.

Jadi peranti ini saya syorkan dibuat daripada bahan yang berkualiti, dipakai di tangan dan di kaki. Kalau pakai di leher, orang kata kesian, macam-macam dia letak, macam-macam. Janganlah, kesian. Tekak dia besar, tidak boleh telan buah. Jadi tidak boleh.

Saya juga hendak tanya kenapa Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dimasukkan kesalahan di bawah Bab VI, pertama. Kedua, Bab VIA(2) dan ketiga Bab VIB(2). Apa sebab tiga bab ini dimasukkan ke dalam kesalahan keselamatan? Apa kaitannya? Minta Yang Berhormat Menteri yang dikasihi menjawab nanti.

Jadi satu lagi saya hendak kaitkan dengan soal Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagikah Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau Tuan Yang di-Pertua minta berhenti, saya berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung dalam masa empat minit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hah gulung. Jadi saya hendakkan anti ni kena kuat kuasa... [*Menunjukkan kertas rang undang-undang berkaitan*] Ini bagus, Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran bagus sebab sekarang Malaysia merupakan sebuah negara tumpuan untuk pemerdagangan orang dan untuk migran datang.

Jadi akhir sekali, saya mengesyorkan supaya satu *committee*, jawatankuasa ditubuhkan untuk menyemak semua sekali keseluruhan akta ini dari semasa ke semasa, bertanggungjawab untuk mengkaji keberkesanan, satu. Kedua, kelemahan dan ketiga, kebaikan lantas mengesyorkan, kemukakan syor-syor yang baik.

Saya mencadangkan juga Menteri menjadi pengerusi untuk jawatankuasa mengkaji keberkesanan akta ini dari masa ke semasa dan anggotanya saya syorkan juga ambillah sesiapa tetapi jangan lupa daripada satu badan kehakiman, kedua daripada Majlis Peguam- Yang Berhormat Senator Saiful suka ini dan yang ketiga SUHAKAM dan keempat kalau boleh satu orang Senator juga dilantik sebab kita yang buat, kita yang sokong. Tepuk sikit [*Tepuk*] Jadi kita gulung, akta ini bagus tetapi kena berhati-hati, kena memperkasakan. Tahniah, syabas, saya sokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih ada beberapa orang lagi, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh orang lagi yang hendak membahaskan rang undang-undang ini. Hari ini kita cuma ada satu minit sahaja lagi, saya fikir Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus mungkin, *introduction* sahajalah Yang Berhormat.

7.29 mlm.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya minta maaf, waktu dipanggil tadi saya ada di bilik air, saya berkejar...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Yang Berhormat Datuk Rahman sudah mula dulu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: ...Saya tolong *you*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebenarnya saya sudah kemas *paper* saya, nota saya sudah berkemas, ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cukup?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: ...Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang boleh kemas *paper* Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sambung esok pun tidak panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung esok, masa perbahasan esok, Yang Berhormat mulakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okeylah, terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, memandangkan masa kita sekarang tepat pukul 7.30 malam. Maka kita tangguhkan Dewan hari ini sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 19 Disember 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.]